

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini penulis akan menerangkan kaitan antara Teori Relevan dan Teori yang bergandingan dengannya iaitu Teori Semantik Sistem penuh dalam menganalisis implikatur dalam sajak. Kedua-dua teori ini akan dilihat dari segi keberkesanan fungsinya dalam menganalisis implikatur. Analisis ini adalah penting bagi penulis dalam mengetahui konteks pemikiran penulis sajak dalam usaha beliau menyampaikan maksud sebenar dalam sajak yang ditulis. Implikatur yang akan dilihat dalam sajak adalah implikatur di peringkat ayat. Justeru objektif kajian bagi kajian ilmiah ini adalah seperti berikut:

- i) Melihat keberkesanan Teori Relevan dalam menghuraikan implikatur yang wujud dalam sajak.
- ii) Melihat sejauh mana pembaca yang membaca sajak-sajak yang mengandungi bahasa figuratif mencapai matlamat tiga gagasan utama dalam Teori Relevan iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses dalam usaha mereka mengesan dan memproses implikatur yang terdapat dalam sajak.
- iii) Mengenalpasti jenis-jenis implikatur yang wujud dalam sajak.
- iv) Mengenalpasti apakah strategi-strategi penggunaan implikatur dalam sajak

4.1 Objektif 1

Perkara yang amat penting bagi sesebuah kajian adalah teori yang dipilih haruslah bertepatan dengan kajian yang ingin dijalankan. Justeru bagi objektif yang pertama, penulis akan melihat samaada Teori Relevan merupakan teori yang tepat dan menunjukkan keberkesanan penggunaannya dalam kajian ini serta melihat samaada teori ini dapat menghuraikan implikatur yang wujud dalam sajak menerusi analisis yang akan dijalankan.

4.2 Objektif 2

Bagi objektif yang kedua pula, penulis akan melihat sejauh mana pembaca yang terdiri daripada 10 orang pelajar German-Malaysian Institute yang membaca sajak-sajak dikategorikan mengikut tahun yang turut mengandungi bahasa figuratif. Analisis terhadap 10 orang pelajar ini adalah penting untuk melihat sama ada mereka dapat mengesan implikatur yang wujud dalam sajak tersebut. Selain itu penumpuan analisis juga akan melihat samaada dalam usaha 10 orang pelajar ini mengesan implikatur, adakah mereka juga mempunyai konteks yang sama dengan penulis sajak berkaitan dengan maksud sebenar yang ingin disampaikan dalam setiap rangkap sajak. Oleh itu setiap analisis ini penting dalam melihat samaada dapat mencapai matlamat utama dalam Teori Relevan yang berdasarkan tiga gagasan utamanya dalam melihat kewujudan implikatur iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses yang melibatkan proses kognitif.

4.3 Objektif 3

Bagi objektif yang ketiga, penulis juga akan mengenalpasti jenis-jenis implikatur yang wujud dalam sajak setelah analisis terhadap kewujudan implikatur dalam sajak dilakukan. Usaha mengenalpasti jenis-jenis implikatur amat penting bagi kajian ini kerana jenis implikatur yang wujud semestinya berbeza dengan kajian-kajian implikatur terdahulu kerana kajian implikatur ini melibatkan genre sastera seperti sajak.

4.4 Objektif 4

Objektif yang terakhir adalah kesinambungan kepada objektif ketiga iaitu mengenalpasti strategi-strategi penggunaan implikatur dalam sajak. Proses mengenalpasti strategi penggunaan implikatur dalam sajak amat penting bagi kajian ini. Dalam usaha penyair iaitu penulis sajak dalam menyampaikan maksud dalam sesebuah sajak secara tersirat sudah pasti mempunyai strategi-strategi tertentu.

Untuk melancarkan perbincangan, 10 orang pelajar ini ditandai dengan kod-kod tertentu supaya ia mudah dirujuk . Kod-kod tersebut adalah :

- a) P1 (untuk pelajar pertama)
- b) P2 (untuk pelajar kedua)
- c) P3 (untuk pelajar ketiga)
- d) P4 (untuk pelajar keempat)
- e) P5 (untuk pelajar kelima)
- f) P6 (untuk pelajar keenam)
- g) P7 (untuk pelajar ketujuh)

- h) P8 (untuk pelajar kelapan)
- i) P9 (untuk pelajar kesembilan)
- j) P10 (untuk pelajar kesepuluh)

Sementara itu 6 buah sajak yang dipilih (sila rujuk lampiran) telah dikategorikan mengikut tahun ia ditulis dan ia terdiri daripada :

- g) Sajak sebelum merdeka (tahun 50 an)
- h) Sajak tahun 60 an
- i) Sajak tahun 70 an
- j) Sajak tahun 80 an
- k) Sajak tahun 90 an
- l) Sajak tahun 2000

Setiap sajak yang dikategorikan mengikut tahun ini, disertakan bersama-sama maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Hal ini penting dalam mengukuhkan lagi perbincangan berkaitan implikatur dan juga untuk memahami pemikiran serta konteks sebenar yang cuba disampaikan oleh dalam sajak-sajak mereka.

4.5 Analisis Implikatur dalam Sajak- Sajak Melayu

Dalam bab ini penulis akan membincangkan secara mendalam implikatur yang wujud dalam 6 buah sajak yang dipilih sebagai sampel kajian. Kewujudan implikatur ini juga di analisis berdasarkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak adalah penting dalam melihat kebenaran kewujudan implikatur dalam setiap ayat dalam 6 buah sajak ini.

Analisis implikatur ini adalah penting dalam memahami apakah maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak.

4.5.1 Implikatur Dalam Sajak Sebelum Merdeka (Tahun 50an)

Analisis akan dimulakan dengan melihat implikatur dalam sajak sebelum merdeka (tahun 50an). Sajak ini bertemakan seruan untuk keamanan dan kemerdekaan tanah air dan seluruhnya (Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman:1993:70). Dalam usaha melihat maksud sebenar yang ingin disampaikan dalam ayat-ayat ini, penulis akan melakukan penterjemahan ke atas ayat-ayat tersebut kepada bentuk-bentuk logik yang sepadan. Penterjemahan ini dilakukan berteraskan Teori Semantik Sistem Penuh yang sama-sama bergandingan dengan Teori Relevan dalam kajian ini. Penterjemahan dilakukan merujuk kepada kamus dewan seterusnya menghasilkan bentuk logik (tersurat). Bagi ayat juga tanah, pohon dan buah-buah dan ayat juga tulang, daging dan darah merupakan ayat yang terdapat dalam rangkap pertama sajak ini dan rangkap pertama sajak ini berbunyi :

Sisa hidup ini hendak kita pelihara
juga tanah,pohon dan buah-buah
juga tulang, daging dan darah
jangan suara jadi parau di musim kemarau

Bentuk logik 1:

jugá _____ , _____ dan _____
(lapisan bumi (tumbuhan yang (bahagian tumbuhan
yang di atas berbatang besar) yang terjadi
sekali)

daripada bunga atau
putik)

Bentuk logik 2 :

juga _____, _____ dan _____
(rangka tubuh manusia) (isi pada manusia dan binatang) (cecair berwarna merah yang mengalir dalam tubuh manusia & binatang)

Jika dilihat ayat pada bentuk logik 1 dan bentuk logik 2 yang diterjemahkan ke bentuk-bentuk logik, iaanya gagal mengesan implikatur yang wujud dalam ayat-ayat ini. Ini kerana terjemahan menunjukkan hanya makna perkataan demi perkataan sahaja yang akan dilihat oleh pembaca dan sudah pasti ia meninggalkan kekaburuan kepada pembaca apabila membaca ayat-ayat dalam sajak ini dan seterusnya. Ayat-ayat ini sebenarnya mempunyai makna yang melangkaui makna literal yakni implikatur. Hal ini dibuktikan daripada maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak iaitu :

Kehidupan hendaklah digunakan sebaik-baiknya terutamanya untuk membela tanah air dengan memelihara kesuburan tanahnya serta ke-sejahteraan rakyat seluruhnya.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:70)

Berdasarkan makna sebenar yang telah dinyatakan oleh penulis, ayat juga tanah, pohon dan buah-buah sebenarnya membawa implikatur tentang tanah air yang harus dibela dan dijaga kesuburan tanahnya manakala ayat juga tulang, daging dan darah membawa implikatur tentang rakyat yang juga harus dijaga. Ternyata pemilihan perkataan *tanah, pohon dan buah-buah* cukup relevan dalam menggambarkan tanah air manakala dalam menggambarkan rakyat, penulis membawa ciri-ciri manusia yang mempunyai *tulang, daging dan darah*. Pemilihan perkataan yang bertepatan dalam memberi gambaran

maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak amat penting dalam membentuk konteks dan kesan konteks kepada pembaca. Perkataan *tanah*, *pohon* dan *buah-buah* juga merupakan perkataan yang membangkitkan implikatur. Jika ayat-ayat ini tidak dilihat dari sudut konteks sajak sudah pasti ayat-ayat ini seperti memberi makna yang tidak logik. Justeru aspek konteks sajak amat penting untuk membimbing pembaca dalam memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis sajak.

Bentuk logik 3 :

jangan suara jadi _____ di musim kemarau
(serak)

Seterusnya ayat bagi bentuk logik 3 yang telah diterjemahkan. Ayat yang diterjemahkan ini juga tidak memberi makna yang menampakkan ciri-ciri implikatur. Ayat suara jadi parau tidak berkaitan dengan musim kemarau. Namun ayat jangan suara jadi parau di musim kemarau mempunyai implikatur tentang kesejahteraan rakyat beserta suara dan luahan hati rakyat yang harus didengar dan diambil perhatian dalam memelihara kesejahteraan hidup mereka. Implikatur yang dikenal pasti ini juga merupakan implikatur ayat penyata. Perkataan yang membangkitkan implikatur adalah perkataan *parau*. Secara logiknya perkataan *parau* hanya bersesuaian digunakan untuk suara dan bukan untuk musim tetapi gambaran yang cuba diberi oleh penulis adalah jangan sampai rakyat tidak dapat menyatakan pandangan atau masalah yang mereka hadapi sehingga menyebabkan kehidupan mereka terabai. Ternyata perkataan yang dipilih cukup relevan dengan apa yang cuba disampaikan oleh penulis sajak.

Berdasarkan implikatur yang wujud dalam rangkap pertama sajak ini, hanya seorang pelajar sahaja yang telah berjaya mengesan implikatur yang sama seperti yang telah dinyatakan sebelum ini dengan tepat. Pelajar tersebut adalah P2. Di bawah dipaparkan implikatur yang dikesan oleh P2:

Rangkap 1:

P2 : Rangkap pertama membawa maksud supaya kita hendaklah menjaga tanahair kita setelah orang zaman dahulu berjuang sehingga berjaya mendapatkan ke-merdekaan. Kita hanya perlu meneruskan kemajuan dan memelihara keamanan negara kita.

Berdasarkan analisis terhadap implikatur sebelum ini, implikatur yang wujud pada rangkap pertama sajak adalah tanah air dan kesuburan tanahnya serta memelihara kesejahteraan rakyat. Melihat kepada jawapan yang diberikan oleh P2, implikatur yang dikesan oleh beliau adalah menjaga tanahair dan memelihara keamanan negara. Implikatur yang dinyatakan oleh P2 mempunyai persamaan dengan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. P2 menyatakan bahawa pengalaman hidup dan bayangan P2 terhadap apa yang ditulis dalam sajak, membantu beliau memahami rangkap pertama sajak. Justeru pemahaman P2 merupakan konteks pertama yang dibina oleh beliau. Seterusnya peluasan konteks dibina menerusi perkataan-perkataan yang digunakan dalam sajak ini yang turut memberi kesan konteks kepada P2 dalam usaha beliau memproses maklumat. Oleh itu, perkataan *tanah, pohon dan buah-buah* cukup membantu P2 dalam membuat interpretasi terhadap maksud yang ingin disampaikan kerana ia cukup relevan dalam menggambarkan tanahair.

Selain itu, perkataan *tanah, pohon dan buah-buah* telah membangkitkan andaian berkaitan tanah air. Tanah air merupakan negara asal bagi seseorang rakyat itu tinggal dan menetap. Sudah pasti tanah air mempunyai khazanah alam seperti tumbuhan dan buah-buahan yang melatari kawasan bumi. Dengan bantuan daripada konteks dan andaian yang relevan dengan konteks yang dibina seterusnya memberi kesan kepada P2 ketika membaca rangkap pertama sajak ini, maka P2 dapat mengesan implikatur yang

wujud. Di sini dapat memperlihatkan penggabungan maklumat yang dilakukan oleh P2 menerusi ayat pada baris pertama sajak sebelum merdeka iaitu Sisa hidup ini hendak kita pelihara. Sekiranya penggabungan maklumat ini tidak lakukan sudah pasti P2 tidak dapat membentuk andaian tentang tanah air yang harus dibela dan dijaga kesuburan tanahnya. Justeru ia membentuk kesimpulan implikatur yang dinyatakan oleh P2 iaitu hendaklah menjaga tanahair.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, dalam usaha membangkitkan andaian implikatur, konteks dan kesan konteks memainkan peranan yang penting. Dalam hal ini perkataan *tanah, pohon dan buah-buah* memberi konteks yang tepat dalam menggambarkan tanah air dan relevan dengan maksud yang ingin disampaikan. Di sini terserlah peranan penulis sajak yang memilih dan menggunakan perkataan-perkataan yang tepat dalam membangkitkan andaian yang relevan terhadap pembaca dalam usaha memahami maksud sebenar yang terkandung dalam rangkap pertama sajak. Selain perkataan-perkataan yang relevan membantu P2 memproses maklumat, P2 juga merupakan seorang rakyat yang tinggal di sebuah negara dan negara juga disebut sebagai tanah air telah memberi kesan konteks kepada P2. Apabila ia maklumat ini digabungkan dan dikuatkan lagi dengan situasi sebenar dalam hidup P2 maka lahirlah implikatur yang dinyatakan oleh P2 . Keadaan ini memudahkan P2 memproses maklumat tanpa melibatkan kos memproses maklumat yang tinggi.

Implikatur yang seterusnya ialah memelihara keamanan negara. Dalam maksud yang ingin disampaikan oleh penulis ialah mengenai kesejahteraan rakyat harus di jaga. Walaupun implikatur yang dihasilkan oleh P2 menyebut perkataan keamanan dan bukannya kesejahteraan namun kedua-duanya boleh terima kerana kesejahteraan rakyat lahir dari keamanan negara. Dalam hal ini, status P2 sebagai pelajar yang mungkin

mempunyai pemahaman keamanan negara sebagai kesejahteraan negara. Sekiranya negara tidak aman, kesejahteraan rakyat akan terjejas. Situasi sebenar P2 yang hidup dalam negara yang aman dan makmur menjadikan andaian yang dibuat relevan dalam usaha memproses maklumat yang terkandung dalam ayat *jangan suara jadi parau*.

Ayat *jangan suara jadi parau* membangkitkan andaian tentang suara rakyat tidak harus disekat dan suara rakyat seharusnya diberi perhatian oleh pemimpin dalam memelihara kesejahteraan hidup mereka. Dalam menguatkan lagi gambaran penulis tentang kesejahteraan rakyat, penulis sajak telah menggandingkan ayat *jangan suara jadi parau* bersama-sama ayat *di musim kemarau*. Ayat *di musim kemarau* memberi andaian tentang suasana yang kering kontang dan manusia tidak dapat hidup dengan selesa dalam keadaan yang sedemikian rupa. Kesimpulan implikaturnya adalah apabila kebijakan rakyat tidak terjaga dan rakyat tidak dapat meluahkan suara hati mereka tentang kesusahan yang dihadapi maka kesejahteraan mereka terabai. Apabila kesejahteraan rakyat terabai sudah pasti rakyat akan meluahkan isi hati mereka dengan cara kekerasan dan akibatnya negara tidak aman.

Justeru perkataan *parau* dan perkataan *di musim kemarau* yang digunakan oleh penulis sajak dalam memberi konteks yang cukup tepat tentang kesejahteraan rakyat manakala kesan konteksnya adalah *musim kemarau* sememangnya wujud dan pembaca sajak iaitu P2 juga sudah pasti mempunyai pengalaman dalam merasai keadaan musim kemarau. Pengalaman yang dilalui oleh P2 yang memberi kesan konteks dalam membantu memproses maklumat dengan mudah. Ternyata P2 dapat memahami ayat-ayat yang mempunyai implikatur. Namun demikian maksud keseluruhan rangkap pertama sajak yang dinyatakan oleh P2 dan yang dinyatakan oleh penulis sajak sendiri menunjukkan sedikit perbezaan iaitu :

Maksud sebenar penulis sajak :

Kehidupan hendaklah digunakan sebaik-baiknya terutamanya untuk membela tanah air dengan memelihara kesuburan tanahnya serta kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Maksud yang dinyatakan P2 :

Rangkap pertama sajak membawa maksud kita hendaklah menjaga tanahair kita setelah orang zaman dahulu berjuang sehingga berjaya mendapatkan kemerdekaan. Kita hanya perlu meneruskan kemajuan dan memelihara keamanan negara kita.

Jika dilihat kepada maksud rangkap pertama yang dinyatakan oleh P2 menunjukkan sedikit perbezaan iaitu pada ayat ...*setelah orang zaman dahulu berjuang sehingga berjaya mendapatkan kemerdekaan*... Pada ayat ini telah menunjukkan salah tanggapan P2 terhadap konteks keseluruhan rangkap pertama sajak ini. Walaupun P2 dapat mengesan implikatur pada ayat-ayat yang mempunyai implikatur, namun konteks keseluruhan rangkap pertama sajak ini tidak difahami sepenuhnya oleh P2. Keadaan ini disebabkan oleh P2 tidak merujuk kepada tahun sajak ini ditulis iaitu samaada sajak itu ditulis pada zaman sebelum merdeka atau sebaliknya. Tahun sajak ditulis pada pengakhiran sajak sebagai maklumat kepada pembaca tentang bilakah ia ditulis. Justeru ia telah menyebabkan salah tanggapan terhadap maklumat yang difahami oleh P2. Namun P2 masih dapat memproses maklumat tersirat yakni implikatur yang terdapat pada ayat-ayat dalam rangkap pertama sajak ini.

Bagi rangkap kedua sajak, kewujudan implikatur turut dikesan dalam rangkap ini dan rangkap kedua sajak ini terdiri daripada:

Tapi tanah kami sudah kerecikan api
lama bermula, tidak hilang sampai kini
dan meski tawaran damai sudah diberi
orang masih tidak peduli!

Bentuk logik :

Tapi tanah kami sudah _____ api
(percikan)

Apabila ayat yang mempunyai implikatur ini diterjemahkan kepada bentuk logik, ternyata maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak ternyata kabur dan tidak dapat dijelaskan jika tidak merujuk kepada konteks ayat ini digunakan. Namun ayat ini merupakan ayat yang mempunyai implikatur berdasarkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak iaitu :

Malangnya tanah air telah terlibat dengan peperangan menentang penjajah yang sudah berlaku sekian lama. Walaupun tawaran untuk berdamai telah diberikan namun pihak penjajah tidak mempedulikan langsung seruan itu.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:70)

Maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak ini adalah penting dalam mengetahui konteks sebenar sajak yang ditulis. Justeru ayat Tapi tanah kami sudah kerecikan api bukanlah untuk menyatakan tanah yang mempunyai percikan api tetapi mempunyai implikatur ayat penyata tentang peperangan yang sudah sekian lama berlaku di tanah air. Perkataan yang membawa kepada implikatur adalah perkataan *kerecikan* yang digabungkan dengan perkataan *api*. Gambaran suasana peperangan yang dilimpahi api akibat bom dan sebagainya digambarkan melalui ayat ‘kerecikan api’ manakala perkataan tanah itu sendiri merujuk kepada tanah air. Disinilah terletaknya

kerelevan penggunaan perkataan *kerecikan* dan perkataan *api* dalam mewujudkan implikatur.

Bagi implikatur pada rangkap kedua sajak sebelum merdeka ini iaitu implikatur tentang peperangan yang sudah sekian lama berlaku di tanah air yang wujud pada ayat Tapi tanah kami sudah kerecikan api, dapat dikesan oleh dua orang pelajar iaitu P2 dan juga P5. Jawapan yang diberikan oleh P2 dan P5 adalah :

Rangkap 2:

P2: Negara kita sudah dijajah sejak dahulu lagi, Walaupun setelah mendapat kemerdekaan, tapi kita masih lagi tetap dijajah tetapi dari segi lain pula seperti pemikiran, akhlak dan dalam sesetengah bidang ekonomi.

P5: Peperangan sudah lama berlaku, tiada tanda kebebasan tercipta. Walaupun segala perdamaian dibuat namun tiada siapa yang memperdulikannya.

Implikatur yang dikesan oleh P2 adalah tentang negara yang dijajah sejak dahulu lagi manakala bagi P5 pula adalah tentang peperangan sudah lama berlaku. Dalam hal ini, P2 dan P5 dapat memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis sajak dan perluasan konteks telah berlaku dari rangkap pertama sajak sehingga ke rangkap kedua sajak. Sekiranya perluasan konteks tidak dilakukan oleh P2 dan P5 sudah pasti kedua-dua pelajar ini tidak dapat menghuraikan dan memproses maklumat yang terkandung dalam rangkap kedua. Walaupun P2 menyebut perkataan *dijajah* dan bukannya peperangan, namun ia masih boleh diterima kerana proses kognitif antara setiap manusia adalah berbeza. Perkataan *dijajah* tetap menunjukkan peperangan kerana apabila sesebuah negara itu dijajah, penjajahan itu berlaku menerusi peperangan. Justeru perkataan *dijajah* tetap relevan dalam menunjukkan peperangan. Sementara itu bagi P5 telah mengesan implikatur yang tepat menerusi perkataan *peperangan*. Selain

itu perkataan *sejak dahulu lagi* yang dinyatakan oleh P2 menunjukkan satu jangka masa yang telah lama berlaku dan begitu juga dengan P5 menerusi perkataan *sudah lama berlaku*. Kedua-duanya menepati maksud yang ingin disampaikan oleh penulis sajak.

Ternyata perkataan *kerecikan api* dapat memberi andaian kepada P2 dan P5 berkaitan peperangan. Secara tidak langsung ia menunjukkan suasana peperangan yang dipenuhi lontaran bom dan api. Oleh itu, kesimpulan implikatur daripada ayat Tapi tanah kami sudah kerecikan api adalah tanah air yang sudah lama terlibat dengan peperangan. Perkataan *kerecikan api* juga telah berjaya dalam menggambarkan konteks peperangan. Jika dilihat pada terjemahan bentuk logik tentang perkataan *kerecikan* yang membawa maksud percikan, secara tepatnya dapat membantu P2 dan P5 dalam menggambarkan suasana peperangan yang dipenuhi dengan percikan api. Kesan konteksnya pula adalah dalam keadaan dunia hari ini di mana peperangan berlaku di beberapa buah negara juga turut menguatkan lagi gambaran peperangan kepada P2 dan P5 dalam memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis sajak.

Walaupun P2 berjaya mengesahkan implikatur yang sama dengan implikatur yang telah dinyatakan sebelum ini, namun P2 hanya memahami konteks ayat yang mempunyai implikatur sahaja dan bukan keseluruhan maksud rangkap kedua sajak. Hal ini dibuktikan dengan melihat kepada maksud sebenar penulis sajak dan maksud yang dinyatakan oleh P2

iaitu:

Maksud sebenar penulis sajak:

Malangnya tanah air telah terlibat dengan peperangan menentang penjajah yang sudah berlaku sekian lama. Walaupun tawaran untuk berdamai telah diberikan namun pihak penjajah tidak mempedulikan langsung seruan itu.

Maksud yang dinyatakan oleh P2:

Negara kita sudah dijajah sejak dulu lagi, Walaupun setelah mendapat kemerdekaan, tapi kita masih lagi tetap dijajah tetapi dari segi lain pula seperti pemikiran, akhlak dan dalam sesetengah bidang ekonomi

Melihat kepada maksud yang dinyatakan oleh P2, terdapat sedikit kekeliruan maklumat yang terjadi pada P2. Pada dasarnya P2 dapat memahami ayat yang mempunyai implikatur namun bagi ayat*Walaupun setelah mendapat kemerdekaan, tapi kita masih lagi tetap dijajah tetapi dari segi lain pula seperti pemikiran, akhlak dan dalam sesetengah bidang ekonomi* menunjukkan kekeliruan P2 ketika memproses maklumat yang seterusnya. Ternyata kegagalan P2 dalam memahami keseluruhan maksud pada rangkap kedua adalah kerana konteks yang dibina oleh P2 sendiri ketika menginterpretasi rangkap kedua sajak ini tidak mencukupi. Konteks utama dalam memahami rangkap kedua sajak ini adalah tahun sajak ini ditulis. Sekali lagi faktor tahun sajak ditulis yang tidak dirujuk oleh P2 menjadikan maklumat yang terdapat dalam rangkap kedua sajak ini telah menimbulkan kekeliruan terhadap P2 kerana dengan merujuk tahun sajak di tulis dapat membantu pembaca dalam memahami maksud yang ingin disampaikan. Misalnya sajak yang ditulis pada zaman sebelum merdeka iaitu tahun 50-an dapat memberi bayangan kepada pembaca tentang keadaan dan suasana yang berlaku pada sesebuah negara dan masyarakat. Keadaan dan suasana dapat membina konteks kepada pembaca dalam usaha beliau memproses maklumat yang tersirat yang terkandung dalam sajak.

Maksud pada rangkap kedua sajak ini adalah berkaitan tentang zaman sebelum merdeka di mana tanah air ketika itu dijajah dan perang berlaku silih berganti.

Namun maklumat ini tidak wujud dalam pemikiran P2. Ternyata P2 telah memadankan konteks dengan maklumat yang salah. Maklumat yang salah yang diproses oleh P2 dapat dilihat dengan jelas pada ayat*Walaupun setelah mendapat kemerdekaan...* Jika dilihat, sajak sebelum merdeka ini menceritakan keadaan sebelum tanah air mencapai kemerdekaan dan juga harapan penulis ketika itu dan sajak ini tidak ditulis ketika negara sudah merdeka. Justeru faktor tahun sajak ini ditulis yang tidak diberi perhatian oleh P2 telah menyebabkan salah tanggapan P2 terhadap maklumat yang diproses. Namun P2 tidak gagal dalam mengesan implikatur yang wujud. Bagi P5 pula, beliau memahami keseluruhan maksud sebenar dalam rangkap kedua sajak kerana P5 merujuk kepada tahun sajak ini ditulis dan ia menjadi faktor utama kepada P5 dalam memproses maklumat yang terkandung dalam rangkap kedua sajak.

Ayat yang mempunyai implikatur seterusnya pada 3 ayat yang berada pada rangkap ketiga sajak iaitu ayat Pohon getah dan tanah mengandung bijih, rebutan manusia daerah asing dan ayat kita gali kubur dan masuk berdiam di dalamnya!. Rangkap ketiga sajak ini

terdiri daripada :

Pohon getah dan tanah mengandung bijih
rebutan manusia daerah asing
kita gali kubur dan masuk berdiam di dalamnya!

Bentuk logik 1 :

Pohon getah dan tanah _____
(membawa
sesuatu dalam
saku) _____ (batu yang
mengandungi
logam)

Bentuk logik 2:

rebutan manusia	(lingkungan sesuatu pemerintah)	(berasal dari daerah atau negeri lain)
-----------------	---------------------------------------	--

Bentuk logik 3 :

kita _____ kubur dan masuk berdiam di dalamnya!
(membuat
lubang dalam
tanah)

Melihat kepada terjemahan ayat pada bentuk logik 1, bentuk logik 2 dan bentuk logik 3, makna yang diperolehi adalah di peringkat makna perkataan demi perkataan semata-mata dan bukan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis kerana makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak dalam rangkap ketiga sajak ini adalah:

Kekayaan bahan mentah seperti getah dan bijih timah menyebabkan penjajah barat menjajah negara kita silih berganti. Rakyat tidak mampu menentang kekuatan penjajah itu, lantas menerima sahaja nasib malang itu.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:70)

Jika maksud sebenar penulis sajak ini dibandingkan dengan terjemahan bentuk-bentuk logik yang telah dinyatakan, makna dalam bentuk-bentuk logik ternyata bukanlah makna yang melangkaui makna literal. Implikatur yang terdapat pada ayat Pohon getah dan tanah mengandung bijih adalah tentang tanah air yang kaya dengan bahan mentah. Implikatur ini juga merupakan implikatur ayat penyata. Jika dilihat kepada perkataan *mengandung*, perkataan itu sememangnya tidak mempunyai kaitan dengan bijih. Perkataan *mengandung* selalu dirujuk kepada wanita yang hamil. Namun gambaran

yang cuba diberikan oleh penulis sajak tentang hasil bumi iaitu bijih timah yang tertanam dalam perut bumi di samping pohon getah yang merupakan sumber kekayaan hasil bumi. Justeru perkataan mengandung telah mewujudkan implikatur pada ayat Pohon getah dan tanah mengandung bijih. Sementara itu bagi ayat rebutan manusia daerah asing membawa implikatur tentang penjajah-penjajah yang menjajah tanah air bertujuan untuk merampas kekayaan hasil bumi yang terdapat pada tanah air ketika itu dan itulah tujuan utama mereka menjajah tanah air. Oleh itu implikatur yang wujud terletak pada perkataan *daerah asing* cukup relevan dalam menggambarkan seseorang yang datang dari wilayah pemerintahan yang lain iaitu penjajah.

Bagi implikatur seterusnya wujud pada ayat kita gali kubur dan masuk berdiam di dalamnya!. Implikatur dalam ayat ini iaitu tentang rakyat yang tidak dapat menentang kekuatan penjajah lantas menerima sahaja nasib malang yang menimpa mereka. Dalam ayat ini implikatur yang wujud terletak pada perkataan *kubur*. *Kubur* merupakan tempat bagi orang yang sudah meninggal dunia. Justeru ia dengan jelas menggambarkan apabila seseorang itu sudah meninggal dunia maka tidak mampu berbuat apa-apa lagi. Keadaan inilah yang cuba digambarkan tentang keadaan rakyat yang tidak mampu berbuat apa-apa dalam menentang kuasa penjajah.

P2 dan P5 sekali lagi dapat mengesahkan implikatur yang terdapat pada rangkap ketiga sajak ini. Implikatur tersebut terletak pada ayat Pohon getah dan tanah mengandung bijih, rebutan manusia daerah asing dan ayat kita gali kubur dan masuk berdiam di dalamnya!.

Implikatur yang berjaya dikesan oleh kedua pelajar ini adalah :

Rangkap 3:

P2: Negara kita kaya dengan hasil bumi dan bahan mentah tetapi yang mengaut hasil adalah penjajah yang datang menjajah tanah air kita sejak dahulu lagi. kita umpama menggali lubang kubur untuk diri sendiri hanya mampu berdiam diri dan merugikan diri sendiri.

P5: Negara kita mempunyai pelbagai sumber-sumber yang menguntungkan seperti getah dan bijih tetapi telah dirampas dan dikuasai orang asing. Orang kita hanya melihat dan tidak mampu membuat apa-apa.

Berdasarkan implikatur yang berjaya dikesan oleh P2 dan P5 , ternyata kedua-dua pelajar ini dapat memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Implikatur yang dikesan oleh P2 adalah implikatur tentang negara yang kaya dengan hasil bumi dan bahan mentah, implikatur tentang penjajah yang menjajah tanah air mengaut hasil bumi dan implikatur tentang rakyat hanya mampu berdiam diri dan merugikan diri sendiri. Implikatur yang di kesan oleh P5 pula adalah tentang negara yang mempunyai pelbagai sumber-sumber yang menguntungkan seperti getah dan bijih, implikatur tentang telah dirampas dan dikuasai orang asing dan implikatur tentang hanya melihat dan tidak mampu membuat apa-apa.

Bagi ayat *tanah mengandung bijih*, cukup relevan dalam menunjukkan kekayaan negara dengan hasil bijih timah. Ayat ini dapat membangkitkan andaian P2 dan P5 tentang tanah air yang cukup terkenal dan kaya dengan hasil bijih timah dan getah kerana negara yang didiami oleh P2 dan P5 iaitu Malaysia merupakan negara yang kaya dengan hasil bijih timah suatu ketika dahulu. Justeru ayat ini memberi kesan konteks kepada P2 dan P5 dalam membuat andaian bahawa ketika zaman sebelum merdeka tanah air yang ketika itu dikenali sebagai Malaya menjadi tempat persinggahan pedagang-pedagang luar kerana Malaya cukup terkenal dengan kekayaan hasil bumi .

Ternyata P2 dan P5 tidak merujuk perkataan *mengandung* terhadap wanita hamil, tetapi P2 dan P5 dapat menggambarkan hasil bumi iaitu bijih timah yang terkandung dalam bumi. Justeru perkataan *bijih* yang lebih memberi konteks yang berkesan kepada P2 dalam menghuraikan maksud ayat *mengandung bijih timah*. Bagi ayat *manusia daerah asing* juga turut relevan dalam menggambarkan penjajah. Dalam hal ini P2 dapat membuat andaian implikatur tentang orang asing yang merupakan orang luar yang datang ke sesebuah negara. Kesimpulan implikatur yang dapat di buat oleh P2 adalah penjajah merupakan orang-orang yang bukannya rakyat di negara yang didiami tetapi dari wilayah pemerintahan yang lain. Justeru mereka inilah yang cuba merebut kekayaan hasil bumi yang terdapat di tanah air. Bagi P5 pula, walaupun P5 tetap menggunakan perkataan *orang asing* dan tidak menyebut perkataan *penjajah*, namun P5 tidak gagal dalam mengesahkan implikatur dan implikatur yang dinyatakan oleh P5 tetap relevan dan P5 juga memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Ayat kita gali kubur dan masuk berdiam di dalamnya! dapat menggambarkan sikap rakyat yang tidak mampu berbuat apa-apa apabila segala kekayaan hasil bumi diambil oleh penjajah. Hal ini jelas seperti yang dinyatakan oleh P2 dan P5 dalam implikatur yang dikesan oleh mereka iaitu:

P2: kita umpama menggali lubang kubur untuk diri sendiri hanya mampu berdiam diri dan merugikan diri sendiri.

P5 : Orang kita hanya melihat dan tidak mampu membuat apa-apa.

Ternyata perkataan *kubur* dapat memberi andaian implikatur kepada P2 dan P5 bahawa kubur adalah tempat bagi mereka yang sudah meninggal. Kesimpulan implikaturnya adalah orang yang sudah meninggal sudah tentu mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka sudah tidak bernyawa dan harus dikebumikan. Jadi ia diumpamakan seperti sikap rakyat yang tidak mampu berbuat apa-apa dan hanya berdiam diri.

Interpretasi yang dilakukan oleh P2 dan P5 tidak gagal dan ia memberi gambaran yang tepat seperti mana yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Selain itu P2 dan P5 juga dapat memahami konteks keseluruhan bagi rangkap ketiga sajak ini dengan memberikan interpretasi yang tepat pada keseluruhan rangkap ketiga ini. Hal ini berlaku kerana konteks yang ingin digambarkan oleh penulis sajak menerusi perkataan seperti *mengandung, bijih, daerah asing* dan *kubur* dapat diproses oleh P2 dan P5 sepenuhnya dan perkataan-perkataan ini adalah perkataan yang mudah difahami dan setiap perkara yang tersirat yang cuba digambarkan menerusi perkataan-perkataan ini adalah relevan. Apabila ia relevan, maka mudahlah bagi P2 dan P5 dalam memahami makna tersirat yang terkandung dalam rangkap ketiga sajak ini.

Pada rangkap terakhir sajak sebelum merdeka ini, ayat yang mempunyai implikatur wujud pada perkataan Damai yang diulangi sebanyak tiga kali oleh penulis sajak. Rangkap terakhir sajak ini berbunyi :

Damai-seruan dan tawaran
damai- untuk tanahairku dan kemerdekaan
damai- untuk dunia dan kesejahteraan

Bentuk logik :

_____ -seruan dan tawaran
(tidak berperang
atau serang-
menyerang)

Setelah diterjemahkan ke bentuk logik makna yang diperolehi adalah tidak berperang namun ia tidak dapat menjelaskan maksud sebenar perkataan damai yang diulangi sebanyak tiga kali dan ternyata makna yang diperolehi dari terjemahan ini tidak membantu dalam mengesan implikatur dalam rangkap terakhir sajak. Implikatur yang wujud pada perkataan Damai ini melambangkan seruan demi seruan yang dilauangkan

oleh penulis sajak dan juga menggambarkan suara hatinya sebagai seorang rakyat yang mahukan perdamaian dan kemerdekaan diwujudkan bukan sekadar perdamaian untuk tanah air bahkan untuk seluruh dunia. Perkataan seruan demi seruan yang menunjukkan pengulangan membawa kepada penegasan yang cuba digambarkan oleh penulis sajak terhadap kedamaian yang ingin dicapai. Hal ini jelas digambarkan pada maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak iaitu :

Penyajak berseru agar diwujudkan perdamaian dan kemerdekaan bukan sahaja untuk tanah airnya malahan seluruh dunia.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:70)

Implikatur yang wujud pada rangkap terakhir sajak ini juga berjaya dikesan oleh P2 dan P5. Justeru implikatur yang dikesan oleh kedua-dua pelajar ini menerusi perkataan Damai adalah:

P2: Seruan damai untuk kemerdekaan dan kesejahteraan hidup dan keamanan bukan hanya untuk tanah air sendiri tetapi juga untuk dunia.

P5: Marilah kita sahut cabaran dan seruan, membangunkan negara tercinta dan mengecapi kemerdekaan dengan penuh kebanggaan. Menjaga dunia supaya memperolehi kesejahteraan dan keharmonian.

Ayat bergaris di atas merupakan implikatur yang dikesan oleh P2 dan P5. Kedua pelajar ini memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Implikatur yang dikesan oleh P2 adalah implikatur tentang seruan kedamaian dan kemerdekaan untuk tanah air dan dunia manakala implikatur yang dikesan oleh P5 pula adalah tentang menyahut cabaran dan seruan dalam membangunkan negara tercinta dan mengecapi kemerdekaan serta menjaga dunia. Seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa perkataan *Damai* yang

diulangi sebanyak tiga kali telah berjaya memberi andaian kepada P2 dan P5 bahawa ia merupakan bentuk seruan untuk perdamaian Kesimpulan implikaturnya adalah seruan damai untuk kemerdekaan dan juga perdamaian untuk tanah air dan seluruh dunia. Perkataan Damai itu sendiri cukup jelas dalam menunjukkan suasana yang aman tanpa ada perperangan.

Justeru perkataan Damai yang diulangi sebanyak tiga kali juga membantu P2 dan P5 dalam menggambarkan konteks seruan. Lazimnya apabila seseorang itu mengulangi sesuatu perkara yang diperkatakan ia menunjukkan bahawa perkara itu amatlah penting dan harus diberi penekanan. Dalam konteks ini, kedamaian itu amat penting untuk menjamin kesejahteraan rakyat seluruh dunia. Negara yang aman dan damai membantu P2 dan P5 dalam membina kesan kontek. Kesan konteks ini membantu P2 dan P5 dalam memahami kepentingan sesebuah negara yang aman dan damai. Pada rangkap terakhir sajak ini juga P2 dan P5 memahami keseluruhan makna yang terkandung dalam rangkap terakhir sajak ini.

Walaupun interpretasi makna yang dilakukan oleh P2 pada rangkap pertama dan kedua sajak memperlihatkan beberapa perbezaan ketara berbanding dengan maksud sebenar penulis sajak, namun ia tidak menggagalkan usaha P2 dalam memahami tema keseluruhan sajak seterusnya dapat mengesan implikatur yang sama seperti yang ingin digambarkan oleh penulis. Begitu juga dengan P5 yang hanya mengesan implikatur bermula pada rangkap kedua sajak dan bukan dari rangkap pertama sajak, namun P5 juga tidak gagal dalam usaha memproses maklumat yang terkandung dalam sajak sebelum merdeka ini. Pengalaman hidup yang dilalui oleh P2 dan P5 menjadi maklumat tambahan bagi P2 dan P5 dalam memahami dan mengesan implikatur sepertimana yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Pengalaman dan maklumat tambahan inilah yang

menjadi konteks utama kepada P2 dan P5 dalam memahami maksud sajak ini. Selain itu perkataan-perkataan dan juga ayat-ayat yang digunakan oleh penulis merupakan gambaran situasi sebenar yang terjadi dalam kehidupan dapat memandu P2 dan P5 dalam memproses makna yang relevan dan seterusnya membantu P2 dan P5 dalam memproses maklumat dan mengembangkan lagi konteks yang sedia ada dalam pemikiran P2 dan P5.

4.5.1.1 Jenis-Jenis Implikatur

Setelah melakukan analisis terhadap sajak tahun 50an (sebelum merdeka), penulis telah mengenal pasti jenis implikatur yang wujud dalam sajak ini. Jenis implikatur yang wujud terdiri daripada implikatur di peringkat ayat dan juga di peringkat perkataan. Selain itu, penulis juga turut mengenalpasti strategi yang digunakan oleh penulis sajak dalam usaha beliau menyampaikan maksud tersirat yakni implikatur dalam sajak ini. Justeru jenis-jenis implikatur yang telah dikenal pasti terdiri daripada:

- i) Implikatur Ayat Penyata
- ii) Implikatur Ayat Figuratif

Bagi pernyataan (i) yang merupakan implikatur ayat penyata, terdapat beberapa ayat yang tergolong dalam implikatur ini. Ayat-ayat tersebut adalah:

- a) juga tanah,pohon dan buah-buah
- b) juga tulang,daging dan darah

Bagi kedua-dua ayat (a) dan ayat (b) yang tergolong dalam jenis implikatur ayat penyata telah menunjukkan ciri-ciri ayat penyata. Ayat-ayat ini adalah kesinambungan daripada ayat dbaris pertama dalam rangkap pertama sajak tahun 50an ini iaitu:

Sisa hidup ini hendak kita pelihara
juga tanah,pohon dan buah-buah
juga tulang,daging dan darah

Ayat-ayat yang tergolong dalam jenis implikatur ayat penyata ini merupakan ayat yang diucapkan dengan maksud untuk membuat pernyataan. Perkara yang dapat dilihat bagi rangkap pertama sajak ini adalah pernyataan penulis sajak yang menginginkan sisa kehidupan yang harus dipelihara termasuklah tanah air yang digambarkan dalam ayat juga tanah,pohon dan buah-buah dan juga rakyat yang digambarkan menerusi ayat juga tulang,daging dan darah. Bagi pernyataan (ii), terdapat beberapa ayat yang tergolong dalam implikatur ini. Ayat-ayat tersebut terdiri daripada:

- a) jangan suara jadi parau di musim kemarau
- b) Pohon getah dan tanah mengandung bijih
- c) rebutan manusia daerah asing

Penggunaan ciri-ciri figuratif yang menyelitkan unsur-unsur kiasan, perumpamaan dan sebagainya dapat dilihat dalam ayat-ayat di atas. Sebagai contoh ayat (a) yang memasukkan unsur hiperbola dimana ayat yang menunjukkan pernyataan berlebihan. Begitu juga dengan ayat (b) yang menyelitkan unsur personifikasi yang memberi sifat-sifat manusia kepada benda selain daripada manusia iaitu menerusi perkataan *mengandung*. Bagi ayat (c) pula menunjukkan ciri-ciri bahasa kiasan dimana bahasa kiasan ini digunakan untuk menerangkan sesuatu perkara dengan mengiaskannya kepada perkara lain, sama ada dengan menyebutkan bandingannya atau tidak

menyebutkan sebarang bandingan. Dalam ayat (c) tidak disebut bandingannya tetapi ayat manusia daerah asing merujuk kepada penjajah.

iii) Implikatur Kata Seruan

Bagi pernyataan (iii), terdapat sejenis ayat yang tergolong dalam implikatur ini iaitu :

kita gali kubur dan masuk berdiam di dalamnya!

Ayat kita gali kubur dan masuk berdiam di dalamnya! menunjukkan ciri-ciri implikatur kata seruan. Implikatur jenis ini merupakan bentuk kata yang berfungsi dalam melahirkan berbagai-bagai perasaan dan digunakan dalam ayat seruan. Justeru ayat (a) menggambarkan perasaan penulis sajak sebagai rakyat yang terkilan dan marah kerana tidak mampu melakukan apa-apa untuk menentang penjajah.

iv) Implikatur Golongan Kata

Bagi pernyataan (iv), terdapat satu perkataan yang tergolong dalam implikatur ini iaitu:

Damai

Perkataan Damai pula menunjukkan ciri-ciri implikatur golongan kata di mana implikatur jenis ini merupakan perkataan yang boleh ditakrifkan sebagai bentuk bebas yang terkecil. Perkataan ini juga boleh berdiri dengan sendiri dan binaannya tidak boleh dibahagi atau dipisahkan kepada bentuk tatabahasa yang lebih kecil. Justeru perkataan Damai ini tergolong dalam golongan kata sifat.

4.5.1.2 Strategi Penggunaan Implikatur

Setelah mengenalpasti jenis-jenis implikatur dalam sajak tahun 50an ini, penulis juga turut mengenalpasti kewujudan implikatur sebagai satu strategi yang digunakan oleh penulis sajak dalam menyampaikan maksud tersirat bagi setiap rangkap sajak.

Strategi yang dikenalpasti dalam sajak tahun 50an adalah :

- i) Strategi untuk memberi peringatan dan nasihat.
- ii) Strategi untuk menyatakan perasaan sedih dan kesal.
- iii) Strategi untuk menyatakan suatu harapan.

Ketiga-tiga strategi ini telah dikenalpasti dalam setiap rangkap sajak dan strategi-strategi ini memainkan peranan yang penting bagi penulis sajak kerana strategi ini diumpamakan mewakili perasaan penulis sajak dalam usaha beliau menyampaikan maksud yang terkandung dalam sajak. Bagi strategi untuk memberi peringatan dan nasihat dapat dilihat dengan jelas dalam rangkap pertama sajak iaitu:

Sisa hidup ini hendak kita pelihara
juga tanah,pohon dan buah-buah
juga tulang, daging dan darah
jangan suara jadi parau di musim kemarau

Dalam rangkap pertama sajak ini, penulis sajak memberi peringatan dan nasihat supaya tanah air harus dibela dan dijaga. Begitu juga dengan kesejahteraan rakyat yang juga harus dijaga. Seterusnya bagi strategi menyatakan kesedihan dan kekesalan dapat dilihat dengan jelas dalam rangkap kedua dan rangkap ketiga sajak iaitu:

Tapi tanah kami sudah kerecikan api
lama bermula,tidak hilang sampai kini

...samb

dan meski tawaran damai sudah diberi
orang masih tidak peduli!

Pohon getah dan tanah mengandung bijih
rebutan manusia daerah asing
kita gali kubur dan masuk berdiam di dalamnya!

Bagi kedua-dua rangkap sajak ini menggambarkan perasaan sedih dan kesal penulis sajak apabila tanah air terus dijajah tanpa ada usaha untuk berdamai dan segala hasil kekayaan bumi yang terdapat ketika itu telah dirampas oleh penjajah manakala rakyat tidak mampu berbuat apa-apa untuk menentang penjajah. Strategi yang terakhir iaitu untuk menyatakan sebuah harapan dapat dilihat dalam rangkap terakhir sajak yang terdiri daripada:

Damai-seruan dan tawaran
damai-untuk tanahairku dan kemerdekaan
damai-untuk dunia dan kesejahteraan

Rangkap terakhir sajak tahun 50an ini menggambarkan dengan jelas perasaan penulis dalam menyatakan sebuah harapan dengan menyeru agar diwujudkan perdamaian dan kemerdekaan bukan sahaja untuk tanah air tetapi juga untuk seluruh dunia.

4.5.2 Implikatur Dalam Sajak (Tahun 60an)

Analisis seterusnya adalah pada sajak tahun 60an yang berjudul *Pintaku Padamu* yang ditulis oleh Dharmawijaya. Sajak ini bertemakan nasihat bahawa ketika menghadapi perjuangan hidup, seseorang pasti akan menghadapi kejayaan dan kegagalan. Tetapi yang penting, semasa hayatnya seseorang perlu berbakti dan berusaha

bersungguh-sungguh dengan jujur dan ikhlas. Dalam pada itu, bertaqwalah kepada Allah kerana amalan kita akan dikira apabila kita mati kelak (1993:92). Dalam sajak ini terdapat 13 ayat yang mempunyai implikatur. Pada rangkap pertama sajak ini, keempat-empat baris sajak mempunyai implikatur. Rangkap pertama sajak ini berbunyi:

Kalau esok kasih kita 'kan hancur
usah ditaburi bumi ini dengan air mata
dunia bukan semata milik orang bercinta
hidup jua bukan semata untuk berlagu kecewa

Bentuk logik 1 :

Kalau esok _____ 'kan _____ jua
(perasaan sayang) (kata ganti (berkecaci-
bagi orang kecaci)
yang bercakap)

Bentuk logik 2 :

Usah _____ bumi ini dengan air mata
(diselerakkan)

Berdasarkan terjemahan bentuk logik 1 dan bentuk logik 2, makna yang diperolehi adalah makna perkataan demi perkataan sahaja. Makna-makna ini sekali lagi akan meninggalkan kecabutan kepada pembaca. Namun berdasarkan makna sebenar yang disampaikan oleh penulis sajak pada rangkap pertama ini ayat-ayat pada bentuk logik 1 dan bentuk logik adalah ayat yang mempunyai implikatur. Justeru makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis adalah:

Sekiranya gagal dalam bercinta, janganlah terlalu bersedih kerana memanglah tidak semua orang boleh mencapai kebahagiaan itu.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:91)

Ayat Kalau esok kasih kita 'kan hancur dan ayat usah ditaburi bumi ini dengan air mata sebenarnya mempunyai implikatur tentang jika seseorang itu menemui kegagalan dalam bercinta, dia tidak seharusnya terlalu bersedih. Terdapat beberapa perkataan yang membangkitkan implikatur iaitu perkataan *kasih* dan perkataan '*kan hancur*'. Jika dilihat kepada bentuk logik, perkataan *hancur* menunjukkan sesuatu yang berkecak-kecak dan tidak mungkin perasaan kasih berkecak-kecak kerana perasaan kasih bukanlah merujuk kepada sesuatu benda. Dalam hal ini penulis sajak memilih perkataan *hancur* adalah dalam memberi kesan kepada pembaca dalam menggambarkan kegagalan seseorang itu dalam percintaan. Perkataan *kasih* pula menggambarkan percintaan kerana perkataan *kasih* membawa maksud perasaan sayang dan maksud ini dengan tepat dapat menggambarkan percintaan.

Bagi ayat usah ditaburi bumi ini dengan air mata pula, ia menggambarkan perasaan seseorang yang terlalu sedih sekiranya gagal dalam percintaan. Perasaan terlalu sedih itu cuba digambarkan oleh penulis sajak pada perkataan *ditaguri bumi* dan perkataan *air mata*. Menerusi ayat ini, seseorang yang terlalu sedih lalu menangis menyebabkan air mata yang mengalir di pipinya juga mengalir ke bumi. Jika dilihat adalah sesuatu yang mustahil sekiranya seseorang itu menangis sehingga air mata memenuhi kawasan bumi namun ia menjadi relevan dan membantu dalam membangkitkan implikatur kerana ia menggambarkan betapa terlalu sedihnya perasaan seseorang itu apabila gagal dalam bercinta.

Bentuk logik 3 :

dunia bukan _____ milik orang bercinta
(hanya)

Bentuk logik 4 :

hidup _____ bukan semata untuk _____ kecewa
(juga) (berirama)

Daripada terjemahan bentuk logik 3 dan bentuk logik 4, ternyata ia tidak membantu dalam mengesan kewujudan implikatur. Makna yang diperolehi tidak akan memberi kesan kepada pembaca dan tidak mempunyai ciri-ciri makna yang istimewa. Berdasarkan maksud sebenar yang telah diberi oleh penulis ayat dalam bentuk logik di atas merupakan ayat yang mempunyai implikatur. Implikatur yang wujud pada ayat ini adalah tentang tidak semua orang di dunia ini mengecapi kebahagiaan dan tidak semua orang juga mengalami kekecewaan. Implikatur tentang kebahagiaan yang dikehendaki adalah pada perkataan *milik orang bercinta*. Orang yang bercinta selalunya kelihatan bahagia dan sentiasa berada di dalam kegembiraan dan perkataan ini cukup tepat dalam menggambarkan kebahagiaan.

Sementara itu, implikatur tentang kekecewaan pula adalah pada perkataan *berlagu* dan perkataan *kecewa*. Perkataan *berlagu* itu memberi kesan yang cukup kuat dalam menggambarkan kekecewaan kerana bagi orang yang terlalu kecewa dalam hidup, beliau akan selalu mengeluh dan merintih dalam mengenang nasib malang yang menimpa hidupnya. Justeru perkataan *berlagu* menunjukkan keluhan dan rintihan seseorang terhadap kekecewaan yang dialaminya. Perkataan-perkataan inilah yang mewujudkan implikatur dalam ayat-ayat yang disebutkan tadi. Berdasarkan implikatur yang dikesan dalam rangkap pertama sajak, terdapat dua orang pelajar yang berjaya mengesan implikatur yang terdapat dalam rangkap pertama sajak. Pelajar tersebut merupakan P2 dan P10. Implikatur yang dikesan oleh P2 dan P10 terdiri daripada:

Rangkap 1:

P2: Jika kita sedang dalam kekecewaan atau kegagalan, kita tidak boleh cepat berputus asa, hendaklah sentiasa tetap berusaha kerana hidup ini sangat indah, kegagalan adalah salah satu liku hidup yang harus dilalui untuk mencapai segulung kejayaan.

P10: Janganlah bersedih pinta penyajak sekiranya hari esok kasih akan berpecah belah dan hancur dan berharap agar bumi yang nyata ini tidak ditaburi dengan air mata. Janganlah menganggap yang dunia ini sempit sahaja yang hanya menempatkan dunia percintaan dan kekecewaan.

Ayat-ayat yang bergaris di atas merupakan implikatur yang dikesan oleh P2 dan P10.

Bagi rangkap pertama sajak ini, hanya satu sahaja implikatur yang dikesan oleh P2 iaitu Jika kita sedang dalam kekecewaan atau kegagalan, kita tidak boleh cepat berputus asa.

Bagi P10 juga dapat mengesan implikatur tentang *Janganlah bersedih pinta penyajak sekiranya hari esok kasih akan berpecah belah dan hancur*. Implikatur yang dikesan oleh P2 dan P10 ini mempunyai persamaan dengan penulis sajak iaitu jika seseorang itu menemui kegagalan dalam bercinta, dia tidak seharusnya terlalu bersedih. Perbezaan yang wujud pada implikatur yang dikesan oleh P2 hanyalah pada perkataan berputus asa dan perkataan bersedih manakala bagi P10 pula masih mengekalkan perkataan *hancur*. Keadaan ini terjadi kerana ia melibatkan proses kognitif bagi kedua-dua pelajar ini kerana mungkin bagi P2 beliau menfokuskan pada kegagalan dalam hidup dan bukan kegagalan bercinta dan konteks pemula hanya dibina pada ayat:

Kalau esok kasih kita 'kan hancur
usah ditaburi bumi dengan air mata

Namun kedua-dua maksud iaitu apabila seseorang dalam kegagalan mahupun kegagalan dalam bercinta tetap dapat menggambarkan bahawa apabila seseorang yang gagal dalam hidup, sudah pasti merasa sedih dan berputus asa. Dalam hal ini baik P2

mahupun penulis sajak mempunyai konteks yang sama dalam menggambarkan perasaan yang dialami apabila gagal dalam hidup mahupun bercinta. Justeru perkataan *hancur* berjaya membina konteks P2 dalam membuat andaian terhadap kegagalan dan kekecewaan. P2 telah menyatakan sebelum ini bahawa pengalaman hidup banyak membantu beliau dalam memahami maksud sajak. Sekali lagi pengalaman hidup P2 telah membantu P2 dalam memahami ayat *Kalau esok kasih kita 'kan hancur* dan ayat *usah ditaburi bumi dengan air mata*. Keadaan ini memungkinkan pengalaman hidup P2 yang pernah melalui kekecewaan dan kegagalan dalam hidup. Pengalaman inilah yang memberi kesan konteks kepada P2 dalam membuat kesimpulan bahawa sekiranya gagal atau kecewa dalam hidup, seseorang tidak boleh berputus asa. Dari segi interpretasi makna pula, terdapat perbezaan dari segi bahasa iaitu cara penyampaian P2 terhadap makna yang difahami oleh beliau dalam rangkap pertama sajak ini jika dibandingkan dengan penulis sajak. Perbezaan tersebut dapat dilihat seperti dibawah:

Makna sebenar penulis sajak:

Sekiranya gagal dalam bercinta, janganlah terlalu bersedih kerana memanglah tidak semua orang boleh mengecapi kebahagiaan itu.

Makna yang dinyatakan oleh P2:

Jika kita sedang dalam kekecewaan atau kegagalan, kita tidak boleh cepat berputus asa, hendaklah sentiasa tetap berusaha kerana hidup ini sangat indah, kegagalan adalah salah satu liku hidup yang harus dilalui untuk mencapai segulung kejayaan.

Jika dilihat kepada makna yang dinyatakan oleh penulis sajak dan P2, terdapat perbezaan dari segi penyampaiannya sahaja. Makna yang dinyatakan oleh P2 lebih banyak penghuraiannya berbanding makna sebenar oleh penulis sajak. Hal ini berlaku kerana sebagai seorang pelajar, sudah tentu P2 memerlukan sokongan dalam jawapan

yang diberi yakni ketika memproses maklumat yang diperolehi dari rangkap pertama sajak. Sokongan tersebut terdapat pada ayat ...*hendaklah sentiasa tetap berusaha kerana hidup ini sangat indah, kegagalan adalah salah satu liku hidup yang harus dilalui untuk mencapai segulung kejayaan.* Ayat ini bertujuan untuk menguatkan lagi makna yang diinterpretasi oleh P2 dalam rangkap pertama sajak.

Bagi P10 pula hanya dapat memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis sajak iaitu *janganlah bersedih.* Maksud ini di fahami P10 menerusi ayat usaha ditaburi bumi dengan air mata. Namun P10 masih mengekalkan ayat ... *agar bumi yang nyata ini tidak ditaburi dengan air mata...* Keadaan ini menunjukkan bahawa P10 seolah-olah tidak yakin dengan interpretasi yang dilakukan ,lalu mengekalkan ayat yang sama dalam proses beliau menginterpretasi rangkap pertama sajak. Selain itu P10 juga menyatakan yang beliau tidak memahami dengan sepenuhnya rangkap pertama sajak namun beliau tidak gagal dalam mengesan implikatur dalam rangkap pertama sajak ini. Justeru interpretasi yang dilakukan bukanlah berdasarkan pengalaman tetapi ayat usaha ditaburi bumi ini dengan air mata berjaya menarik perhatian P10 lantas membantu P10 membina konteks dalam usaha beliau menginterpretasi maksud yang ingin disampaikan. Ternyata sebagai pembaca, P10 memberi perhatian kepada perkara-perkara yang relevan dalam usaha beliau memproses maklumat yang terkandung dalam rangkap pertama sajak. Dari segi interpretasi makna pula, perbezaan hanya terdapat dari segi penyampaian P10 terhadap makna yang difahami oleh beliau berbanding dengan makna yang disampaikan oleh penulis sajak iaitu:

Makna sebenar penulis sajak:

Sekiranya gagal dalam bercinta, janganlah terlalu bersedih kerana memanglah tidak semua orang boleh mencapai kebahagiaan itu.

Makna yang dinyatakan oleh P10:

Janganlah bersedih pinta penyajak sekiranya hari esok kasih akan berpecah belah dan hancur dan berharap agar bumi yang nyata ini tidak ditaburi dengan air mata. Janganlah menganggap yang dunia ini sempit sahaja yang hanya menempatkan dunia percintaan dan kekecewaan.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, perbezaan makna yang terdapat pada P10 melibatkan perbezaan dari segi bahasa. Sebagai seorang pelajar, sudah pasti P10 mengalami kesukaran dalam menggunakan perkataan-perkataan tertentu dalam usaha beliau menginterpretasi makna yang terkandung dalam rangkap pertama sajak ini. Sebagai contoh perkataan *kasih akan berpecah belah*. Perkataan *kasih* yang menggambarkan perasaan cinta agak janggal apabila ia digandingkan dengan perkataan *berpecah belah*. Perkataan *berpecah belah* lebih menggambarkan sesuatu yang tidak bersatu. Sebagai contoh perkataan *masyarakat yang berpecah belah* atau keluarga yang *berpecah belah*. Justeru perkataan berpecah belah tidak sesuai digunakan dalam menggambarkan kegagalan dalam bercinta. Namun P10 telah menyelitkan perkataan *hancur* yang sekaligus dapat menggambarkan kasih yang hancur yang mempunyai persamaan makna dengan kegagalan bercinta. Begitu juga dengan ayat yang diulangi yang terdapat dalam rangkap pertama sajak iaitu ayat *agar bumi yang nyata ini tidak ditaburi dengan air mata*. Namun ayat ini berjaya memberi gambaran dan konteks kepada P10 tentang kesedihan.

Implikatur seterusnya turut wujud dalam rangkap kedua sajak ini iaitu:

di bawah sinar mentari pagi demikian jernihnya
hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat
usapi kesetiaan hati seluruh umat

Bentuk logik 1 :

di bawah _____ pagi _____
(pancaran (matahari) (begitu) (sesuatu
cahaya) yang boleh
dilihat)

Bentuk logik 2 :

_____ langkahmu _____
(pergerakkan) (kuat) (seluruh) (perbuatan yang
menunjukkan
kesetiaan atau
pengabadian)

Bentuk logik 3 :

Usapi kesetiaan hati seluruh _____
(segolongan
manusia)

Berdasarkan bentuk logik 1, bentuk logik 2 dan 3 sekali lagi ia gagal melihat kewujudan implikatur pada ayat-ayat tersebut. Pada rangkap kedua sajak ini, maksud yang ingin disampaikan oleh penulis sajak adalah :

Mulakan kehidupan baru dengan tenang dan tabah. Berusahalah ber-sungguh-sungguh dan berbaktilah kepada masyarakat dengan jujur dan ikhlas.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:91)

Berdasarkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak, ayat –ayat yang dinyatakan sebelum ini adalah ayat yang mempunyai implikatur. Bagi ayat di bawah sinar mentari pagi demikian jernihnya mempunyai implikatur tentang kehidupan

baru yang dilalui harus tenang dan tabah. Implikatur tentang kehidupan baru terletak pada perkataan *sinar mentari pagi* manakala harus tenang dan tabah terletak pada perkataan *demikian jernihnya*. Pemilihan perkataan *sinar mentari pagi* dalam menunjukkan kehidupan baru adalah bertepatan dengan apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Pada permulaan hari yang baru, akan terbit matahari pada waktu pagi yang menggambarkan telah tibanya hari baru yang berikutnya. Di sinilah terletaknya gambaran tentang kehidupan baru manakala bagi perkataan *demikian jernihnya* bertepatan dalam menggambarkan kehidupan baru yang tenang dan tabah kerana perkataan *jernih* bagi sesuatu keadaan membawa maksud aman. Justeru ia dengan tepat dapat menggambarkan suasana tenang dan tabah.

Bagi ayat hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat pula membawa implikatur kepada berusahaalah bersungguh-sungguh. Jika dilihat kepada ayat *hayunkah gagah langkahmu*, penulis sajak bukanlah meminta pembaca yang membaca sajak untuk menghayunkan setiap langkahnya tetapi ia menggambarkan usaha bersungguh-sungguh yang harus dilakukan apabila memulakan sebuah kehidupan baru. Perkataan *gagah* menggambarkan kekuatan manakala perkataan *sepenuh khidmat* membawa maksud kepada kesetiaan dan pengabadian. Justeru apa yang ingin digambarkan oleh penulis sajak itu adalah keazaman dalam melakukan sesuatu dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Perkataan-perkataan inilah yang membantu dalam mewujudkan implikatur.

Implikatur yang seterusnya adalah pada ayat usapi kesetiaan hati seluruh umat. Bagi ayat ini, implikatur yang wujud adalah tentang kejujuran dan keikhlasan hati yang harus ada ketika berbakti kepada masyarakat. Ayat *usapi kesetiaan hati* menggambarkan keikhlasan dan kejujuran hati seseorang ketika berbakti harus ada

dalam dirinya manakala perkataan *umat* pula yang membawa maksud kepada segolongan manusia adalah gambaran kepada masyarakat. Berdasarkan implikatur yang telah pun dijelaskan sebelum ini, terdapat 2 orang pelajar yang berjaya mengesahkan implikatur-implikatur tersebut. Pelajar-pelajar tersebut terdiri daripada P2 dan P8. Implikatur yang dikesan oleh kedua orang pelajar ini terdiri daripada:

Rangkap 2:

P2 : kita hendaklah sentiasa berusaha dan terus berusaha untuk mencapai kejayaan.
Berjuang hendaklah sehingga ketitisan darah terakhir.

P8 : Tabahkan diri menempuh hidupan

Ayat-ayat bergaris yang dinyatakan merupakan implikatur yang dikesan oleh kedua pelajar ini. Hanya satu implikatur sahaja yang dikesan oleh P2 iaitu kita hendaklah berusaha dan terus berusaha untuk mencapai kejayaan. Berdasarkan jawapan P2 ini, ternyata perkataan *gagah* dan perkataan *sepenuh khidmat* telah membantu P2 untuk membina konteks tentang kekuatan dan keazaman. Daripada konteks yang dibina ini telah memberi andaian kepada P2 tentang usaha yang harus dilakukan bersungguh-sungguh. Kesan konteks yang membantu P2 untuk memahami maksud tersirat dalam perkataan tersebut adalah situasi P2 sendiri sebagai pelajar yang harus berusaha bersungguh-sungguh turut membantu P2 dalam mengembangkan konteks dalam usaha memproses maklumat yang terdapat dalam sajak. Terdapat perbezaan dari segi makna yang diinterpretasi oleh P2 berbanding dengan makna sebenar oleh penulis sajak iaitu:

Makna sebenar penulis sajak:

Mulakan kehidupan baru dengan tenang dan tabah. Berusaha halah bersungguh-sungguh dan berbakti lailah kepada masyarakat dengan jujur dan ikhlas.

Makna yang dinyatakan oleh P2:

kita hendaklah sentiasa berusaha dan terus berusaha untuk mencapai kejayaan.Berjuang hendaklah sehingga ketitisan darah terakhir.

Melihat kepada interpretasi makna yang dilakukan oleh P2, terdapat salah tanggapan P2 terhadap makna yang ingin disampaikan iaitu menerusi ayat *Berjuang hendaklah sehingga ketitisan darah terakhir*. Walaupun terdapat sedikit kekeliruan yang berlaku, namun P2 masih dapat memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak kerana mempunyai persamaan implikatur dengan penulis sajak iaitu berusahaalah bersungguh-sungguh. Justeru hanya ayat hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat sahaja yang berjaya menarik perhatian P2 dalam memproses maklumat implikatur yang terkandung di dalam ayat ini.

Bagi P8 pula, implikatur yang dikesan oleh beliau adalah tabahkan diri menempuh hidupan. Ternyata perkataan *demikian jernihnya* yang menggambarkan kehidupan baru yang tenang dan tabah berjaya difahami oleh P8. Selain itu P8 juga memahami ketabahan yang dimaksudkan adalah ketabahan dalam kehidupan. Hal ini berdasarkan jawapan yang diberikan oleh P8 iaitu tabahkan diri menempuh hidupan. Walaupun P8 hanya mengesan satu sahaja implikatur dalam rangkap kedua sajak, namun P8 masih tidak gagal dalam usaha beliau mengesan implikatur. Interpretasi yang dilakukan oleh P8 pada rangkap kedua sajak juga menunjukkan bahawa, P8 tidak menfokuskan kepada keseluruhan makna yang terkandung dalam rangkap kedua sajak. Ternyata hanya perkataan *demikian jernihnya* sahaja yang memberi perhatian kepada P8 dalam usaha beliau memproses maklumat. Selain itu P8 juga menyatakan bahawa beliau hilang fokus dan keterbatasan waktu untuk beliau membaca sajak serta tahap kefahaman yang rendah menyebabkan P8 tidak dapat melakukan interpretasi terhadap

ayat dalam rangkap pertama sajak. Oleh itu perkataan *demikian jernihnya* sahaja yang relevan kepada P8 dalam usaha beliau membina konteks dan memproses maklumat.

Perbezaan makna yang dinyatakan oleh P8 dan penulis sajak dapat dilihat seperti di bawah:

Makna sebenar penulis sajak:

Mulakan kehidupan baru dengan tenang dan tabah. Berusahalah bersungguh-sungguh dan berbakti kepada masyarakat dengan jujur dan ikhlas.

Makna yang dinyatakan oleh P8:

Tabahkan diri menempuh hidupan

Rangkap seterusnya iaitu rangkap ketiga sajak, terdapat 3 jenis ayat yang mempunyai implikatur dan rangkap ketiga sajak ini terdiri daripada :

Kalau esok jua hidup dijenguk kematian
usah ditangisi sepinya tanah kelahiran
nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan
tanda hatimu setia dalam usia pengembalaan

Ayat-ayat bergaris yang di nyatakan merupakan ayat-ayat yang mempunyai implikatur. Sebelum melihat kewujudan implikatur dengan lebih lanjut, ayat-ayat ini akan diterjemahkan ke bentuk logik terlebih dahulu untuk melihat samaada terjemahan bentuk-bentuk logik ini dapat memperlihatkan kewujudan implikatur dalam ayat.

Bentuk logik 1 :

usah ditangisi _____ tanah kelahiran
(sunyi)

Bentuk logik 2 :

nyanyikan lagu _____ ke wajah Tuhan
(orang yang
menanggung
rindu)

Bentuk logik 3 :

Tanda hatimu setia dalam usia _____
(perbuatan
mengembara)

Setelah melakukan penterjemahan kepada bentuk-bentuk logik, implikatur yang wujud dalam ayat-ayat ini masih sukar dilihat kewujudannya kerana makna yang terdapat pada ayat-ayat yang diterjemahkan ini gagal menunjukkan kewujudan implikatur pada ayat-ayat tersebut. Berdasarkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak, ayat-ayat yang diterjemahkan ini sebenarnya mempunyai implikatur. Maksud sebenar penulis sajak pada rangkap ini adalah :

Sekiranya esok kita menemui ajal jangan pula terlalu sedih sebaliknya berdoalah kepada Allah sebagai tanda ketaqwaan kepada-Nya.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:91)

Bagi ayat usah ditangisi sepinya tanah kelahiran mempunyai implikatur tentang apabila kematian itu terjadi kita tidak sepatutnya bersedih sekiranya kematian sudah tiba. Perkataan *ditangisi* dan merupakan perkataan yang membangkitkan implikatur yang menggambarkan kesedihan manakala ayat *sepinya tanah kelahiran* menggambarkan seseorang yang akan meninggalkan tanah kelahirannya iaitu kematian. Justeru apabila kematian itu tiba, seseorang itu tidak seharusnya bersedih. Implikatur

seterusnya adalah pada ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan. Jika dilihat pada ayat ini, tidak mungkin orang Islam akan menyanyikan lagu ke wajah Tuhan. Apa yang cuba digambarkan oleh penulis sajak adalah, walau apapun terjadi dalam kehidupan seperti kematian umpamanya, seseorang yang beragama Islam seharusnya terus berdoa kepada Allah. Justeru implikatur pada ayat ini adalah tentang teruskan berdoa kepada Allah. Ayat *nyanyikan lagu perindu* sebenarnya menggambarkan doa dan bukanlah lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi manakala ayat *ke wajah Tuhan* menggambarkan apabila seseorang itu berdoa kepada Allah, diri dan jiwanya akan terasa dekat dengan Allah.

Bagi ayat tanda hatimu setia dalam usia pengembaraan, mempunyai implikatur tentang ketaqwaan seseorang kepada Allah. Perkataan ketaqwaan ini merujuk kepada ketaatan seseorang itu mengerjakan perintah Allah. Justeru ayat *tanda hatimu setia* cukup relevan dan membangkitkan implikatur dalam menggambarkan sifat taqwa dan sifat ketaatan dalam mengerjakan perintah Allah manakala ayat *dalam usia pengembaraan* pula menggambarkan perjalanan kehidupan manusia di bumi ini. Kehidupan manusia di bumi ini hanyalah sementara dan ia diumpamakan seperti sebuah pengembaraan bagi manusia sebelum menuju ke kehidupan yang lebih abadi. Justeru bagi rangkap ketiga sajak ini terdapat 3 orang pelajar yang dapat mengesan implikatur yang sama seperti yang dijelaskan sebelum ini. Pelajar-pelajar tersebut terdiri daripada P2, P6 dan P10. Implikatur yang dikesan oleh mereka adalah:

Rangkap 3:

P2: Jika ditakdirkan kita dipanggil Tuhan lebih awal, sentiasa berdoa supaya diampunkan dosa dan memohon keampunan tanda kita taat kepada perintah Tuhan.

P6 : Jangan tangisi kesedihan, sebaliknya berserah dan berdoa kepada Tuhan.

P10: Jangan tangisi kematian, mendoakan kepada Tuhan dan harus tabah dan jangan berputus asa dan mengetahui bahawa kita dalam pengembalaan, semua akan mati. Hanya akhirat penentu segalanya.

Ayat-ayat yang bergaris di atas merupakan implikatur yang dikesan oleh ketiga-tiga pelajar ini. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh P2 , implikatur pertama yang berjaya di kesan oleh beliau adalah Jika ditakdirkan kita dipanggil Tuhan lebih awal. Daripada jawapan yang diberikan oleh P2, perkataan *ditangisi*, perkataan *sepinya* dan perkataan *tanah kelahiran* telah berjaya membina konteks P2 dalam menggambarkan tentang kematian. Walaupun P2 menyatakan ayat kita dipanggil Tuhan lebih awal dan tidak menyebut kematian, namun ia tetap mempunyai makna yang sama iaitu kematian. Bagi implikatur kedua yang dikesan oleh P2 adalah sentiasa berdoa. Dalam hal ini P2 dapat memahami ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan. Konteks yang dibina oleh P2 adalah melalui pengalaman P2 dan P2 merupakan seorang yang beragama Islam. Bagi orang Islam harus sentiasa berdoa kepada Allah.

Justeru kesan konteks yang dibina adalah berdasarkan latarbelakang P2 sebagai seorang Islam dalam usaha memahami ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan. Hal ini turut dinyatakan oleh penulis sajak dalam maksud yang ingin beliau sampaikan iaitu teruskan berdoa kepada Allah. Bagi implikatur yang ketiga pula adalah tanda kita taat kepada perintah Tuhan. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh P2, perkataan *hatimu* dan perkataan *setia* telah berjaya membina konteks dalam menggambarkan ketaatan kepada perintah Allah. Perkataan *setia* itu sendiri yang menggambarkan sifat taqwa dan sifat ketaatan kepada perintah Allah. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, latarbelakang P2 yang beragama Islam turut membantu memberi kesan konteks kepada P2 dalam memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Dari segi interpretasi P2 terhadap makna yang terkandung dalam rangkap ketiga sajak

menunjukkan P2 masih lagi memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis sajak kerana tidak ada perbezaan yang ketara antara makna yang dinyatakan oleh penulis sajak dan makna yang diinterpretasi oleh P2. Ternyata P2 mempunyai konteks yang sama dengan penulis sajak. Persamaan konteks ini amat penting bagi P2 sebagai pembaca dalam usaha memproses maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis sajak.

Bagi P6 pula, beliau dapat mengesan satu implikatur sahaja iaitu implikatur tentang berserah dan berdoa kepada Tuhan. P6 hanya mengesan satu sahaja implikatur dalam rangkap ketiga sajak ini menerusi ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan. Sebagai seorang yang beragama Islam P6 dapat memahami bahawa nyanyikan lagu sebenarnya menggambarkan doa yang dipanjatkan kepada Allah dan bukan menyanyikan lagu. Ternyata latarbelakang P6 sebagai seorang Islam memainkan peranan yang penting bagi P6 memproses maklumat yang tersirat menerusi ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan. Dari segi interpretasi makna pula menunjukkan bahawa P6 hanya mampu mentafsir makna menerusi ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan sahaja. Perbezaan makna yang dinyatakan oleh P6 dan penulis sajak dapat dilihat seperti dibawah:

Makna sebenar penulis sajak:

Sekiranya esok kita menemui ajal jangan pula terlalu sedih sebaliknya berdoalah kepada Allah sebagai tanda ketaqwaan kepada-Nya

Makna yang dinyatakan oleh P6:

Jangan tangisi kesedihan, sebaliknya berserah dan berdoa kepada Tuhan.

Interpretasi makna yang berbeza dengan penulis sajak terjadi kerana P6 sendiri menyatakan bahawa beliau tidak memahami sepenuhnya keseluruhan sajak dan keadaan ini menyukarkan P6 dalam menggambarkan maksud sebenar yang ingin di sampaikan oleh penulis sajak. Justeru hanya ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan sahaja yang relevan serta menarik perhatian P6 dan hal ini memudahkan P6 memproses maklumat yang terkandung dalam ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan.

Sementara itu P10 berjaya mengesan dua buah implikatur yang terdapat pada rangkap ketiga sajak. Implikatur yang dikesan oleh beliau adalah implikatur tentang jangan tangisi kematian merupakan implikatur yang terdapat pada ayat usah ditangisi sepinya tanah kelahiran. Ternyata menerusi ayat ini P10 dapat menggambarkan tentang kematian dan sekaligus dapat membina konteks menerusi ayat *sepinya tanah kelahiran* yang merujuk kepada kematian. Implikatur yang seterusnya yang dikesan oleh P10 adalah implikatur tentang mendoakan kepada Tuhan. Implikatur ini dikesan oleh P10 menerusi ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan. Latarbelakang P10 sebagai seorang Islam seperti mana P2 dan P6, turut memainkan peranan yang penting dalam usaha P10 memproses dan memahami maksud tersirat yang wujud pada ayat nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan. Dari segi interpretasi makna pula P10 memahami rangkap ketiga sajak ini. Walaupun interpretasi yang diberikan oleh P10 agak berbeza berbanding dengan penulis sajak, namun makna yang terkandung dalam interpretasi yang dilakukan oleh P10 tetap relevan. Di halaman sebelah dipaparkan makna sebenar penulis sajak dan makna yang dinyatakan oleh P10.

Makna sebenar penulis sajak:

Sekiranya esok kita menemui ajal jangan pula terlalu sedih sebaliknya berdoalah kepada Allah sebagai tanda ketaqwaan kepada-Nya

Makna yang dinyatakan oleh P10:

Jangan tangisi kematian, mendoakan kepada Tuhan dan harus tabah dan jangan berputus asa dan mengetahui bahawa kita dalam pengembaraan, semua akan mati. Hanya akhirat penentu segalanya.

Ayat yang dinyatakan oleh P10 hasil daripada interpretasi beliau terhadap rangkap ketiga sajak menunjukkan bahawa P10 memahami bahawa apabila ajal seseorang itu sudah sampai, ia tidak harus ditangisi dan berada dalam keadaan bersedih. Hal ini jelas ditunjukkan menerusi ayat *Jangan tangisi kematian*. Sebaliknya kematian yang terjadi harus diterima dengan hati yang tabah dan sentiasa memanjatkan doa kepada Allah. Maksud ayat ini cuba dijelaskan oleh P10 menerusi ayat *mendoakan kepada Tuhan dan harus tabah dan jangan berputus asa*. Kehidupan di dunia adalah kehidupan yang sementara sahaja dan perjalanan hidup ini digambarkan sebagai sebuah pengembaraan sebelum manusia menuju ke kehidupan abadi iaitu akhirat. Maksud inilah yang cuba disampaikan oleh P10 menerusi ayat *mengetahui bahawa kita dalam pengembaraan, semua akan mati. Hanya akhirat penentu segalanya*.

Walaupun terdapat perbezaan dari segi susunan ayat dan bahasa yang digunakan oleh P10 dalam usaha beliau menginterpretasi makna yang terkandung dalam rangkap ketiga sajak, makna yang diinterpretasi oleh P10 tetap menyamai makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Justeru konteks yang dibina oleh P10 menyamai konteks yang terdapat dalam minda penulis sajak ketika. Ternyata setiap ayat yang dibaca oleh P10 dalam rangkap ketiga sajak ini adalah relevan dan memudahkan P10 memproses maklumat yang terkandung di dalamnya. Pada rangkap terakhir sajak ini, juga terdapat kewujudan implikatur di dalamnya dan rangkap terakhir sajak ini berbunyi:

tau-taulah dibintang satu
di hari hidup kita mengejar bahagia dalam sengsara
di hari mati kita mengira pahala dalam dosa

Bentuk logik 1 :

_____ - _____ di bintang satu
(tahu) (tahu)

Bentuk logik 2 :

di hari hidup kita mengejar bahagia dalam _____
(kesusahan)

Bentuk logik 3:

Jika dilihat kepada penterjemahan bentuk-bentuk logik, implikatur yang wujud disebalik ayat-ayat yang dinyatakan sememangnya gagal dikesan namun ayat –ayat ini juga mempunyai implikatur. Maksud sebenar penulis sajak pada rangkap terakhir sajak ini adalah seperti dibawah:

Ingatlah bahawa semasa hidup kita mencari kebahagiaan dunia tetapi di akhirat akan dikira segala kebaikan dan kejahatan.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:91)

Ternyata maksud sebenar penulis sajak dan terjemahan bentuk-bentuk logik mempunyai perbezaan yang ketara. Pada ayat tau-taulah di bintang satu merupakan

implikatur tentang peringatan. Ayat *tau-taulah* melambangkan ayat yang berbentuk peringatan manakala perkataan *bintang* pula menunjukkan keadaan di mana untuk mencapai sesuatu yang tinggi iaitu seperti matlamat. Matlamat yang ingin di gambarkan oleh penulis sajak adalah pada ayat di hari hidup kita mengejar bahagia dalam sengsara dan ayat di hari mati kita mengira pahala dalam dosa. Dalam kedua-dua ayat ini implikatur yang wujud adalah tentang gambaran perjalanan hidup manusia di muka bumi dan selepas mati. Dalam memperolehi kebahagiaan di dunia, manusia terpaksa melalui pelbagai cabaran manakala setelah mereka mati atau meninggal dunia, setiap perkara yang mereka lakukan seperti amal kebajikan di dunia ini akan dibawa ke akhirat untuk dikira segala pahala dan dosa. Justeru matlamat yang cuba digambarkan oleh penulis sajak pada ayat sebelum ini adalah tentang mencapai matlamat kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat.

Bagi rangkap terakhir sajak ini, seramai 4 orang pelajar berjaya mengesan implikatur yang telah pun dijelaskan sebelum ini. Pelajar-pelajar tersebut terdiri daripada P1, P2, P3 dan P7. Berikut disenaraikan implikatur yang berjaya dikesan oleh pelajar-

pelajar tersebut dan mereka terdiri daripada :

Rangkap 4 :

P1 : Usah dikejar kekayaan dan kebahagiaan dunia semata-mata. Akhirat mesti ingat juga.

P2: Hidup ini penuh cabaran dan dugaan, kita mengejar kesenangan dan kejayaan hidup di dunia, tidaklah harus dilupakan juga kehidupan di akhirat. Hendaklah seimbang mengejarnya.

P3 : Ketika hidup, buatkan amal kebaikan untuk kesenangan di hari mati.

P7 : Di dunia kita mengejar kebahagiaan dan kebebasan, di akhirat pula dosa dan pahala akan dikira.

Bagi P1, implikatur yang dikesan oleh beliau adalah implikatur tentang usah dikejar kekayaan dan kebahagiaan dunia semata-mata. Akhirat mesti ingat juga. Implikatur yang dikesan oleh P1 ini menggambarkan bahawa P1 berjaya memahami mesej yang berbentuk peringatan yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Walaupun persoalan akhirat tidak disebut dalam rangkap terakhir sajak ini, P1 telah dapat membina konteks berkaitan akhirat berdasarkan perkataan *dosa* dan *pahala*. Kedua perkataan ini amat berkait rapat di mana dalam ajaran Islam dosa dan pahala akan dihitung di akhirat kelak. Justeru manusia di muka bumi ini seharusnya tidak mengejar kebahagiaan di dunia semata-mata, kehidupan selepas mati seharusnya dititikberatkan juga. Justeru P1 juga dapat menginterpretasi makna yang terkandung dalam rangkap terakhir sajak. Perkataan *Usah* yang membawa maksud jangan digunakan oleh P1 menunjukkan bahawa P1 memahami rangkap terakhir sajak yang berbentuk peringatan yang cuba disampaikan oleh penulis sajak. Hal ini dibuktikan dalam kehidupan seharian, perkataan *jangan* sering digunakan apabila seseorang ingin memberi peringatan.

Sementara itu P2 telah berjaya mengesan implikatur dalam rangkap terakhir sajak ini dan implikatur tersebut adalah tentang kita mengejar kesenangan dan kejayaan hidup di dunia, tidaklah harus dilupakan juga kehidupan di akhirat. Hendaklah seimbang mengejarnya, P2 dapat memahami mesej yang cuba disampaikan oleh penulis sajak yang berkaitan dengan keagamaan. Dalam hal ini perkataan *dosa* dan *pahala* juga menjadi kunci utama dalam membina konteks tentang peringatan yang selalu dijelaskan dalam agama Islam tentang dosa dan pahala. Bagi interpretasi makna pula, P2 tidak menghadapi sebarang masalah dalam menginterpretasi maksud sebenar dalam rangkap terakhir sajak ini. Makna yang diberikan oleh P2 menyamai maksud sebenar yang ingin

disampaikan oleh penulis sajak. Ternyata P2 sebagai pembaca mempunyai konteks yang sama dengan penulis sajak dan seterusnya dapat memproses maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis sajak

Pelajar seterusnya iaitu P3 juga turut berjaya mengesan implikatur yang wujud dalam rangkap terakhir sajak ini. Implikatur yang dikesan oleh P3 adalah implikatur tentang ketika hidup, buatkan amal kebaikan untuk kesenangan di hari mati. Walaupun dalam implikatur P3 ini tidak dinyatakan tentang akhirat, ayat *buatkan amal kebaikan untuk kesenangan di hari mati* menunjukkan bahawa apabila seseorang itu membuat amal kebaikan ketika dia hidup akan mendapat ganjaran pahala yang banyak. Ganjaran pahala inilah yang akan dihitung di akhirat kelak apabila seseorang itu sudah meninggal dunia. Maksud inilah yang cuba diuraikan oleh P3 sekaligus menunjukkan bahawa P3 memahami maksud yang cuba disampaikan oleh penulis sajak. Sekali lagi perkataan *dosa* dan *pahala* memberi konteks kepada pembaca iaitu P3 dalam mendapatkan gambaran sebenar maksud yang terkandung dalam rangkap terakhir sajak.

Pelajar terakhir yang berjaya mengesan implikatur adalah P7. Implikatur yang dikesan oleh beliau adalah *Di dunia kita mengejar kebahagiaan dan kebebasan, di akhirat pula dosa dan pahala akan dikira*. Berdasarkan implikatur yang dikesan oleh P7 ini, ternyata P7 dapat memahami dan memproses maklumat yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Ayat *di hari hidup* berjaya digambarkan oleh P7 dengan menyatakan perkataan *di dunia* manakala ayat *di hari mati* telah digambarkan oleh P7 sebagai akhirat. Ternyata ayat *di hari hidup* dan ayat *di hari mati* cukup relevan bagi P7 dan memudahkan P7 dalam memproses maksud sebenar yang terkandung dalam rangkap terakhir sajak. Selain itu perkataan *dosa* dan *pahala* juga turut berperanan penting dalam membina konteks bagi P7.

Justeru latarbelakang keempat-empat pelajar ini sebagai seorang Islam memudahkan lagi pelajar-pelajar ini dalam memahami rangkap terakhir sajak ini dan seterusnya membantu mereka mengesan implikatur yang wujud dalam rangkap terakhir sajak ini. Interpretasi makna yang bertepatan dengan makna sebenar oleh penulis sajak menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan. Apabila terdapat perkataan atau ayat-ayat yang relevan dengan konteks yang dibina oleh mereka, maka mudahlah bagi pelajar-pelajar ini dalam usaha memproses maklumat.

4.5.2.1 Jenis-Jenis Implikatur

Setelah penulis membincangkan kewujudan implikatur dalam sajak tahun 60an, penulis juga turut mengenalpasti jenis-jenis implikatur yang wujud dan kewujudan implikatur ini juga sebagai salah satu strategi yang digunakan oleh penulis sajak dalam meyampaikan makna tersirat iaitu implikatur. Justeru jenis-jenis implikatur yang wujud dalam sajak ini adalah:

i) **Implikatur Ayat Penyata**

Bagi pernyataan (i) terdapat beberapa ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini.

Ayat-ayat tersebut terdiri daripada:

a) Kalau esok kasih kita 'kan hancur

b) dunia bukan semata milik orang bercinta

Ayat (a) merupakan ayat yang menunjukkan ciri-ciri ayat penyata dimana ayat (a) menyatakan perihal tentang ikatan kasih yang terputus manakala ayat (b) pula menyatakan perihal dunia yang didiami ini bukanlah untuk orang yang bercinta sahaja. Ternyata ciri-ciri ayat penyata dapat dilihat dalam kedua-dua ayat ini.

ii) Implikatur Ayat Figuratif

Bagi pernyataan (ii), terdapat beberapa ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini dan ayat-ayat tersebut terdiri daripada:

- a) usah ditaburi bumi ini dengan air mata
- b) hidup jua bukan semata untuk berlagu kecewa
- c) di bawah sinar mentari pagi demikian jernihnya
- d) usapi kesetiaan hati seluruh umat
- e) usah ditangisi sepinja tanah kelahiran
- f) nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan
- g) tanda hatimu setia dalam usia pengembaraan

Terdapat unsur hiperbola bagi kesemua ayat di atas dimana ayat tersebut disampaikan dengan cara yang berlebih-lebihan daripada kenyataan sebenar. Sebagai contoh ayat ditaburi bumi ini dengan air mata digambarkan seolah-olah bumi ini akan ditaburi dengan air mata. Keadaan ini tidak mungkin akan terjadi kerana bumi hanya ditaburi oleh hujan dan agak mustahil sekiranya seseorang itu bersedih dan menangis sehingga air matanya memenuhi kawasan bumi. Hal inilah yang dikatakan penyampaian ayat secara berlebih-lebihan.

iii) Implikatur Kata Partikel

Bagi pernyataan (iii) terdapat ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini dan ayat tersebut adalah:

- a) hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat
- b) tau-taulah

Bagi implikatur dalam ayat (a) dan ayat (b) terdapat perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat dan ia dinamakan kata partikel atau disebut juga sebagai kata penegas. Justeru dalam ayat (a), penekanan diberikan pada perkataan hayunkan yang menggambarkan perasaan penulis sajak dalam menggambarkan usaha yang perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Bagi ayat (b) pula penekanan diberikan pada perkataan tau-taulah. *-lah* merupakan satu penanda wacana yang menjadi ciri-ciri am pertuturan Bahasa Melayu. Kajian tentang *-lah* oleh Godderd (Maimunah Ibrahim:1999:111), menunjukkan bahawa *-lah* dari sudut pragmatik mengandungi kesan keakraban, kekitaan dan penegasan. Justeru dalam konteks ayat tau-taulah, ia merupakan satu penegasan dan tanda peringatan oleh penulis sajak.

iv) Implikatur Kata Pengulangan

Bagi pernyataan (iv) pula, terdapat juga ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini iaitu:

- a) di hari hidup kita mengejar bahagia dalam sengsara

b) di hari mati kita mengira pahala dan dosa

Bagi implikatur jenis ini terdapat ciri-ciri pengulangan. Justeru dalam ayat (a) dan (b) ciri-ciri pengulangan tersebut terdapat pada perkataan di hari. Pengulangan tersebut menggambarkan perasaan penulis sajak yang menegaskan bahawa walaupun semasa hidup kita mencari kebahagiaan dunia tetapi akhirat juga tidak seharusnya dilupakan.

4.5.2.2 Strategi Penggunaan Implikatur

Setelah mengenalpasti jenis-jenis implikatur yang wujud dalam sajak tahun 60an, penulis juga mengenalpasti implikatur yang digunakan sebagai strategi dalam menyampaikan sesuatu. Strategi-strategi tersebut terdiri daripada:

- a) Strategi memberi nasihat
- b) Strategi memberi keyakinan atau motivasi
- c) Strategi memberi peringatan dan keinsafan

Bagi strategi memberi nasihat dapat dilihat dalam rangkap pertama dan rangkap ketiga sajak iaitu:

Rangkap 1:

Kalau esok kasih kita 'kan hancur
usah ditaburi bumi ini dengan air mata
dunia bukan semata milik orang bercinta
hidup jua bukan semata untuk berlagu kecewa

Rangkap 3:

Kalau esok jua hidup dijenguk kematian
usah ditangisi sepinya tanah kelahiran

...samb

nyanyikan lagu perindu ke wajah Tuhan
tanda hatimu setia dalam usia pengembaran

Bagi kedua-dua rangkap ini, strategi yang digunakan oleh penulis adalah memberi nasihat iaitu sekiranya menemui kegagalan dalam bercinta, seseorang itu tidak seharusnya bersedih dan begitu juga sekiranya menemui ajal, seseorang itu tidak seharusnya bersedih sebaliknya dekatkan diri dengan Allah dan sentiasa berdoa.

Strategi seterusnya iaitu memberi keyakinan atau motivasi dapat dilihat dalam rangkap kedua sajak iaitu:

Di bawah sinar mentari pagi demikian jernihnya
hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat
usapi kesetiaan hati seluruh umat

Dalam rangkap kedua sajak ini, penulis sajak memberi keyakinan atau motivasi kepada pembaca supaya membina atau memulakan hidup baru dengan usaha yang bersungguh-sungguh setelah melalui kegagalan. Strategi yang terakhir iaitu memberi peringatan dan keinsafan dapat dilihat dalam rangkap terakhir sajak seperti dibawah:

tau-taulah dibintang satu
di hari hidup kita mengejar bahagia
dihari mati kita mengira pahala dalam dosa

Penulis sajak memberi peringatan supaya setiap manusia yang mengejar kebahagiaan di dunia tidak seharusnya melupakan kehidupan selepas mati iaitu akhirat. Matlamat untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat haruslah diseimbangkan.

4.5.3 Implikatur Dalam Sajak 70an

Perbincangan seterusnya adalah kepada sajak tahun 70an. Sajak ini berjudul *Sumpah Anak Watan* yang ditulis oleh Adi Badiozaman Tuah. Sajak ini terdiri 4 buah rangkap dan terdapat beberapa ayat yang mempunyai implikatur. Sajak ini bertemakan pahlawan bangsa berjuang untuk menghapuskan penganas komunis yang menjadi musuh negara. Penganas komunis juga diajak supaya insaf dan kembali ke pangkal jalan. Sekiranya mereka enggan mereka akan diperangi habis-habisan (1993:120). Justeru kewujudan implikatur akan dilihat pada rangkap pertama sajak ini yang berbunyi:

Kawan
buat kesekian kalinya
kita titis air mata darah
kita hembus nafas panas api

Bentuk logik 1:

kita _____ air mata darah
(titik air)

Bentuk logik 2:

kita _____ nafas panas api
(mengeluarkan
nafas)

Setelah melakukan penterjemahan ke atas bentuk-bentuk logik ini, makna yang terdapat pada bentuk-bentuk logik ini merupakan makna dalam bentuk tersurat sahaja. Jika dilihat pada bentuk logik 1 mana mungkin manusia dapat menitis air mata darah

melainkan hanya tercedera. Begitu juga apabila nafas dihembus, tidak mungkin sama sekali dapat mengeluarkan api yang panas. Sekiranya ayat-ayat ini tidak dirujuk kepada konteks sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak, sudah pasti ayat-ayat ini menimbulkan kekaburuan kepada pembaca. Namun demikian, ayat-ayat ini mempunyai implikatur. Hal ini berdasarkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak berlainan dengan makna tersurat yang diperolehi dari proses penterjemahan ini. Justeru maksud sebenar penulis sajak ini adalah :

Penyajak memberitahu rakannya bahawa mereka telah lama berjuang untuk tanah air dengan semangat yang berkobar-kobar

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:120)

Berdasarkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak ini, ternyata terjemahan makna pada bentuk-bentuk logik semata-mata tidak dapat mengesan implikatur yang wujud pada rangkap pertama sajak ini. Justeru bagi ayat kita titis air mata darah dan ayat kita hembus nafas panas api mempunyai makna yang melangkaui makna literal. Penulis sajak bukanlah mengajak pembaca yang membaca rangkap pertama sajak ini untuk menitiskan air mata darah dan menghembus nafas panas api. Jika di lihat, perkara ini tidak mungkin dan tidak wujud dalam kehidupan kita. Namun di sinilah terletaknya implikatur tentang gambaran semangat perjuangan yang cuba disampaikan oleh penulis sajak.

Konteks yang cuba diberikan oleh penulis sajak dalam melambangkan semangat perjuangan terletak pada kedua-dua ayat bergaris yang telah dinyatakan. Perkataan *darah* dan *api* yang di pilih oleh penulis sajak cukup relevan dalam menggambarkan perjuangan kerana dalam alam melayu sering diucapkan perjuangan sehingga titisan

darah yang terakhir. Ucapan ini menunjukkan kesetiaan dan semangat seseorang untuk berjuang walaupun dirinya sudah pun berada dalam keadaan yang tidak mengizinkan seperti tercedera. Selain itu perkataan *api* pula menggambarkan sifat-sifat keberanian dan semangat. Oleh itu, penggunaan dan pemilihan perkataan oleh penulis sajak ini cukup relevan dalam menggambarkan semangat perjuangan serta membantu dalam membangkitkan implikatur.

Justeru hanya seorang pelajar sahaja yang berjaya mengesan implikatur yang dibincang sebelum ini dan pelajar tersebut adalah P3. P3 berjaya mengesan implikatur yang terdapat dalam sajak dan memahami tema keseluruhan sajak tahun 70an yang bertemakan perjuangan menentang komunis. Tema sajak yang di fahami oleh P3 telah membantu beliau untuk memahami maksud sebenar pada setiap rangkap sajak ini. Bagi P3 beliau telah menyatakan bahawa perkataan *bendera merah* telah memberi petunjuk kepada beliau untuk memahami tema sajak ini dan bukannya tahun sajak ini ditulis. Perkataan *bendera merah* terletak pada rangkap ketiga sajak iaitu:

dan kalian di hutan
ketagih pada kibaran bendera merah
ayuh! putar haluan
kembali ke pangkal jalan

Justeru P3 menyatakan bahawa perkataan *bendera merah* sinonim dengan bendera komunis berdasarkan pengalaman beliau menonton filem yang berkaitan komunis dan juga maklumat yang beliau perolehi daripada sejarah. Berikut dipaparkan implikatur yang berjaya dikesan oleh P3 bagi setiap rangkap sajak:

Rangkap 1 :

P3 : Penulis menyeru rakan-rakannya supaya bangkit untuk menentang komunis

Daripada implikatur yang dikesan oleh P3, ternyata P3 dapat memahami serta mempunyai konteks yang sama sebagaimana penulis sajak. Walaupun pada rangkap pertama tidak dinyatakan perjuangan menentang komunis, namun P3 telah membina konteks beliau tentang komunis berdasarkan perkataan *bendera merah*. Dalam rangkap pertama implikatur yang wujud adalah tentang semangat perjuangan untuk tanah air seperti dalam ayat bergaris dalam rangkap pertama sajak di bawah:

Kawan
buat kesekian kalinya
kita titis air mata darah
kita hembus panas api

Berdasarkan implikatur yang dinyatakan oleh P3 iaitu bangkit menentang komunis menunjukkan bahawa perkataan *darah* dan *api* seperti yang telah dinyatakan sebelum ini adalah melambangkan semangat perjuangan telah memberi kesan konteks kepada P3 dalam menggambarkan tentang semangat perjuangan. Di sini P3 tidaklah bergantung kepada makna perkataan demi perkataan semata-mata tetapi beliau telah berjaya mengembangkan konteks dalam usaha memproses maklumat yang terdapat dalam rangkap pertama sajak ini. Perkataan *darah* dan *api* juga turut dapat memandu P3 dalam usaha beliau memahami maksud sebenar dalam rangkap pertama sajak ini. Justeru pada rangkap pertama ini kos memproses bagi P3 adalah rendah kerana P3 dapat memproses maklumat dengan mudah. Dari segi interpretasi makna pula, P3 tidak menghadapi sebarang masalah untuk menginterpretasi makna yang terkandung dalam rangkap pertama sajak kerana P3 kekayaan kesan konteks yang diperolehi P3 telah membantu beliau memahami maksud yang terkandung dalam rangkap pertama sajak.

Implikatur seterusnya terdapat pada rangkap kedua sajak dan rangkap kedua sajak ini berbunyi:

bersama bulan bintang
ke gunung kita
ke hutan bersama
kita patah duri beracun
terlalu lama menusuk daging

Bentuk logik 1:

kita _____	(putus)	(bahagian tajam terdapat pada tumbuhan)	(mengandungi bahan berbisa dan membawa maut)
------------	---------	---	--

Bentuk logik 2 :

terlalu lama _____ daging
(mencucuk dengan
barang yang tajam)

Dalam rangkap kedua sajak ini, hanya dua ayat pada baris terakhir sahaja di terjemahkan kepada bentuk-bentuk logik kerana 3 ayat pada baris sebelumnya mempunyai makna yang jelas dan dapat difahami. Setelah penterjemahan dilakukan, sekali lagi bentuk-bentuk logik gagal dalam memberi implikatur kepada ayat-ayat yang bergaris ini. Pada rangkap kedua sajak ini, maksud yang ingin disampaikan oleh penulis sajak adalah :

Penyajak mengajak rakannya berjuang bersama-sama menentang pengganas komunis yang menjadi musuh negara iaitu yang merupakan duri dalam daging.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:120)

Berdasarkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak, ternyata implikatur wujud dalam rangkap kedua sajak ini. Dalam rangkap kedua sajak

ini, ayat bersama bulan bintang adalah implikatur tentang tekad penulis sajak sebagai rakyat dalam menentang penajah komunis. Perkataan yang membangkitkan implikatur adalah perkataan *bintang* yang merupakan lambang kepada komunis yang juga turut dikenali sebagai bintang tiga. Sementara itu bagi ayat ke gunung kita dan ayat ke hutan bersama adalah kesinambungan kepada ayat bersama bulan bintang. Bagi kedua-dua ayat ini mempunyai implikatur tentang perjuangan rakyat yang menentang pengganas komunis secara habis-habisan. Dalam hal ini ia menunjukkan perjuangan rakyat yang sanggup meredah hutan belantara mahupun terpaksa mendaki gunung semata-mata untuk menghapuskan komunis yang merupakan musuh negara ketika itu.

Seterusnya adalah kewujudan implikatur pada ayat kita patah duri beracun dan ayat terlalu lama menusuk daging. Kedua-dua ayat ini mempunyai implikatur tentang pengganas komunis harus dihapuskan dengan segera kerana ia merupakan musuh utama negara. Perkataan *duri* yang membangkitkan implikatur menunjukkan sesuatu yang cukup merbahaya dan dalam menggambarkan sesuatu yang merbahaya itu penulis sajak menggabungkan perkataan *duri* dengan perkataan *beracun*. Konteks yang cuba digambarkan dalam kedua-dua perkataan ini adalah sifat pengganas komunis itu sendiri yang cukup merbahaya kerana mereka akan membunuh sesiapa sahaja yang menentang mereka. Sifat mereka ini ditonjolkan pada perkataan *beracun* kerana racun adalah bahan berbisa yang boleh membawa maut. Seterusnya bagi ayat *terlalu lama menusuk daging* menggambarkan pengganas komunis yang sudah lama bertapak di tanah air dan memberi masalah yang besar kepada negara dan mereka diumpamakan seperti duri dalam daging kerana pengganas komunis ini terdiri daripada rakyat dari tanah air sendiri. Mereka seolah-olah menjadi pembelot negara kerana terbawa-bawa dengan fahaman dan ideologi komunisme.

P3 sekali lagi dapat mengesan kewujudan implikatur yang telah dibincangkan sebelum ini dalam rangkap kedua sajak iaitu:

Rangkap 2:

P3: Penulis mengajak rakan-rakannya untuk memerangi komunis habis-habisan sehingga ke markas mereka.

Ayat yang bergaris di atas merupakan implikatur yang berjaya di kesan oleh P3 dan perkataan komunis yang dinyatakan oleh P3 dalam implikatur bagi rangkap kedua sajak menunjukkan bahawa konteks yang dibina oleh P3 berada dalam kedudukan yang tetap dan hal ini telah memberi maklumat yang relevan kepada P3 dalam usaha memahami maksud dalam rangkap kedua sajak ini. Selain itu konteks seterusnya dibina oleh P3 berdasarkan ayat dalam rangkap kedua sajak ini yang terdiri daripada:

Bersama bulan bintang
ke gunung kita
ke hutan bersama
kita patah duri beracun
terlalu lama menusuk daging

Ayat ke gunung kita dan ayat ke hutan bersama telah memberi konteks yang seterusnya tentang usaha memerangi komunis habis-habisan walau di mana jua mereka berada samaada di gunung mahupun di hutan. Proses ini memperlihatkan usaha penggabungan maklumat yang dilakukan oleh P3 dalam memahami maksud yang terkandung dalam rangkap kedua sajak ini. Hal inilah yang turut dinyatakan oleh P3 dalam implikatur beliau iaitu memerangi komunis habis-habisan sehingga ke markas mereka. Selain itu ayat ke gunung kita dan ayat ke hutan bersama telah berjaya membimbing P3 dan memperluaskan konteks beliau dalam usaha memberi maklumat serta membantu P3 dalam memahami maksud sebenar yang terdapat pada ayat-ayat ini. Kekuatan konteks

yang di bina oleh P3 turut membantu beliau dalam usaha memproses maklumat dan seterusnya menginterpretasi makna yang terkandung dalam rangkap kedua sajak.

Pada rangkap seterusnya iaitu rangkap ketiga sajak, juga terdapat kewujudan implikatur. Rangkap ketiga sajak ini terdiri daripada:

dan kalian di hutan
ketagih pada kibaran bendera merah
ayuh! putar haluan
kembali ke pangkal jalan

Bentuk logik 1 :

_____ pada kibaran bendera merah
(rasa ingin
benar kepada
sesuatu)

Bentuk logik 2:

_____ ! _____
(kata untuk (bertukar (arah tujuan)
menyatakan arah)
marilah)

Ayat bergaris di atas merupakan ayat yang mempunyai implikatur. Jika dilihat kepada penterjemahan bentuk-bentuk logik ini adalah mustahil seseorang itu ketagih atau keinginan yang terlalu tinggi terhadap kibaran bendera merah kerana penggunaan perkataan ketagihan hanya bersesuaian pada ketagihan terhadap dadah. Namun ayat ketagih pada kibaran bendera merah dan ayat ayuh! putar haluan sebenarnya mempunyai implikatur. Implikatur yang wujud pada ayat ini sebenarnya tentang seruan kepada rakyat di tanah air sendiri supaya kembali ke pangkal jalan dan jangan terikut-ikut atau taksub dengan fahaman komunis sehingga sanggup menjadi pengkhianat dan

pembelot bangsa dan negara. Perkataan *bendera merah* melambangkan komunis. Selain daripada lambang bintang tiga yang sinonim dengan komunis , bendera merah juga melambangkan komunis. Selain itu perkataan *ayuh!* menunjukkan seruan yang tegas kepada rakyat yang menjadi pengganas komunis. Perkataan yang memberi konteks yang tepat dalam menggambarkan maksud sebenar penulis sajak memberikan kerelevanan kepada maksud yang ingin penulis sajak sampaikan. Justeru maksud sebenar penulis sajak adalah :

Penyajak menyeru kepada pengganas komunis di dalam hutan supaya insaf dan kembali ke pangkal jalan menjadi rakyat yang setia kepada negara.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:120)

Implikatur bagi rangkap ketiga sajak ini turut dapat dikesan oleh P3 iaitu:

Rangkap 3 :

P3: Penulis menyeru komunis-komunis yang berada di hutan yang kononnya memperjuangkan kemerdekaan supaya kembali ke pangkal jalan

Berdasarkan implikatur yang dikesan oleh P3, keseluruhan rangkap ketiga dalam sajak ini telah dapat difahami sepenuhnya oleh P3 dan rangkap ketiga sajak ini terdiri daripada:

dan kalian di hutan
ketagih pada kibaran bendera merah
ayuh! putar haluan
kembali ke pangkal jalan

Seperti yang dinyatakan pada awal bab tadi, perkataan *bendera merah* merupakan konteks utama yang dibina oleh P3. Dalam hal ini, konteks pertama yang dibina oleh P3 telah mengukuhkan lagi pemahaman P3 pada rangkap seterusnya iaitu rangkap ketiga sajak. P3 dapat memahami ayat dan kalian di hutan yang merujuk kepada penganas komunis. Dalam memahami perkataan *kalian* P3 telah merujuk kepada konteks yang dibina sejak dari rangkap pertama sajak iaitu komunis dan seterusnya mendapat gambaran kepada ayat dan kalian di hutan yang merujuk kepada seruan terhadap komunis.

Selain dari konteks yang dibina melalui perkataan *bendera merah*, pengetahuan P3 berkaitan sejarah yang menunjukkan bahawa fahaman komunis sebenarnya adalah fahaman yang salah turut membantu P3 dalam mendapatkan gambaran tentang perjuangan komunis. Hal ini dinyatakan dalam implikatur P3 iaitu komunis kononnya memperjuangkan kemerdekaan. Ayat yang dinyatakan oleh P3 dalam implikatur yang dikesan oleh beliau menunjukkan bahawa berdasarkan pengetahuan sejarah yang dipelajari oleh beliau telah memberi maklumat kepada beliau tentang sesetengah masyarakat pada ketika zaman komunis terikut-ikut dengan fahaman yang dibawa oleh komunis yang seolah-olah untuk memperjuangkan kemerdekaan sedangkan fahaman itu adalah salah sama sekali. Pengetahuan sejarah yang dimiliki oleh P3 telah mengembangkan konteks seterusnya dalam usaha beliau memahami maklumat yang cuba disampaikan oleh penulis sajak. Sekiranya P3 tidak mempunyai maklumat tambahan serta tidak dapat membina konteks-konteks tertentu dalam pemikiran beliau, sudah pasti beliau tidak dapat memahami maksud sebenar penulis sajak.

Pada rangkap terakhir sajak ini iaitu rangkap keempat juga terdapat implikatur yang wujud. Rangkap terakhir sajak ini berbunyi:

anak peribumi
kira berdegil batu hatinya
buat kesekian kalinya
kita titis air mata darah
kita hembus panas api
kita bakar mereka
bersama
api yang mereka nyala sendiri

Bentuk logik 1 :

anak _____
(penduduk asli)

Bentuk logik 2 :

kira _____ hatinya
(keras hati
seperti batu)

Bentuk logik 3:

kita _____ air mata darah
(titik air)

Bentuk logik 4:

kita _____ nafas panas api
(mengeluarkan
nafas)

Bentuk logik 5:

kita _____ mereka
(menyalakan
sesuatu dengan api)

Bentuk logik 6:

api yang mereka _____ sendiri
(perbuatan
atau hal
menyalakan)

Setelah melakukan penterjemahan ke atas bentuk-bentuk logik, sekali makna yang diperolehi tidak menepati maksud penulis. Ayat-ayat yang diterjemahkan ke bentuk logik ini harus dilihat pada konteks sebenar sajak ini. Berdasarkan maksud sebenar penulis sajak, ayat ini merupakan ayat yang mempunyai implikatur. Justeru maksud rangkap terakhir sajak ini adalah :

Penyajak berikrar sekiranya mereka enggan kembali ke pangkuhan masyarakat, mereka akan diperangi habis-habisan sehingga ke Titisan darah yang akhir.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:121)

Berdasarkan maksud sebenar rangkap terakhir sajak ini, ayat anak peribumi dan ayat kira berdegil batu hatinya membawa kepada implikatur rakyat di negara sendiri yang masih berdegil dan tidak mahu kembali ke pangkal jalan kerana mereka masih berpegang kepada fahaman komunis. Sikap teramat degil tersebut digambarkan pada perkataan *berdegil batu* kerana sifat batu yang keras dapat menggambarkan sikap rakyat yang degil dan keras hati. Justeru perkataan *berdegil batu* telah mewujudkan implikatur. Selain itu, penulis sajak sekali lagi mengulangi ayat kita titis air mata darah dan ayat kita hembus panas Api. Kedua-dua ayat ini sekali lagi membawa implikatur tentang perjuangan harus di teruskan walaupun terdapat rakyat yang masih mengikut fahaman komunis dan menjadi pembelot negara.

Seterusnya bagi ayat kita bakar mereka bersama api yang mereka nyala sendiri membawa implikatur tentang balasan yang harus diterima oleh pengkhianat bangsa atas apa yang telah mereka lakukan. Balasan yang dimaksudkan oleh penulis sajak di gambarkan pada perkataan *bakar*. Penulis sajak bukanlah bermaksud untuk membakar pengganas komunis ini, tetapi sebagai gambaran bahawa pengkhianat bangsa dan negara harus dihapuskan kerana mereka masih mahu meneruskan fahaman komunis tersebut. Justeru perkataan *bakar* yang digabungkan dengan perkataan *mereka* telah mewujudkan implikatur.

Bagi implikatur yang wujud pada rangkap terakhir sajak ini juga turut dapat dikesan oleh P3 iaitu:

Rangkap 4:

P3: Mereka ingin menghukum komunis yang telah membuat mereka sengsara dengan hukuman yang setimpal dengan perbuatan mereka.

Implikatur yang dikesan oleh P3 menunjukkan bahawa, beliau dapat memahami ayat kita bakar mereka bersama yang menggambarkan hukuman yang harus diberikan kepada komunis yang masih berdegil dan tidak mahu kembali ke pangkal jalan. Dalam hal ini perkataan *bakar* yang melambangkan hukuman telah berjaya difahami oleh P3 dan ini menunjukkan konteks yang dibina oleh P3 membantu P3 memahami maksud sebenar di sebalik perkataan *bakar*. Selain itu P3 juga telah mengaitkan perkataan *bakar* yang melambangkan sebagai bentuk hukuman dengan ayat api yang mereka nyala sendiri yang melambangkan hukuman yang setimpal dengan perbuatan mereka. Ayat api yang mereka nyala sendiri adalah implikatur tentang balasan yang harus diterima oleh pengkhianat bangsa iaitu komunis atas apa yang telah mereka lakukan.

Berdasarkan implikatur yang sama berjaya dikesan oleh P3 menunjukkan bahawa P3 mempunyai konteks yang secukupnya dalam memproses semua maklumat dalam setiap rangkap sajak ini. Selain itu setiap implikatur yang dikesan oleh P3 menunjukkan yang P3 tidak merujuk kepada makna perkataan demi perkataan semata-mata tetapi dengan konteks yang mencukupi, P3 dapat melihat setiap ayat-ayat terdapat dalam sajak ini melangkaui makna yang literal. Ternyata kekayaan konteks telah membantu P3 dalam memproses maklumat yang terkandung dalam sajak dan juga membantu P3 dalam memberi interpretasi yang tepat terhadap makna yang terdapat dalam setiap rangkap sajak.

4.5.3.1 Jenis-Jenis Implikatur

Di dalam sajak tahun 70an ini juga, penulis telah mengenalpasti jenis-jenis implikatur yang wujud beserta strateginya. Justeru jenis-jenis implikatur yang wujud terdiri daripada:

i) **Implikatur Ayat Figuratif**

Bagi pernyataan (i) , terdapat beberapa ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini dan ayat-ayat tersebut terdiri daripada:

- a) kita titis air mata darah
- b) kita hembus nafas panas api
- c) bersama bulan bintang
- d) kita patah duri beracun
- e) terlalu lama menusuk daging

f) ketagih pada kibaran bendera merah

g) kira berdegilbatu hatinya

h) api yang mereka nyalakan sendiri

Kesemua ayat-ayat yang dinyatakan di atas merupakan ayat-ayat yang tergolong dalam implikatur ayat figuratif. Seperti yang telah disebut sebelum ini, ayat figuratif terdiri daripada ayat-ayat yang mempunyai unsur-unsur metafora, hiperbola dan sebagainya. Sebagai contoh bagi ayat (a) dan (b), ternyata mempunyai unsur hiperbola atau disebut sebagai ayat yang menunjukkan pernyataan berlebih-lebihan. Bagi ayat (c), (d), (e) dan (g) merupakan bahasa konotatif dimana ungkapan yang digunakan memungkinkan makna lain daripada makna yang tersurat yang mampu menimbulkan kesan emosi dan imaginasi ke atas sesebuah sajak. Contohnya ayat kita patah duri beracun yang merupakan ayat (d). Apa yang dimaksudkan dengan ayat kita patah duri beracun adalah ditujukan kepada pihak komunis dan pihak komunis diumpamakan sebagai *duri beracun* yang harus dihapuskan. Selain itu ayat terlalu lama menusuk daging pula membawa maksud bahawa kewujudan komunis di tanah air telah memberi kesengsaraan kepada rakyat dalam jangkamasa yang agak lama.

Sementara itu bagi ayat (f) pula, menunjukkan ciri-ciri personafikasi di mana memberi sifat-sifat manusia kepada benda. Ayat (f) yang terdiri daripada ayat ketagih pada kibaran bendera merah membawa maksud kepada segolongan rakyat yang mengagungkan dan menjadi pengikut setia komunis. Perkataan *ketagih* selalunya digunakan dengan perkataan ketagihan dadah dan bukannya ketagih kepada bendera. Begitu juga dengan ayat (g) iaitu ayat kira berdegilbatu hatinya yang membawa maksud hati seseorang yang terlalu degil seperti batu. Ayat ini juga menunjukkan ciri-ciri personafikasi.

ii) Implikatur Kata Seruan

Bagi pernyataan (ii), terdapat juga ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini dan ayat tersebut adalah:

ayuh! putar haluan

Ayat di atas menunjukkan penggunaan kata seruan melalui perkataan ayuh!. Selain itu ayat ini juga menunjukkan ciri penegasan dan juga gambaran perasaan penulis sajak yang menyeru agar rakyat yang terpengaruh dengan ideologi komunis kembali ke pangkal jalan.

4.5.3.2 Strategi Penggunaan Implikatur

Sementara itu, penulis juga turut mengenalpasti dua strategi yang digunakan oleh penulis sajak dalam implikatur. Strategi-strategi tersebut terdiri daripada:

- a) Strategi dalam menyatakan tekad dan semangat perjuangan
- b) Strategi dalam menyatakan seruan kepada seseorang

Bagi strategi dalam menyatakan tekad dan semangat perjuangan dapat dilihat dengan jelas dalam rangkap pertama, kedua dan keempat sajak iaitu:

Rangkap 1:

Kawan
buat kesekian kalinya
kita titis air mata darah
kita hembus nafas panas api

Rangkap 2:

bersama bulan bintang
ke gunung kita
ke hutan bersama
kita patah duri beracun
terlalu lama menusuk daging

Rangkap 4:

anak peribumi
kira berdegibatu hatinya
buat kesekian kalinya
kita titis air mata darah
kita hembus panas api
kita bakar mereka
bersama
api yang mereka nyalakan sendiri

Bagi kedua-dua rangkap ini iaitu rangkap pertama dan kedua sajak menggambarkan semangat perjuangan serta tekad penulis dalam menentang komunis. Strategi yang seterusnya pula adalah menyatakan seruan kepada seseorang. Strategi ini dapat dilihat dalam rangkap ketiga sajak iaitu:

Rangkap 3:

dan kalian di hutan
ketagih pada kibaran bendera merah
ayuh! putar haluan
kembali ke pangkal jalan

Dalam rangkap ketiga ini dengan jelas menunjukkan seruan penulis sajak terhadap rakyat yang terpengaruh dengan ideologi komunis seharusnya kembali ke pangkal jalan. Seruan penulis dapat dilihat pada perkataan *ayuh!*. Ternyata setiap strategi ini penting bagi penulis sajak sendiri dalam mengukuhkan lagi maksud sebenar yang ingin disampaikan dalam sajak.

4.5.4 Implikatur Dalam Sajak 80an

Dalam bab ini, perbincangan seterusnya adalah berkaitan implikatur dalam sajak tahun 80an. Sajak ini ditulis oleh Lim Swee Tin dan berjudul *Di Kolam Ini*. Sajak ini terdiri daripada dua buah rangkap dan juga terdapat beberapa ayat yang mengandungi implikatur di dalamnya. Perbincangan implikatur dimulakan pada rangkap pertama sajak ini yang terdiri daripada:

di kolam ini, kesepian
tiba-tiba
mengembalikan aku
jauh ke desa
senja berwajah mesra
kicauan burung-burung yang nyaring
semuanya menjamah hati

Ayat-ayat bergaris yang telah dinyatakan merupakan ayat-ayat yang mempunyai implikatur. Ayat-ayat ini akan diterjemahkan ke bentuk-bentuk logik terlebih dahulu.

Bentuk logik 1:

(waktu (mempunyai (erat atau karib)
matahari wajah)
terbenam)

Bentuk logik 2:

semuanya _____ hati
(menyentuh)

Terjemahan bentuk-bentuk logik seperti yang dinyatakan , menunjukkan bahawa implikatur itu sukar dikesan atau dikenalpasti. Makna yang diperolehi merupakan tidak menunjukkan terdapat ciri-ciri yang istimewa pada setiap ayat ini. Maksud sebenar penulis sajak pada rangkap pertama sajak ini adalah:

Di tepi kolam itu penyajak merasa kesepian dan tiba-tiba teringat semula kampungnya yang aman dan damai. Suasana di waktu senja dan keriuhan bunyi burung-burung begitu memikat hatinya.

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:174)

Berdasarkan maksud sebenar penulis sajak ini menunjukkan bahawa implikatur wujud dalam rangkap pertama sajak. Justeru ayat-ayat yang bergaris seperti yang telah dinyatakan merupakan ayat-ayat yang mempunyai implikatur. Bagi ayat senja berwajah mesra merupakan implikatur tentang gambaran perasaan penulis sajak terhadap suasana di kampung halamannya. Gambaran itu cuba disampaikan dalam perkataan *senja* dan perkataan *berwajah mesra* yang mewujudkan implikatur. Maksud *senja* sebenarnya membawa maksud kejadian alam iaitu keadaan di mana matahari terbenam. Dalam hal ini penulis sajak seolah-olah terkenangkan suasana senja di kampung halamannya.

Dalam konteks ini, penulis sajak cuba menggambarkan suasana kampung halamannya yang begitu dekat di hati sanubari penulis sajak dan ia dijelaskan menerusi perkataan *berwajah mesra*. Secara logiknya waktu senja adalah kejadian alam dan tidak mempunyai wajah. Hanya hidupan seperti manusia sahaja yang mempunyai wajah. Namun untuk menggambarkan betapa suasana kampung halaman penulis sajak dekat dihatinya dan tidak pernah dilupakan, penggunaan ayat *senja berwajah mesra* adalah relevan dalam menggambarkan betapa erat dan dekatnya kampung halaman penulis

sajak di dalam hatinya. Justeru ayat senja berwajah mesra yang terdapat dalam rangkap pertama sajak ini bukanlah tentang suasana matahari terbenam yang mempunyai wajah, tetapi ia mempunyai maksud yang melangkaui makna literal seperti yang telah dinyatakan.

Implikatur seterusnya adalah pada ayat semuanya menjamah hati. Dalam ayat ini, implikatur yang wujud juga berkaitan tentang gambaran perasaan rindu yang amat mendalam penulis terhadap kampung halamannya. Dalam menggambarkan perasaan rindu penulis sajak adalah menerusi ayat *menjamah hati*. Perkataan *menjamah* yang membawa maksud menyentuh seperti yang terdapat pada bentuk logik, menggambarkan perasaan penulis sajak ketika menulis tentang suasana kampung halaman beliau. Gambaran-gambaran indah tentang kampung halaman penulis sajak telah menyentuh hati penyajak sehingga beliau menanggung rindu yang amat mendalam pada suasana kampungnya. Hal ini dikukuhkan lagi pada perkataan *semuanya* yang menggambarkan segala yang terdapat di kampung halamannya.

Bagi implikatur yang telahpun dinyatakan sebelum ini, terdapat seorang pelajar yang berjaya mengesan implikatur yang sama yang terdapat dalam rangkap pertama sajak dan pelajar tersebut adalah P4. P4 berjaya mengesan implikatur dalam sajak ini. Bagi P4 beliau juga tidak merujuk kepada tahun sajak ini ditulis tetapi beliau cuba membayangkan keadaan dan situasi yang cuba digambarkan oleh penulis sajak. P4 juga menyatakan bahawa penggunaan bahasa yang mudah oleh penulis sajak, dan tidak terlalui puitis memudahkan P4 dalam mengesan implikatur dan menginterpretasi makna sebenar yang terkandung dalam sajak ini. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada P4 inilah sebenarnya menjadi faktor penyumbang kepada P4 dalam mengesan implikatur. Rangkap pertama sajak ini terdiri daripada:

di kolam ini, kesepian
tiba-tiba
mengembalikan aku
jauh ke desa
senja berwajah mesra
kicauan burung-burung yang nyaring
semuanya menjamah hati

Ayat-ayat bergaris di atas merupakan ayat –ayat yang mempunyai implikatur. Daripada ayat-ayat bergaris ini, implikatur yang dihasilkan oleh P4 adalah:

Rangkap 1:

P4: Suasana di kolam tiba-tiba mengingatkan kembali suasana di kampung.

Berdasarkan implikatur yang berjaya dikesan oleh P4, ternyata P4 dapat memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Rangkap pertama sajak ini sebenarnya membawa maksud tentang kesepian penulis sajak di tepi sebuah kolam dan tiba-tiba penulis teringatkan kampungnya yang aman damai bersama dengan suasana waktu senja dan keriuhan bunyi burung-burung yang begitu memikat hatinya. Justeru ayat bergaris pada rangkap pertama ini sebenar adalah ayat yang mempunyai implikatur tentang gambaran perasaan penulis yang rindukan kampung halamannya serta terkenangkan suasana di kampung halamannya. Suasana di kampung halamannya itu seolah-olah dekat di hati penulis sajak. Gambaran yang diberi oleh penulis tentang ingatan beliau pada suasana kampung adalah pada ayat *senja berwajah mesra*.

Ternyata ayat ini telah memberi konteks yang secukupnya kepada P4 dalam memahami gambaran yang cuba disampaikan oleh penulis sajak kerana dalam implikatur P4 beliau telah menulis mengingatkan kembali suasana kampung. Konteks awal yang dapat dibina oleh P4 adalah pada ayat *mengembalikan aku jauh ke desa*. Tanpa ayat ini, sudah pasti P4 tidak dapat membina konteks pertama tentang kampung

halaman. Walaupun P4 tidak menyatakan tentang kerinduan penulis sajak pada kampung halamannya sehingga penulis sajak merasakan suasana di kampung seolah-olah menyentuh hatinya, namun pada dasarnya P4 dapat memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Ternyata P4 tidak hanya merujuk kepada makna perkataan demi perkataan, tetapi merujuk kepada konteks awal yang dibina oleh beliau iaitu tentang kampung halaman kerana konteks ini cukup relevan dengan makna yang ingin disampaikan dalam rangkap pertama sajak ini.

Walaupun P4 tidak seratus peratus mendapat gambaran sebenar apa yang cuba di sampaikan oleh penulis sajak, namun P4 tetap berjaya memproses maklumat yang terdapat pada rangkap pertama sajak ini menerusi maklumat-maklumat tambahan melalui perkataan-perkataan yang dinyatakan oleh penulis sajak iaitu perkataan *desa* yang menjadi kunci utama kepada pemberian maklumat dan diikuti dengan konteks yang boleh dikembangkan oleh P4 menerusi ayat *kicauan burung-burung yang nyaring*. Justeru interpretasi yang di buat oleh P4 tentang mengingatkan kembali suasana kampung mempunyai keserupaan dari segi kandungan dengan pemikiran penulis sajak. Ternyata P4 tidak memerlukan pemprosesan kos yang tinggi dalam memproses maklumat dalam rangkap pertama ini. Dari segi interpretasi makna pula, P4 dengan jelas dapat memahami maksud yang terkandung dalam rangkap pertama sajak. Selain itu ayat senja berwajah mesra dan ayat semuanya menjamah hati berjaya menarik perhatian P4 dalam usaha beliau menginterpretasi makna yang terkandung dalam rangkap pertama sajak. Hal ini jelas dapat dilihat pada makna yang diberikan oleh P4 bagi rangkap pertama sajak iaitu:

Maksud yang dinyatakan oleh P4:

Suasana di kolam tiba-tiba mengingatkan kembali suasana kampung.

Berdasarkan makna yang diberikan oleh P4 ternyata P4 tidak menghadapi sebarang masalah dalam usaha beliau memproses maklumat yang terkandung dalam rangkap pertama sajak kerana kekayaan konteks yang diperolehi oleh P4.

Selain daripada implikatur yang wujud dalam rangkap pertama sajak, pada rangkap kedua sajak ini juga terdapat beberapa implikatur yang wujud dan rangkap kedua sajak ini berbunyi:

teratai yang terbuka
riak-riak kecil beralun
di setiap angin bertiup
siapakah sebenarnya yang lebih
memahami rasa
bila kesedihan bertahun
tiba-tiba berkumpul
menjadi butir-butir mutiara
di sini setiap pengalaman
kurasakan amat berharga
di kolam ini, keresahan
tiba-tiba
dilenyapkan ingatan
seorang anak kecil yang berlari
di pasir
memburu ketam-ketam di pantai
seorang lelaki yang sering
jatuh cinta
pada lautan, bukit, awan dan
bunga-bunga
semuanya berpadu menjadi kenangan
yang terlalu mahal
untuk dihargakan.
kolam kecil ini:
jika mungkin
akan kupinjamkan sebahagian
ketenanganmu
dan merebahkan wajahku
bersama kuntum-kuntum teratai
untuk ku cari
segenggam lagi dari segunung erti
di antara kehidupan ini.

Ayat-ayat yang bergaris pada rangkap kedua sajak ini merupakan ayat-ayat yang mempunyai implikatur. Seperti biasa ayat-ayat ini akan diterjemahkan ke bentuk-bentuk logik terlebih dahulu.

Bentuk logik 1:

menjadi _____ - _____
(biji yang kecil-kecil) (biji yang kecil-kecil) (permata yang diperolehi dari tiram)

Bentuk logik 2 :

seorang lelaki yang sering jatuh_____ pada lautan, bukit,
(menaruh
 kasih pada
 seseorang)

awan dan bunga-bunga.

Bentuk logik 3 :

dan _____ wajahku bersama kuntum-kuntum teratai
(menjatuhkan)

Bentuk logik 4:

untuk ku cari _____ lagi dari _____
(banyak yang dapat dipegang) (imbuhan se- dan bukit yang besar dan tinggi) (kmaksud yang terkandung dalam sesuatu perkataan)

Setelah penterjemahan ke bentuk-bentuk logik dilakukan, kesemua ayat-ayat yang diterjemahkan hanya mempunyai makna tersurat semata-mata. Untuk menentukan kewujudan implikatur, makna tersurat memerlukan konteks dan latar belakang serta

sebab mengapa sesuatu ayat itu digunakan. Dalam rangkap kedua sajak ini, maksud sebenar penulis sajak adalah:

Begitu juga dengan teratai yang berkembang, air yang berombak bersama tiupan angin. Bagi penyajak siapakah yang benar-benar dapat merasakan kesedihan yang sudah sekian tahun tiba-tiba berlonggok menjadi harapan yang sungguh indah. Pengalaman itu sungguh ternilai kepada penyajak. Bagaimanapun kegelisahan penyajak itu tiba-tiba diganggu atau terkacau kerana penyajak teringatkan budak kecil sibuk berlari ke sana ke mari mengejar ketam di tepi pantai, disitu

(Ulasan Antologi Puisi Lukisan Zaman 1993:174)

Berdasarkan maksud penulis sajak, implikatur sememangnya wujud dalam beberapa ayat pada rangkap kedua sajak ini. Ayat menjadi butir-butir mutiara sebenarnya adalah ayat yang berimplikatur. Pada ayat ini, implikatur yang wujud adalah tentang sebuah harapan baru yang cukup indah dalam hidup penulis sajak. Harapan ini wujud setelah penulis merasa amat sedih apabila terkenangkan kampung halamannya. Kesedihan itu digambarkan pada rangkap kedua sajak ini yang dimulai dengan ayat :

siapakah sebenarnya yang lebih
memahami rasa
bila kesedihan bertahun
tiba-tiba berkumpul
menjadi butir-butir mutiara

Kesinambungan ayat dari baris pertama sehingga ayat bergaris di atas telah menggambarkan perasaan penyajak yang berada di dalam kesedihan, namun kesedihan itu telah bertukar menjadi sebuah harapan yang cukup indah. Harapan yang

dimaksudkan di sini adalah harapan penulis sajak agar segala kesedihan yang dilalui akan memberi sebuah kehidupan yang lebih baik di masa hadapan seperti yang di rasai ketika di kampung halamannya dahulu. Justeru dalam menggambarkan sesuatu yang indah amat bertepatan dengan penggunaan perkataan *mutiara* kerana *mutiara* adalah sejenis permata yang cukup berharga.

Implikatur seterusnya adalah pada ayat seorang lelaki yang sering jatuh cinta pada lautan, bukit, awan dan bunga-bunga. Implikatur yang wujud pada ayat ini adalah tentang cinta seseorang terhadap keindahan alam. Perkataan *jatuh cinta* menunjukkan perasaan kasih dan sayang seseorang. Namun perasaan sayang ini bukanlah di antara manusia, tetapi perasan cintakan alam. Keindahan alam yang cuba digambarkan oleh penulis sajak adalah menerusi perkataan *lautan, bukit, awan dan bunga-bunga*.

Seterusnya implikatur yang terakhir adalah pada ayat dan merebahkan wajahku bersama kuntum-kuntum teratai untuk ku cari segenggam lagi dari segunung erti. Implikatur dalam ayat ini adalah tentang harapan dan juga keazaman penulis sajak agar dapat menemui kehidupan yang cukup bermakna buat dirinya di masa hadapan. Jika dilihat kepada ayat *dan merebahkan wajahku bersama kuntum-kuntum teratai*, bukanlah membawa maksud penulis sajak ingin merebahkan wajahnya ke atas kuntum-kuntum teratai, tetapi *kuntum-kuntum teratai* menggambarkan sebuah pengharapan baru dan penulis tidak mahu lagi mengingati kesedihan yang dilaluinya dan kesedihan itu digantikan dengan perkara yang indah. Perkara yang indah itulah digambarkan menerusi perkataan *kuntum-kuntum teratai* yang merupakan sejenis bunga.

Bagi ayat *segenggam lagi dari segunung erti* pula menggambarkan keazaman penulis sajak dalam mencapai impiannya dalam mencari erti kehidupan yang lebih

bermakna. Gambaran impian diterjemahkan oleh penulis sajak pada perkataan *segunung erti*. Jika dilihat pada bentuk logik perkataan *gunung* merujuk kepada bukit yang tinggi. Dalam kehidupan, impian merupakan sesuatu yang matlamat yang tinggi untuk dicapai seseorang. Justeru gambaran impian menerusi perkataan *gunung* amat bertepatan dalam makna yang ingin disampaikan oleh penulis sajak.

Implikatur seterusnya yang dikesan oleh P4 adalah pada rangkap kedua sajak ini yang terdiri daripada:

teratai yang terbuka
riak-riak kecil beralun
di setiap angin bertiup
siapakah sebenarnya yang lebih
memahami rasa
bila kesedihan bertahun
tiba-tiba berkumpul
menjadi butir-butir mutiara
di sini setiap pengalaman
kurasakan amat berharga
di kolam ini, keresahan
tiba-tiba
dilenyapkan ingatan
seorang anak kecil yang berlari
di pasir
memburu ketam-ketam di pantai
seorang lelaki yang sering
jatuh cinta
pada lautan, bukit, awan dan
bunga-bunga
semuanya berpadu menjadi kenangan
yang terlalu mahal
untuk dihargakan.
kolam kecil ini:
jika mungkin
akan kupinjamkan sebahagian
ketenanganmu
dan merebahkan wajahku
bersama kuntum-kuntum teratai
untuk ku cari
segenggam lagi dari segunung erti
di antara kehidupan ini.

Ayat-ayat yang bergaris dalam rangkap kedua sajak ini sebenar ayat-ayat yang mempunyai implikatur. Implikatur yang wujud dalam rangkap kedua sajak ini adalah tentang sebuah harapan baru yang cukup indah dalam hidup penulis sajak setelah beliau merasa sedih apabila terkenangkan kampung halamannya. Selain itu implikatur yang wujud juga tentang keindahan alam yang terdapat di kampungnya serta implikatur tentang keazaman penulis sajak agar dapat menemui kehidupan yang cukup bermakna buat dirinya di masa hadapan. Implikatur-implikatur yang disebutkan ini adalah implikatur yang sememangnya wujud dalam rangkap kedua sajak ini. Justeru di bawah dipaparkan pula implikatur yang dikesan oleh P4 :

Rangkap 2:

P4: Setiap perkara yang terdapat di kolam mengingatkan tentang kisah-kisah yang menjadi kenangan. Tidak kira kisah suka atau duka, ia menjadikan kenangan yang indah kepada penulis. Mungkin kenangan ini boleh menjadikan hidup ini lebih bererti di dalam kehidupan.

Berdasarkan implikatur yang dinyatakan oleh P4 seperti di atas, ternyata beliau dapat mengesan implikatur dalam rangkap kedua sajak ini. Ternyata ayat yang bermula dari baris pertama rangkap kedua sajak sehingga baris yang ke dua puluh memberi konteks yang cukup luas kepada P4 dalam menggambarkan perasaan penulis sajak dalam mengimbau kenangan suka dan duka yang dialami oleh penulis sajak sebelum ini dan ayat-ayat tersebut terdiri daripada :

teratai yang terbuka
riak-riak kecil beralun
di setiap angin bertiup

Pada tiga baris ayat dalam rangkap kedua ini, penulis sajak cuba memberi konteks kepada pembaca bahawa beliau masih terkenangkan suasana kampung halamannya

yang hanya kini menjadi sebuah kenangan kepada beliau kerana kenangan itu muncul apabila beliau berada di tepi sebuah kolam. Sekiranya pembaca tidak merujuk kepada konteks awal yang turut dibina oleh penulis sajak dalam usaha membimbing pembaca, ternyata P4 yang merupakan salah seorang pembaca sajak ini yang tidak menyatakan perasaan penulis sajak yang teringatkan kisah-kisah yang menjadi kenangan beliau. Ternyata ayat ini dapat membina konteks kepada P4 dan memandu pemahaman P4 pada ayat yang seterusnya iaitu:

siapakah sebenarnya yang lebih
memahami rasa
bila kesedihan bertahun
tiba-tiba berkumpul
menjadi butir-butir mutiara
di sini setiap pengalaman
kurasakan amat berharga

Dalam baris ketujuh ayat dalam rangkap kedua ini, penulis sajak masih lagi mengimbau kenangan silam dan beliau cuba memberi gambaran tentang segala pahit manis yang dilalui oleh beliau yang kemudiannya bertukar menjadi satu pengharapan baru kepada beliau. Pengharapan ini telah memberi satu kenangan yang indah kepada penulis. Penulis sajak cuba memperluaskan lagi konteks yang telah terbina pada awalnya pada ayat-ayat di atas. Bagi P4 beliau telah berjaya memperluaskan konteksnya sejajar dengan konteks yang dibina sebelum ini berdasarkan implikatur yang dinyatakan iaitu:

P4 : ..Tidak kisah suka atau duka, ia menjadikan kenangan yang indah kepada penulis..

Jika dilihat pada tahap ini P4 masih lagi konsisten dengan konteks yang telah dibina oleh beliau dan tidak menimbulkan sebarang kekaburuan atau keceluaran maklumat.

Ternyata untuk memproses maklumat ini memerlukan kos yang tinggi, namun disebabkan kesan konteks dan konteks yang juga dibina oleh penulis sajak, telah membantu P4 dalam memproses maklumat yang terkandung dalam rangkap kedua sajak ini. Perluasan konteks seterusnya adalah pada ayat-ayat di bawah:

di kolam ini, keresahan
tiba-tiba
dilenyapkan ingatan
seorang anak kecil yang berlari
di pasir
memburu ketam-ketam di pantai
seorang lelaki yang sering
jatuh cinta
pada lautan, bukit, awan dan
bunga-bunga
semuanya berpadu menjadi kenangan
yang terlalu mahal
untuk dihargakan.
kolam kecil ini:
jika mungkin
akan kupinjamkan sebahagian
ketenanganmu
dan merebahkan wajahku
bersama kuntum-kuntum teratai
untuk ku cari
segenggam lagi dari segunung erti
di antara kehidupan ini.

P4 hanya mengesan implikatur pada 3 baris ayat terakhir yang bergaris di atas. Di sini P4 telah melakukan pengguguran maklumat terhadap implikatur yang menggambarkan cinta seseorang terhadap keindahan alam pada ayat:

di kolam ini, keresahan
tiba-tiba
dilenyapkan ingatan
seorang anak kecil yang berlari
di pasir
memburu ketam-ketam di pantai
seorang lelaki yang sering
jatuh cinta
pada lautan, bukit, awan dan
bunga-bunga

Pada ayat-ayat di atas ini yang masih berada dalam rangkap kedua sajak yang mempunyai implikatur tentang cinta seseorang terhadap keindahan alam tidak dinyatakan oleh P4. Hal ini terjadi kerana rangkap kedua yang terlalu panjang dan mungkin berlaku percanggahan andaian ketika P4 memproses maklumat. Ini kerana konteks yang dibina pada awalnya adalah berkait dengan kenangan suka dan duka yang di lalui oleh penulis sajak. Setelah itu timbul pula maklumat baru yang dinyatakan oleh penulis sajak tentang cintakan keindahan alam. Kedua-dua maklumat ini adalah maklumat yang bertentang dan bukan maklumat yang berada di ruang lingkup yang sama.

Justeru, P4 telah menggugurkan maklumat ini kerana P4 masih berada dalam konteks yang dibina sejak awal tadi berkaitan dengan perasaan penulis sajak yang mengimbau kenangan suka dan duka yang dilalui oleh beliau dan maklumat tentang cintakan keindahan alam dilihat seolah-olah tidak relevan. P4 hanya mengesan implikatur seterusnya pada 3 ayat pada baris terakhir sajak iaitu :

untuk ku cari
segenggam lagi dari segunung erti
di antara kehidupan ini.

Ayat-ayat di atas merupakan kesinambungan konteks yang dibina oleh penulis sajak kepada pembaca tentang pengharapan beliau yang baru dapat memberi sebuah kehidupan yang bermakna kepada penulis sajak. Dengan kesinambungan konteks inilah P4 juga dapat menggabungkan konteks yang dibina sejak awal sehinggalah ke akhirnya berdasarkan implikatur yang dikesan oleh beliau iaitu:

Rangkap 2:

P4: ...Mungkin kenangan ini boleh menjadikan hidup ini lebih bererti di dalam kehidupan.

Daripada implikatur yang dikesan oleh P4 seperti di halaman sebelah, ternyata beliau mendapat konteks dan kesan konteks yang cukup dan setiap ayat yang menggambarkan makna sebenar yang terkandung dalam sajak cukup relevan. Apabila andaian-andaan yang dibuat oleh pemaca iaitu P4 relevan dengan konteks yang di bina oleh beliau maka ia tidak melibatkan kos pemprosesan yang tinggi.

Dari segi interpretasi makna pula, P4 berjaya menginterpretasi makna sebenar yang terkandung dalam rangkap kedua sajak. Walaupun P4 menggugurkan beberapa maklumat disebabkan rangkap kedua sajak terlalu panjang, namun ia langsung tidak menjelaskan makna yang diinterpretasi oleh P4. Ternyata hanya ayat-ayat tertentu yang berjaya menarik perhatian P4 lalu memberi kesan relevan yang optimum kepada P4. Oleh itu P4 tidak menghadapi sebarang masalah dalam usaha memproses maklumat yang terkandung dalam rangkap kedua sajak.

4.5.4.1 Jenis-Jenis Implikatur

Bagi sajak tahun 80an ini, penulis turut mengesan jenis-jenis implikatur beserta strategi penggunaan implikatur. Jenis-jenis implikatur yang cukup ketara dalam sajak ini terdiri daripada:

i) **Implikatur Ayat Figuratif**

Terdapat beberapa ayat yang telah dikenalpasti yang tergolong dalam implikatur seperti pernyataan (i). Ayat-ayat tersebut terdiri daripada:

a) senja berwajah mesra

b) semuanya menjamah hati

- c) menjadi butir-butir mutiara
- d) segenggam lagi dari segunung erti

Bagi kesemua ayat yang dinyatakan di atas merupakan ayat yang mempunyai ciri-ciri personafikasi dan hiperbola. Sebagai contoh ayat yang mempunyai ciri-ciri personafikasi adalah ayat (a) iaitu ayat senja berwajah mesra dan ayat (b) iaitu ayat semuanya menjamah hati. Kedua-dua ayat ini mempunyai sifat-sifat manusia atau disebut sebagai unsur perorangan. Ternyata kejadian alam iaitu waktu senja tidak mempunyai wajah seperti manusia. Namun penulis sajak meletakkan perkataan *berwajah mesra* bersama-sama perkataan *senja* adalah untuk menunjukkan bahawa betapa dekatnya hati penulis sajak dengan suasana kampungnya yang digambarkan melalui waktu senja. Selain itu bagi ayat (c) iaitu ayat menjadi butir-butir mutiara dan ayat (d) iaitu ayat segenggam lagi dari segunung erti menunjukkan ayat yang dilebih-lebihkan pernyataannya yang dinamakan sebagai hiperbola.

ii) Implikatur Ayat Penyata

Bagi pernyataan (ii) pula, terdapat satu ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini dan ayat tersebut merupakan:

- a) seorang lelaki yang sering jatuh cinta pada lautan,bukit, awan dan bunga-bunga

Ayat (a) menunjukkan pernyataan yang dibuat oleh penulis sajak tentang seseorang yang cintakan keindahan alam. Ternyata ayat seorang lelaki yang sering jatuh cinta

pada lautan,bukit, awan dan bunga-bunga menunjukkan sebuah keterangan tentang sesuatu hal.

4.5.4.2 Strategi Penggunaan Implikatur

Setelah meneliti dan mengenalpasti jenis implikatur yang wujud dalam sajak tahun 80an, penulis juga turut mengenalpasti penggunaan implikatur bagi strategi-strategi tertentu. Strategi-strategi yang digunakan terdiri daripada:

- a) Strategi untuk menyatakan rasa kerinduan
- b) Strategi untuk menyatakan perasaan sedih
- c) Strategi untuk menyatakan pengharapan

Strategi untuk menyatakan rasa kerinduan dapat dilihat pada rangkap pertama sajak iaitu:

di kolam ini, kesepian
tiba-tiba
mengembalikan aku
jauh ke desa
senja berwajah mesra
kicauan burung-burung yang nyaring
semuanya menjamah hati

Menerusi rangkap pertama sajak tahun 80-an, penulis meluahkan perasaan rindunya terhadap kampung halaman. Luahan perasaan penulis sajak itulah merupakan salah satu strategi yang digunakan oleh penulis sajak untuk menyatakan maksud yang terkandung dalam rangkap pertama sajak. Sementara itu, strategi untuk menyatakan perasaan sedih pula dapat dilihat dalam rangkap kedua sajak menerusi ayat :

teratai yang terbuka
riak-riak kecil beralun
di setiap angin bertiup
siapakah sebenarnya yang lebih
memahami rasa

Bagi ayat-ayat di atas pula menggambarkan kesedihan penulis sajak yang terlalu rindukan kampung halamannya yang tidak mungkin dapat dirasai dan difahami oleh orang lain. Strategi yang ketiga iaitu untuk menyatakan pengharapan juga dapat dilihat dalam rangkap kedua sajak yang bermula pada ayat:

kolam kecil ini:
jika mungkin
akan kupinjamkan sebahagian
ketenanganmu
dan merebahkan wajahku
bersama kuntum-kuntum teratai
untuk ku cari
segenggam lagi dari segunung erti
di antara kehidupan ini

Seterusnya bagi ayat-ayat diatas pula menggambarkan pengharapan penulis sajak agar kehidupan yang akan dilaluinya pada masa hadapan menjadi lebih bererti dan indah. Kehidupan yang indah itu diumpamakan oleh penulis sajak menerusi ayat *bersama kuntum-kuntum teratai*.

4.5.5 Implikatur Dalam Sajak 90an

Perbincangan bagi implikatur seterusnya adalah pada sajak tahun 90an yang berjudul *Tamu Semalam* yang ditulis oleh Dato Prof. Dr. Hashim Yaacob. Walaupun tema sajak ini tidak dinyatakan oleh penulis sajak, namun berdasarkan maksud sebenar setiap rangkap sajak ini telah dinyatakan oleh penulis sajak. Berdasarkan maksud

sebenar yang terdapat pada dua rangkap sajak, dapatlah disimpulkan bahawa sajak ini bertemakan pengkhianatan. Sajak ini terdiri daripada dua rangkap dan rangkap pertama sajak ini terdiri daripada:

Tamu kuyup semalam
yang datang di lebat hujan
ku beri makan,
persalinan dan tilam untuk bermalam.

Sebelum membincangkan implikatur yang terdapat pada rangkap pertama sajak ini, ayat-ayat yang dinyatakan sebelum ini akan di terjemahkan ke bentuk-bentuk logik terlebih dahulu:

Bentuk logik 1:

_____ semalam
(orang yang (basah)
datang
mengunjungi
orang lain)

Bentuk logik 2:

yang datang di _____ hujan
(banyak)

Bentuk logik 3:

ku beri _____
(menelan makan)

Bentuk logik 4 :

_____ dan tilam untuk bermalam
(selengkap
pakaian)

Setelah meneliti penterjemahan bentuk-bentuk logik ini, ternyata implikatur sukar dikesan menerusi penterjemahan ini kerana makna perkataan demi perkataan sahaja yang didapati. Setiap perkataan yang digunakan oleh penulis sajak mempunyai tujuan utama ia digunakan dalam penulisan sajak. Justeru maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak dalam rangkap pertama sajak ini adalah:

Seseorang yang ditimpa kesusahan hadir dalam hidup seorang individu. Justeru individu tersebut memberi pertolongan kepada orang yang ditimpa kesusahan.

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr.Hashim Yaacob)

Jika dilihat kepada maksud sebenar yang dinyatakan oleh penulis sajak ini, implikatur sememangnya wujud dalam rangkap pertama sajak ini. Bagi ayat pada baris pertama sajak ini iaitu Tamu kuyup semalam dan ayat pada baris kedua sajak ini iaitu yang datang di lebat hujan membawa implikatur tentang kehadiran seorang individu dalam hidup seseorang dan individu tersebut sedang di dalam kesusahan. Kedua-dua ayat bergaris di atas telah bergabung dalam membawa satu implikatur seperti yang telah dinyatakan. Implikatur yang wujud pada kedua-dua ayat ini terletak pada perkataan *Tamu* yang menggambarkan orang asing atau orang luar.

Perkataan *Tamu* selalunya dikaitkan dengan orang yang datang mengunjungi orang lain manakala perkataan *kuyup* pula menggambarkan diri seseorang itu yang berada di dalam keadaan basah. Namun apa yang cuba digambarkan oleh penulis sajak bukanlah sebenar-benarnya seseorang itu berada dalam keadaan basah, namun gambaran seseorang yang berada dalam keadaan yang susah. Jika dilihat kepada orang yang berada dalam keadaan basah, riak wajah dan keadaan dirinya tidak kemas dan

tidak selesa. Itulah gambaran kepada orang yang berada di dalam kesusahan di mana keadaan diri mereka yang tidak terurus.

Sementara itu dalam menguatkan lagi konteks yang cuba digambarkan oleh penulis sajak tentang diri seseorang yang berada dalam kesusahan adalah pada perkataan *lebat hujan*. Dalam kehidupan seharian, apabila hujan lebat atau terlalu lebat akan menyukarkan seseorang itu untuk keluar dari rumah ataupun meneruskan perjalanan ke sesuatu destinasi. Justeru perkataan *lebat hujan* banyak membantu dalam menyampaikan maksud kesusahan selain daripada perkataan *kuyup*. Bagi ayat yang seterusnya iaitu ayat ku beri makan, dan ayat persalinan dan tilam untuk bermalam membawa implikatur tentang seorang individu yang bersungguh-sungguh memberikan pertolongan terhadap orang yang ditimpa kesusahan. Perkataan *ku beri* menggambarkan perbuatan memberi sesuatu manakala bagi perkataan *makan*, *persalinan* dan *tilam* merupakan bentuk pertolongan yang meliputi makanan, pakaian dan tempat tinggal buat sementara waktu yang cuba digambarkan oleh penulis sajak. Kesungguhan pertolongan itu diberi adalah menerusi gambaran pertolongan yang melibatkan tiga perkara yang dinyatakan sebelum ini.

Bagi sajak ini hanya 3 orang pelajar sahaja dapat mengesan implikatur yang wujud dalam sajak dan 3 orang pelajar ini adalah P2, P7 dan P8. Implikatur yang berjaya di kesan oleh ketiga-tiga pelajar ini adalah :

Rangkap 1:

P2: Menerangkan tentang dia menolong orang, berbuat segala kebaikan dan ikhlas.

Berdasarkan implikatur yang dinyatakan oleh P2, ternyata P2 dapat membina konteks yang relevan dengan maksud yang ingin disampaikan dalam rangkap pertama sajak ini iaitu tentang pertolongan. P2 ternyata dapat memahami maksud perkataan *Tamu* yang merujuk kepada seseorang. P2 juga hanya memberi perhatian pada ayat ku beri makan, dan ayat persalinan dan tilam untuk bermalam yang memberi gambaran tentang pertolongan yang diberikan. P2 juga telah membuat andaian bahawa pertolongan yang diberikan adalah ikhlas. Ternyata konteks awal yang dibina oleh P2 berjaya membantu P2 memproses maklumat dalam rangkap pertama sajak ini. Bagi implikatur yang dikesan oleh P7 pula adalah seperti berikut:

Rangkap 1:

P7 : Pertolongan yang diberikan terhadap seseorang yang memerlukan

Melihat kepada implikatur yang dinyatakan oleh P7, ternyata P7 juga mempunyai konteks yang sama seperti P2 yang memahami maksud ayat ku beri makan, dan ayat persalinan dan tilam untuk bermalam. Kedua-dua ayat ini yang menggambarkan pertolongan berjaya diproses maklumatnya oleh P7. Begitu juga dengan perkataan *Tamu* yang merujuk kepada seseorang telah difahami oleh P7. Implikatur seterusnya yang dikesan oleh P8 adalah:

Rangkap 1:

P8: Bantuan yang diberikan kepada orang yang sangat memerlukannya.

Implikatur yang dikesan oleh P8 juga menunjukkan bahawa P8 turut memahami maksud dari ayat ku beri makan, dan ayat persalinan dan tilam untuk bermalam dengan menyatakan bantuan. Bantuan mahupun pertolongan adalah perkataan yang mempunyai

maksud yang sama. Oleh itu P8 juga berjaya membina konteks awal daripada ayat-ayat bergaris di atas dan P8 juga dapat memahami perkataan *Tamu* yang merujuk kepada orang. P8 telah memperluaskan konteks beliau terhadap ayat :

Tamu kuyup semalam
yang datang di lebat hujan

Ayat-ayat di atas menggambarkan seseorang yang berada di dalam kesusahan dan amat memerlukan bantuan. Justeru P8 juga dapat memproses ayat ini dan telah menyatakan dalam implikatur beliau orang yang sangat memerlukannya. Perkataan *kuyup semalam* dan perkataan *lebat hujan* memberi gambaran tentang orang yang berada dalam kesusahan kerana secara logiknya dalam kehidupan seharian, apabila hujan lebat atau terlalu lebat akan menyukarkan seseorang untuk keluar dari rumah mahupun meneruskan perjalanan ke sesuatu destinasi. Gambaran kesukaran dan kesusahan itu berjaya difahami oleh P8 kerana menerusi perkataan *kuyup semalam* dan perkataan *lebat hujan* berjaya memberi gambaran dan konteks kepada P8 dalam menggambarkan seseorang yang berada di dalam kesusahan dan memerlukan bantuan.

Ternyata ketiga-tiga pelajar ini iaitu P2,P7 dan P8 dapat menginterpretasi makna sebenar yang terdapat dalam rangkap pertama sajak. Kekayaan konteks beserta bahasa yang mudah yang digunakan oleh penulis sajak dapat membimbing dan memandu pembaca dalam memahami makna yang ingin disampaikan. Setiap ayat dalam rangkap pertama sajak ini cukup relevan bagi ketiga-tiga pelajar ini seterusnya membolehkan mereka memproses maklumat dengan kos yang rendah. Selain itu, bagi rangkap kedua sajak ini juga terdapat implikatur yang wujud pada beberapa ayat dan rangkap kedua sajak ini berbunyi:

Bila reda hujan
Ditinggalkannya padaku
sebilah belati
Tercacak dalam hati

Bentuk logik 1:

Bila _____ hujan dia menghilang
(hampir
berhenti)

Bentuk logik 2 :

sebilah _____
(pisau)

Bentuk logik 3 :

_____ pada hati
(tertanam)

Setelah menterjemahkan ayat-ayat ini ke bentuk logik, hanya makna yang tersurat sahaja yang diperolehi. Makna-makna yang tersurat ini bukanlah implikatur yang wujud dalam rangkap kedua sajak ini. Rangkap kedua sajak ini sememangnya mempunyai implikatur berdasarkan maksud sebenar penulis sajak iaitu:

Setelah orang yang ditimpa kesusahan tadi mendapat segala pertolongan yang diberikan, beliau menghilangkan diri dan meninggalkan kesusahan kepada orang yang telah menolong dirinya. Seperti kata pepatah harapkan pagar, pagar makan padi

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob)

Seterusnya pada rangkap kedua sajak ini pula terdapat beberapa ayat yang mempunyai implikatur iaitu ayat Bila reda hujan dia menghilang. Implikatur yang wujud pada ayat ini adalah setelah orang yang berada di dalam kesusahan tadi diberikan pertolongan, lalu dia menghilangkan diri. Ayat *Bila reda hujan* menunjukkan orang di dalam kesusahan tadi, tidak lagi berterusan di dalam kesusahan. Bagi ayat sebilah belati dan ayat Tercacak dalam hati membawa implikatur tentang orang yang berada dalam kesusahan dan diberi pertolongan tadi seolah-olah tidak mengenang budi lalu mengkhianati dan memberi kesusahan kepada orang yang telah menolong dirinya. Perkataan *sebilah belati* menggambarkan pengkhianatan kerana perkataan *belati* membawa maksud sejenis pisau. Pisau merupakan benda yang tajam dan jika ia disalah gunakan maka ia akan mengundang bahaya. Justeru gambaran yang cuba diberikan oleh penulis sajak adalah tentang bahayanya seseorang yang mengkhianati dan menimbulkan kesusahan kepada orang lain.

Bagi rangkap kedua sajak ini juga sekali lagi tiga orang pelajar iaitu P2,P7 dan P8 berjaya mengesan implikatur yang telah dinyatakan tadi. Implikatur yang berjaya dikesan oleh P2 adalah seperti berikut:

Rangkap 2:

P2: tidak disangka orang yang dipercayai atau ditolongi yang menikam kita sendiri,yang ingin menjatuhkan kita. Kesimpulan yang dapat dibuat jangan terlalu percaya pada orang yang tidak dikenali.

Perasaan kecewa yang digambarkan oleh penulis, turut sama dapat dirasai oleh P2 berdasarkan ayat dalam implikatur beliau iaitu:

P2: tidak disangka orang yang dipercayai atau ditolongi yang menikam kita sendiri.....

Ayat tidak disangka menunjukkan rasa kecewa dan terkilan. Hal ini dapat di rasai dan difahami oleh P2. Perasaan kecewa dan terkilan ini di bina berdasarkan konteks ayat Bila reda hujan dia menghilang yang menggambarkan pertolongan yang diberi seolah-olah tidak dihargai dan perluasan konteks seterusnya adalah pada ayat :

ditinggalkannya padaku
sebilah belati
tercacak pada hati

Perkataan *belati* menunjukkan sesuatu yang tajam dan amat menyakitkan. Gambaran kesakitan inilah yang membawa kepada perasaan kecewa penulis sajak serta rasa dikhianati. Perasaan itu turut dapat di gambarkan dan dapat dirasai oleh P2 berdasarkan ayat beliau:

P2:yang menikam kita sendiri, yang ingin menjatuhkan kita....

Ternyata perkataan *belati* dapat memberi kesan konteks yang kuat kepada P2 dalam memahami dan merasai perasaan penulis sajak. Justeru maklumat yang diproses tidak memerlukan usaha memproses yang tinggi. Bagi P7 pula, implikatur yang dikesan oleh beliau pada rangkap kedua sajak adalah:

Rangkap 2:

P7: Namun apabila kesusahan telah berlalu, insan yang memberi pertolongan dilupakan begitu sahaja seumpama ‘kacang lupakan kulit’.

Bagi P7 pula, ayat Bila reda hujan dia menghilang, turut dapat difahami oleh P7 berdasarkan implikatur yang dinyatakan oleh beliau iaitu:

P7: Namun apabila kesusahan telah berlalu, insan yang memberi pertolongan dilupakan begitu sahaja....

Dalam hal ini P7 juga mempunyai konteks yang sama seperti P2 iaitu pertolongan yang diberi tidak dihargai. Ternyata perkataan *reda hujan* yang menggambarkan apabila kesusahan yang di alami sudah berakhir, berjaya difahami oleh P7 dan P7 juga memperkuuhkan lagi jawapannya dengan perumpamaan seperti ‘kacang lupukan kulit’. Namun pemprosesan maklumat oleh P7 terhenti pada ayat Bila reda hujan dia menghilang sahaja. Penguraian seterusnya tidak dilakukan. Bagi P7 bahasa yang tidak terlalu berkias dan sajak yang tidak terlalu panjang menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan beliau memproses maklumat dalam sajak ini. Implikatur yang dikesan oleh P8 pula adalah seperti berikut:

Rangkap 2:

P8: Apabila orang tersebut sudah senang, lalu mengkhianati orang yang memberi perlindungan atau bantuan

Berdasarkan implikatur yang dikesan oleh P8, ternyata P8 juga dapat memahami ayat Bila reda hujan dia menghilang. Merujuk kepada ayat ini P8 menyatakan bahawa:

P8: Apabila orang tersebut sudah senang....

Ternyata ayat yang dinyatakan adalah gambaran kepada ayat Bila reda hujan dia menghilang. Konteks yang dibina oleh P8 pada perkataan *reda hujan* yang merujuk kepada kesusahan yang dialami sudah berakhir, berjaya membantu P8 dalam memproses maklumat di sebalik ayat ini. Selain itu P8 juga melakukan penggabungan maklumat dari rangkap pertama tentang bantuan yang diberi dengan penambahan

maklumat baru tentang pengkhianatan yang berlaku terhadap orang yang memberi bantuan. Hal ini berdasarkan implikatur yang dinyatakan oleh P8 iaitu:

P8:.....lalu mengkhianati orang yang memberi perlindungan atau bantuan.

Ayat memberi perlindungan atau bantuan adalah implikatur yang di dapati daripada rangkap pertama sajak. Ternyata konteks awal yang dibina membantu P8 untuk memahami rangkap kedua sajak disamping memperluaskan konteks terhadap ayat seperti di bawah:

ditinggalkannya padaku
sebilah belati
tercacak pada hati

Melalui ayat yang dinyatakan di halaman sebelah telah memberi maklumat baru kepada P8 iaitu tentang orang yang memberi pertolongan telah dikhianati. Perkataan *sebilah belati* berjaya memberi gambaran pengkhianatan terhadap P8 dan ia cukup relevan dalam menyatakan maksud tentang pengkhianatan. Di sini dengan jelas dapat dilihat P8 bukan sahaja memproses maklumat pada rangkap kedua tetapi beliau juga menggabungkan maklumat terdahulu untuk membentuk andaian baru dan seterusnya mengukuhkan maklumat baru tersebut. Selain perkataan-perkataan yang memberi kesan konteks, penggunaan bahasa yang mudah dan sajak yang tidak terlalu panjang telah dinyatakan oleh P8 sebagai salah satu faktor beliau berjaya memproses maklumat yang terkandung dalam sajak ini. Dari sudut interpretasi makna pula, ketiga-tiga pelajar ini sekali lagi dapat menginterpretasi makna yang terdapat dalam rangkap kedua sajak. Ternyata kekayaan konteks memainkan peranan yang penting bagi ketiga-tiga pelajar ini untuk memahami makna dalam setiap rangkap sajak.

4.5.5.1 Jenis-Jenis Implikatur

Dalam sajak tahun 90an ini juga, penulis turut mengenalpasti jenis-jenis implikatur yang wujud beserta strategi yang digunakan menerusi implikatur. Justeru terdapat satu jenis implikatur sahaja yang wujud dalam sajak tahun 90an ini. Implikatur tersebut adalah:

i) Implikatur Ayat Figuratif

Bagi implikatur ayat figuratif ini, terdapat unsur metafora ataupun bahasa kiasan di dalam beberapa ayat dalam rangkap pertama dan kedua sajak yang mana ayat-ayat ini membawa makna yang bertentangan dengan kenyataan yang ditulis oleh penulis sajak.

Sebagai contoh dalam rangkap pertama sajak iaitu:

Tamu kuyup semalam
yang datang di lebat hujan
ku beri makan
persalinan dan tilam untuk bermalam

Daripada rangkap pertama sajak di atas, makna ayat Tamu kuyup semalam dan ayat yang datang di lebat hujan, merupakan kiasan kepada seseorang yang sedang berada dalam kesusahan. Perkataan *kuyup* dan *lebat hujan* diumpamakan oleh penulis sajak sebagai keadaan susah dan bukannya menceritakan tentang seseorang yang datang ketika hujan sedang lebat. Ayat ku beri makan dan ayat persalinan dan tilam untuk bermalam pula merupakan kiasan kepada seseorang yang memberi pertolongan dengan hati yang luhur dan ikhlas. Ternyata perkataan *makan*, *persalinan* dan *tilam* diumpamakan oleh penulis sajak sebagai bentuk pertolongan.

Selain itu unsur-unsur kiasan juga dapat dilihat dalam rangkap kedua sajak iaitu:

Bila reda hujan
Ditinggalkannya padaku
sebilah belati
Tercacak dalam hati

Bagi ayat Bila reda hujan pula menunjukkan kiasan kepada apabila seseorang itu sudah tidak lagi ditimpa kesusahan dan bukannya keadaan di mana hujan yang telah reda atau berhenti. Manakala ayat Ditinggalkannya padaku, ayat sebilah belati dan ayat Tercacak dalam hati merupakan kiasan kepada seseorang yang lupa daratan apabila diberikan pertolongan sehingga sanggup mengkhianati pertolongan yang telah diberikan. Ternyata perkataan *belati* diumpamakan oleh penulis sajak sebagai bentuk pengkhianatan.

4.5.5.2 Strategi Penggunaan Implikatur

Sementara itu terdapat dua strategi yang wujud dalam sajak tahun 90an ini dan strategi tersebut terdiri daripada:

- i) Strategi untuk menyatakan pertolongan
- ii) Strategi untuk menyatakan perasaan dikhianati

Bagi strategi untuk menyatakan pertolongan dapat dilihat dalam rangkap pertama sajak iaitu:

Tamu kuyup semalam
yang datang di lebat hujan
ku beri makan,
persalinan dan tilam untuk bermalam

Dalam rangkap pertama sajak tahun 90an, penulis sajak menggunakan implikatur sebagai strategi dalam menyatakan pertolongan adalah pada ayat ku beri makan dan ayat persalinan dan tilam untuk bermalam. Kedua-dua ayat ini menunjukkan bentuk pertolongan yang diberikan. Seterusnya strategi untuk menyatakan perasaan dikhianati dapat dilihat dengan jelas dalam rangkap kedua sajak iaitu:

Bila reda hujan
Ditinggalkannya padaku
sebilah belati
Tercacak dalam hati

Ayat dalam rangkap kedua iaitu ayat Ditinggilkannya padaku , ayat sebilah belati dan ayat Tercacak dalam hati menunjukkan perasaan penulis sajak yang telah dikhianati. Perkataan *sebilah belati* yang membawa maksud sebilah pisau merupakan perlambangan yang diberikan oleh penulis sajak dalam menggambarkan pengkhianatan.

4.5.6 Implikatur Dalam Sajak Tahun 2000

Perbincangan seterusnya adalah pada sajak yang keenam dan merupakan sajak yang terakhir dan sajak ini berjudul *Kitalah Tuah* yang ditulis pada tahun 2000 (sila rujuk lampiran). Sajak ini ditulis oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob dan tema sajak tidak dinyatakan oleh penulis sajak. Namun berdasarkan makna yang dinyatakan oleh penulis sajak pada setiap rangkap, dapatlah disimpulkan bahawa sajak ini bertemakan imbauan kepada perjuangan rakyat terdahulu ketika zaman sebelum merdeka dan dijajah serta peranan generasi hari ini yang harus meneruskan perjuangan tersebut dengan mempertahankan keamanan yang telah dikecapi sejak sekian lama. Keseluruhan

sajak ini juga menggambarkan luahan rasa penulis sajak sebagai salah seorang rakyat tentang perjuangan pejuang-pejuang bangsa terdahulu.

Sajak ini terdiri daripada 9 buah rangkap dan rangkap pertama sajak ini terdiri daripada:

Kita lari menggendong maruah diri
resah cemas di bumi sendiri

Bentuk logik 1 :

Kita lari _____ maruah diri
(membawa
sesuatu)

Bentuk logik 2 :

_____ di bumi sendiri
(tidak tenang (berasa takut)
hati)

Setelah melakukan terjemahan ke bentuk-bentuk logik, kewujudan implikatur masih lagi gagal di kesan. Namun ayat-ayat yang dinyatakan di atas merupakan ayat-ayat yang mempunyai implikatur. Maksud sebenar penulis sajak adalah :

Rakyat kehilangan maruah diri ketika negara sedang dijajah.

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob)

Berdasarkan maksud sebenar yang dinyatakan oleh penulis sajak ini, ayat-ayat yang bergaris seperti yang dinyatakan merupakan ayat yang mempunyai implikatur. Bagi

ayat Kita lari menggendong maruah diri dan ayat resah cemas di bumi sendiri merupakan ayat yang mempunyai makna yang melangkaui makna literal. Bagi kedua-dua ayat ini digabungkan untuk membentuk satu implikatur. Justeru implikatur yang wujud adalah tentang gambaran keadaan rakyat sebelum merdeka yang seperti kehilangan arah dan maruah mereka telah dipersendakan walaupun mereka berada dalam tanah air sendiri. Ayat *menggendong maruah diri* dengan jelas menggambarkan rakyat seolah-olah kehilangan arah dan diumpama seperti terpaksa membawa maruah diri dan menjadi pelarian di tanah air sendiri. Jika dilihat secara logik, maruah diri bukanlah sesuatu benda yang boleh dibawa kemana-mana tetapi apa yang cuba digambarkan oleh penulis sajak tentang perasaan rakyat yang terlalu takut dan maruah diri mereka dipermainkan sewenang-wenangnya akibat dijajah.

Justeru perkataan *cemas* cukup jelas dalam menggambarkan suasana dan keadaan rakyat ketika dijajah ketika itu. Perkataan-perkataan yang disebutkan ini memainkan peranan yang penting dalam memberi gambaran tentang maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak serta mewujudkan implikatur. Bagi rangkap pertama sajak ini, kesemua pelajar tidak dapat mengesan implikatur yang wujud. Rangkap seterusnya iaitu rangkap kedua sajak ini terdiri daripada:

Lalu berapakah harga kelangsungan nafas
ketika kita tunduk tewas
terkongkong dan tertindas?

Bentuk logik 1 :

Lalu berapakah harga _____ nafas
(perihal berterusan)

Bentuk logik 2 :

ketika kita _____
(kepala _____ (kalah)
atau muka
condong
ke hadapan)

Bentuk logik 3 :

Berdasarkan bentuk-bentuk logik yang diterjemahkan, makna-makna yang diperolehi tidak memberi jawapan kepada implikatur. Namun rangkap kedua sajak ini sebenarnya mempunyai implikatur dan hal ini dikukuhkan dengan maksud sebenar penulis sajak iaitu :

Rakyat tidak mempunyai apa-apa lagi.

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob)

Justeru setiap ayat bagi rangkap kedua ini merupakan ayat yang berimplikatur dan ini jelas dapat dilihat pada ayat Lalu berapakah harga kelangsungan nafas, ayat ketika kita tunduk tewas dan ayat terkongkong dan tertindas? Ketiga-tiga ayat ini sebenarnya mempunyai satu implikatur tentang keadaan rakyat yang kehilangan segala-galanya akibat dijajah walaupun mereka berada di tanah air sendiri dan ini termasuklah nyawa rakyat yang seolah-olah tidak berharga dan boleh hilang dalam sekelip mata. Dalam hal ini perkataan *tunduk, tewas, terkongkong* dan perkataan *tertindas* cukup kuat dalam menggambarkan keadaan rakyat yang harus mengikut segala kehendak penjajah dan akibatnya mereka kehilangan segala-galanya dalam hidup. Bagi perkataan harga dan kelangsungan nafas menggambarkan nyawa seolah-olah sudah menjadi tidak

berharga walaupun berada di tanah air sendiri. Untuk rangkap kedua sajak ini juga, kesemua pelajar tidak dapat mengesan implikatur yang wujud.

Implikatur seterusnya adalah pada rangkap ketiga sajak yang terdiri daripada :

Ratusan tahun kita ketiadaan wajah
Apakah tanda kehandalan pahlawan
sedang bangsa menjadi suruhan?
Ratusan tahun kita kehilangan rupa
Di tanah sendiri tuannya siapa?

Bentuk logik 1:

Ratusan tahun kita _____
(perihal tidak (air muka)
 ada)

Bentuk logik 2 :

Apakah tanda _____
(keadaan (orang yang
 handal) gagah dan berani)

Bentuk logik 3 :

Sedang _____ menjadi _____
(jenis manusia (sesuatu
 satu asal yang di
 keturunan) suruh)

Bentuk logik 4 :

Ratusan tahun kita _____
(perihal (rautan
 hilangnya muka)
 sesuatu)

Bentuk logik 5:

Di tanah sendiri _____nya siapa ?
(orang tempat
menghambakan
diri)

Setelah melakukan terjemahan ke atas bentuk-bentuk logik ini, makna yang diperolehi masih tidak menampakkan ciri-ciri sebuah implikatur. Pada rangkap ketiga sajak ini sebenarnya mempunyai ayat-ayat yang berimplikatur berdasarkan maksud sebenar penulis sajak iaitu :

Beratus tahun negara dijajah dan walaupun hidup di tanah sendiri, tetapi penjajah yang menjajah menjadikan rakyat sebagai hamba suruhan dan orang asing dibumi sendiri. Tiada kelihatan perjuangan rakyat.

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob)

Bagi ayat Ratusan tahun kita ketiadaan wajah membawa implikatur tentang beratus tahun tanah air telah dijajah. Implikatur yang terdapat pada ayat ini adalah pada ayat *ketiadaan wajah*. Ayat ini sebenarnya menggambarkan tanah air yang dikenali sebagai Malaya di jajah dan hanya wajah-wajah penjajah sahaja yang menghiasi tumpuk pemerintahan ketika itu. Sepatutnya pemerintah adalah terdiri daripada mereka yang berasal dari tanah air sendiri namun rakyat seolah-olah telah hilang hak.

Ayat yang seterusnya yang mempunyai implikatur adalah ayat Apakah tanda kehandalan pahlawan dan ayat sedang bangsa menjadi suruhan?. Kedua-dua ayat ini sebenarnya membawa kepada satu bentuk implikatur iaitu persoalan tentang di manakah pejuang-pejuang bangsa yang sepatutnya memperjuangkan maruah dan hak

rakyat kerana rakyat sudah menjadi hamba di tanah air sendiri. Implikatur yang wujud terletak pada perkataan *Apakah* pada permulaan ayat yang menggambarkan persoalan manakala ayat *tanda kehandalan pahlawan* pula menggambarkan tentang perjuangan pejuang-pejuang bangsa. Justeru apabila kedua-dua ayat dan perkataan ini digabungkan, ia menggambarkan persoalan tentang perjuangan pejuang-pejuang bangsa yang seolah-olah tidak wujud. Sementara itu bagi ayat sedang bangsa menjadi suruhan? pula memperlihatkan implikatur wujud pada perkataan *bangsa* dan *suruhan* yang menggambarkan rakyat sebagai hamba di tanah air sendiri. Implikatur seterusnya adalah pada ayat Ratusan tahun kita kehilangan rupa dan ayat Di tanah sendiri tuannya siapa?. Gabungan kedua-dua ayat ini sebenarnya membentuk implikatur yang sama seperti yang telah dinyatakan di atas.

Implikatur yang wujud dalam rangkap ketiga sajak ini telah berjaya dikesan oleh 4 orang pelajar yang terdiri daripada P2, P3,P5 dan P9. Implikatur yang dikesan oleh mereka terdiri daripada:

Rangkap 3:

- P2: Bertahun-tahun dahulu kita dijajah dan digunakan penjajah kita seperti dipermainkan walaupun di tanah sendiri.
- P3: Selama ratusan tahun kita seperti hilang di tanah air sendiri. Pada waktu itu kita hanya mampu menjadi orang suruhan
- P5: Terlalu lama dijajah sehingga negara ini bukan milik kita. Mempunyai kerajaan sendiri tetapi masyarakatnya di jajah, dan ditindas. Hilang hak keistimewaan di negara sendiri sehingga tidak mampu hidup di negara sendiri.
- P9: Di tanah sendiri kita diseksa. Di tanah sendiri kita dijadikan hamba. Semangat pahlawan menjadi nadi untuk terus berjuang.

P2, P3 dan P5 berjaya mengesan implikatur tentang tanah air yang sudah lama di jajah menerusi ayat Ratusan tahun kita ketiadaan wajah dan ayat Ratusan tahun kita kehilangan rupa. Kedua-dua ayat ini telah berjaya membina konteks pemula kepada P2, P3 dan P5 dalam menggambarkan bahawa tanah air yang sudah lama dijajah. Bagi P9 pula, beliau tidak mengesan implikatur tentang tanah air yang sudah lama dijajah. Di sini memperlihatkan bahawa P9 telah menggugurkan maklumat tentang tanah air yang sudah lama di jajah tetapi P9 hanya memberi perhatian dan membina konteks pada keadaan rakyat yang dijadikan hamba di tanah air sendiri sahaja.

Seterusnya P2, P3 dan P5 juga berjaya mengesan implikatur tentang keadaan rakyat yang diseksa dan dijadikan hamba walaupun berada di tanah air sendiri menerusi ayat sedang bangsa menjadi suruhan dan ayat Di tanah sendiri tuannya siapa? Dari segi interpretasi makna pula, hanya terdapat sedikit perbezaan dari segi gaya penyampaian makna yang dinyatakan oleh keempat-empat pelajar ini berbanding dengan penulis sajak sendiri dan perbezaan tersebut adalah seperti di bawah:

Makna sebenar penulis sajak:

Beratus tahun negara dijajah dan walaupun hidup di tanah sendiri,
tetapi penjajah yang menjajah menjadikan rakyat sebagai hamba
suruhan dan orang asing dibumi sendiri. Tiada kelihatan perjuangan
rakyat.

Makna yang dinyatakan oleh P2:

Bertahun-tahun dahulu kita dijajah dan digunakan penjajah, kita
seperti dipermainkan walaupun di tanah sendiri.

Makna yang dinyatakan oleh P3:

Selama ratusan tahun kita seperti hilang di tanah air sendiri. Pada
waktu itu kita hanya mampu menjadi orang suruhan.

Makna yang dinyatakan oleh P5:

Terlalu lama dijajah sehingga negara ini bukan milik kita. Mempunyai kerajaan sendiri tetapi masyarakatnya di jajah, dan ditindas. Hilang hak keistimewaan di negara sendiri sehingga tidak mampu hidup di negara sendiri.

Makna yang dinyatakan oleh P9:

Di tanah sendiri kita diseksa. Di tanah sendiri kita dijadikan hamba. Semangat pahlawan menjadi nadi untuk terus berjuang.

Jika dilihat kepada makna yang dinyatakan oleh keempat-empat pelajar ini, perbezaan adalah dari segi gaya penyampaian iaitu bahasa. Walaupun terdapat perbezaan dari segi bahasa, namun ia tidak menjaskankan proses menginterpretasi makna yang terdapat dalam rangkap ketiga sajak dan makna yang diinterpretasi adalah sama seperti mana maksud sebenar penulis sajak. Bagi P9 pula, makna yang berjaya diinterpretasi oleh beliau adalah berkaitan keadaan rakyat yang menjadi hamba sahaja di tanah air sendiri. Terdapat juga kesilapan makna yang diinterpretasi oleh beliau menerusi ayat Semangat pahlawan menjadi nadi untuk terus berjuang.

Implikatur seterusnya wujud pada rangkap keempat sajak yang terdiri daripada:

Betapa bosan dalam kehilangan
tiada seri di mata, segala malap
tiada cahaya di jiwa, segala gelap
lalu mengeluhrintih bangsa bawahan
kerana pendatang berdiri
mempertidak hak dan menuding jari :

Bentuk logik 1 :

Betapa _____ dalam _____
(sudah hal hilangnya
tidak suka sesuatu)
atau tidak
gemar lagi)

Bentuk logik 2 :

tiada _____ di mata, segala _____
(sesuatu yang (tidak
menyebabkan terang
sesuatu yang cahayanya)
lain kelihatan
bertambah
indah)

Bentuk logik 3 :

tiada cahaya di _____, segala _____
(nyawa, (tidak ada
roh, perasaan, cahaya)
fikiran)

Bentuk logik 4 :

lalu _____ bangsa bawahan.
(melahirkan
perasaan susah,
sedih dan mengeluh)

Bentuk logik 5:

_____ berdiri mempertidak hak
(orang asing
yang datang)

Bentuk logik 6 :

dan _____ jari
(menunjuk
ke sesuatu
arah)

Jika di amati kepada terjemahan bentuk-bentuk logik ini, implikatur yang wujud pada ketiga-tiga ayat ini tidak mungkin dapat di kesan kerana makna-makna yang wujud

bukanlah makna sebenarnya yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Ayat-ayat yang dinyatakan di atas mempunyai makna yang melangkaui makna-makna tersurat dalam terjemahan di atas. Namun demikian ayat-ayat yang telah dinyatakan merupakan ayat-ayat yang mempunyai implikatur berdasarkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Justeru bagi rangkap keempat sajak ini, penulis sajak telah mengulas bahawa rangkap ini membawa maksud:

Rakyat menggambarkan perasaan beliau yang bosan dan kecewa kerana terjajah dan segala keistimewaan dan hak rakyat telah di rampas.

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob)

Berdasarkan ulasan sebenar yang diberi oleh penulis sajak, ternyata implikatur sememangnya wujud pada tiga ayat dalam rangkap keempat ini. Ayat Betapa bosan dalam kehilangan sebenarnya menggambarkan implikatur tentang perasaan dan jiwa rakyat yang jemu dan bosan apabila tanah air telah dijajah dan jatuh ke tangan penjajah. Perkataan *bosan* yang membawa kepada implikatur tentang perasaan rakyat manakala perkataan *kehilangan* membawa kepada implikatur tanah air yang dijajah menyebabkan segala hak keistimewaan dan harta benda telah hilang dan jatuh ke tangan penjajah. Justeru perkataan-perkataan ini yang membangkitkan implikatur.

Sementara itu bagi ayat tiada seri di mata, segala malap dan ayat tiada cahaya di jiwa, segala gelap membawa implikatur tentang keadaan hidup rakyat yang sudah menjadi kucar-kacir, tidak bermakna dan tidak terbela akibat tanah air dijajah. Kedua-dua ayat ini membentuk satu implikatur yang telah dinyatakan. Justeru perkataan-perkataan yang membawa kepada implikatur adalah perkataan *seri* dan *mata*. Jika dilihat secara logik kedua-dua perkataan ini tidak mempunyai kaitan sama sekali namun

penulis sajak ingin menggambarkan hidup rakyat yang menjadi susah. Dalam kehidupan seharian mata yang berseri atau mempunyai seri menggambarkan hidup seseorang yang cukup bahagia. Kebahagiaan itu terpancar dari mata dan inilah yang cuba digambarkan oleh penulis sajak sekiranya hidup berada di dalam kesusahan atau tidak bahagia, keserian itu tidak terpancar dari mata. Begitu juga dengan perkataan *cahaya* dan *jiwa* yang menggambarkan kehidupan rakyat seolah-olah tidak bermakna lagi akibat negara di jajah kerana perkataan *cahaya* menggambarkan sesuatu yang indah dan sentiasa dikaitkan dengan perkara yang memberi makna dalam kehidupan manakala perkataan *jiwa* pula menggambarkan kehidupan.

Perkataan-perkataan lain yang turut membangkitkan implikatur adalah perkataan *malap* dan *gelap* yang juga menggambarkan kehidupan rakyat yang suram dan kehidupan seperti sebelum dijajah tidak dapat dikecapi lagi oleh rakyat ketika itu. Implikatur yang wujud seterusnya adalah pada ayat lalu mengeluhrintih bangsa bawahan. Implikatur pada ayat ini menggambarkan tentang perasaan dan suara hati rakyat yang terlalu sedih akan nasib yang menimpa hidup mereka. Perkataan *mengeluhrintih* yang membawa implikatur gambaran perasaan kerana apabila seseorang berada dalam keadaan terlalu sedih, sudah pasti keluhan dan rintihan yang menjadi salah satu cara untuk melepaskan perasaan tersebut.

Seterusnya ayat kerana pendatang berdiri dan ayat mempertidak hak dan menuding jari membawa implikatur tentang keadaan penjajah yang begitu angkuh dalam menjadikan rakyat sebagai hamba di tanah air sendiri. Perkataan yang membawa kepada implikatur adalah perkataan *pendatang* yang menampakkan ciri-ciri orang asing atau penjajah manakala ayat *mempertidak hak* dan ayat *menuding jari* juga membawa kepada kewujudan implikatur. Ayat-ayat ini memberi kesan dalam menunjukkan

keangkuhan penjajah terhadap rakyat kerana mereka bukanlah rakyat asal tetapi lagak mereka seolah-olah pemerintah asal sehingga sanggup menghapuskan keistimewaan rakyat. Bagi rangkap keempat sajak ini kesemua pelajar tidak dapat mengesan implikatur yang wujud.

Pada rangkap kelima sajak ini juga mempunyai implikatur dan rangkap kelima sajak ini terdiri daripada:

“Kami sebenarnya tuan,
Kamu yang lemah adalah suruhan!

Walaupun rangkap kelima sajak ini memperlihatkan seperti ayat yang mempunyai kata-kata, namun ayat ini sebenarnya ayat yang mempunyai implikatur.

Bentuk logik 1 :

“ Kami sebenarnya _____
(orang tempat
menghambakan
diri)

Bentuk logik 2 :

Kamu yang _____ adalah _____!
(lesu,lembik) (sesuatu yang di suruh)

Jika di amati kepada terjemahan bentuk-bentuk logik ini, implikatur sememangnya tidak dapat dilihat akan kewujudannya kerana hanya makna-makna tersurat sahaja yang di dapati. Namun ayat-ayat ini sebenarnya ayat yang berimplikatur berdasarkan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak iaitu :

Gambaran kata-kata penjajah bahawa mereka lahan tuan dalam negara dan rakyat negara terjajah yang lemah itu adalah hamba suruhan.

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob)

Melihat kepada maksud sebenar yang disampaikan oleh penulis sajak, ayat-ayat di atas merupakan ayat yang mempunyai implikatur dan makna yang mendalam. Justeru kedua-dua ayat "Kami sebenarnya tuan, dan Kamu yang lemah adalah suruhan!" mempunyai implikatur tentang kata-kata dan nada tegas penjajah terhadap tanah air dan rakyat. Perkataan yang membawa kepada implikatur ialah perkataan *tuan* yang cukup menggambarkan betapa angkuhnya penjajah mengakui diri mereka sebagai tuan sedangkan mereka merupakan orang asing yang datang ke negara lain.

Selain itu perkataan *lemah* dan *suruhan* juga membawa kepada implikatur yang menunjukkan sikap penjajah yang merendah-rendahkan martabat rakyat dan mereka hanya dianggap sebagai golongan yang lemah, tidak mampu berlawan dan hanya layak sebagai hamba suruhan. Pembuka kata dan tanda seruan yang terdapat pada ayat ini juga menggambarkan seperti penjajah berdialog di hadapan rakyat dengan kata-kata angkuh mereka. Implikatur yang wujud dalam rangkap kelima juga tidak dapat dikesan oleh kesemua pelajar. Implikatur seterusnya wujud pada rangkap keenam sajak ini dan rangkap keenam sajak ini terdiri daripada:

Tetapi segala sementara, segala sementara
Tidak terbenam inti keberanian
tidak terkikis nadi kepahlawan:
bangkit Tok Janggut dengan kegagahan
bangkit Mat Kilau dengan kecekalan
bangkit Maharaja Lela dengan kehandalan
bangkit Bahaman dengan keyakinan
bangkit segala wira, bangkit
bangkit bangsaku memaknakan pertuanan:
berbadai di jiwa membela ibunda
berapi di mata menuntut merdeka !

Ayat-ayat yang bergaris di atas merupakan ayat-ayat yang mempunyai implikatur berdasarkan ulasan sebenar yang diberikan oleh penulis sajak tentang maksud yang ingin disampaikan oleh beliau dalam rangkap keenam sajak ini iaitu :

Rangkap ini menggambarkan seruan dan kebangkitan pahlawan-pahlawan melayu yang menentang penjajah. Walaupun negara dan bangsa dijajah, semangat untuk menentang penjajahan tidak dilupakan begitu sahaja. Rangkap ini juga menggambarkan semangat dan sumpah setia dalam membela tanah air dan bangsa.

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob)

Ulasan ini diperolehi daripada penulis sajak dan ia amat penting dalam membuktikan bahawa rangkap keenam ini mempunyai implikatur. Seterusnya penulis akan melihat sama ada ayat-ayat yang bergaris di atas mempunyai implikatur seperti yang telah dinyatakan maksud sebenar oleh penulis sajak. Justeru ayat-ayat yang bergaris akan diterjemahkan ke bentuk-bentuk logik seperti berikut:

Bentuk logik 1 :

Tidak _____ keberanian.
(tenggelam) (isi)

Bentuk logik 2 :

Tidak _____ kepahlawanan
(terluput, (denyutan)
lenyap)

Penterjemahan keatas bentuk logik 1 dan bentuk logik 2 tidak menunjukkan wujudnya implikatur pada ayat ini. Jika diamati makna yang diperolehi adalah tidak tenggelam isi keberanian manakala bentuk logik 2 adalah tidak terluput atau lenyap nadi

kepahlawanan. Keberanian dan kepahlawanan adalah sifat yang dimiliki oleh manusia yang sedang berjuang dan ia bukanlah hidupan yang mempunyai isi atau denyutan seperti manusia. Namun berdasarkan konteks sajak yang ditulis oleh penulis yang bertemakan perjuangan, maka penggunaannya tetap relevan dalam membentuk implikatur tentang tekad dan semangat juang rakyat yang tidak pernah luntur dalam usaha menentang penjajah. Justeru terdapat perkataan yang membawa kepada kewujudan implikatur ini adalah terletak pada perkataan *keberanian* dan *kepahlawanan* cukup jelas dalam menggambarkan semangat juang rakyat yang tinggi dalam mempertahankan tanah air daripada dijajah manakala perkataan *inti* dan *nadi* menggambarkan semangat yang lahir dari dalam diri rakyat dalam meneruskan perjuangan mereka.

Sementara itu penterjemahan bagi bentuk logik 3 dan bentuk logik 4 pula adalah seperti berikut:

Bentuk logik 3 :

_____ Tok Janggut dengan kegagahan
(berdiri daripada duduk)

Bentuk logik 4 :

_____ segala _____, bangkit
(berdiri daripada duduk) (pahlawan)

Bentuk logik 5 :

bangkit bangsaku _____ :
(menjelaskan erti) (kuasa pemerintahan)

Daripada terjemahan yang dilakukan makna yang diperolehi adalah perihal Tok Janggut yang berdiri daripada duduk dengan penuh kegagahan manakala bentuk logik 4 pula memperlihatkan makna segala pahlawan juga berdiri daripada duduk. Bagi bentuk logik 5 pula, makna yang diperolehi adalah bangkit bangsaku menjelaskan erti kuasa pemerintahan. Makna yang diperolehi tidak jelas dan kabur serta sukar difahami. Namun ayat-ayat ini mempunyai ciri-ciri istimewa iaitu ayat yang berimplikatur. Ayat bangkit yang diulangi sebanyak 6 kali dan diikuti dengan nama-nama pahlawan Melayu cukup relevan menggambarkan konteks kebangkitan pahlawan-pahlawan Melayu ini dalam memperjuangkan tanah air. Implikatur yang wujud pada ayat bagi bentuk logik 3,bentuk logik 4 dan bentuk logik 5 adalah seruan dan semangat kebangkitan pahlawan-pahlawan Melayu dalam menentang penjajah untuk mendapatkan semula hak rakyat dan kuasa pemerintahan. Nama-nama seperti Tok Janggut, Mat Kilau, Maharaja Lela dan Bahaman merupakan pahlawan-pahlawan yang berjuang menentang penjajah sebelum negara mencapai kemerdekaan.

Justeru penggunaan nama-nama inilah yang membawa kepada implikatur yang telah dinyatakan dan bertepatan dengan apa yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Selain itu perkataan seperti *kegagahan,kecekalan,kehandalan* dan *keyakinan* menggambarkan ciri-ciri pejuang bangsa yang sejati dalam berjuang untuk tanah air. Perkataan seperti *pertuanan* pula yang membawa maksud kuasa pemerintahan dapat memberi mesej yang cukup jelas tentang perjuangan rakyat dalam mengembalikan kuasa pemerintahan kepada rakyat negara asal. Sementara itu bagi ayat yang diterjemahkan ke bentuk logik seterusnya iaitu:

Bentuk logik 6 :

ber_____ di jiwa membela _____
(angin ribut) (bonda)

Bentuk logik 7 :

_____ di mata menuntut merdeka!
(mengandungi
api)

Daripada terjemahan yang dilakukan pada bentuk logik 6, makna yang diperolehi adalah tentang angin ribut dalam membela bonda manakala bentuk logik 7 pula makna yang diperolehi mata yang mengandungi api ketika menuntut kemerdekaan. Secara logik ini keadaan angin ribut tidak mempunyai kaitan dengan membela bonda manakala mata sememangnya tidak mempunyai api. Justeru terjemahan ini masih gagal dalam memperlihatkan kewujudan implikatur. Berdasarkan konteks keseluruhan sajak yang bertemakan perjuangan ayat bagi bentuk logik 6 dan 7 sebenarnya membawa implikatur tentang semangat rakyat dan pejuang bangsa yang berkobar-kobar dalam menuntut kemerdekaan tanah air daripada penjajah. Hal ini dapat dilihat pada perkataan *berbadai* yang membawa maksud angin ribut. Apa yang cuba disampaikan oleh penulis sajak adalah tentang semangat pejuang yang diumpamakan seperti angin rebut dalam berjuang menuntut kemerdekaan tanah air manakala perkataan *ibunda* pula bukanlah merujuk kepada ibu atau bonda tetapi ia merupakan tanah air tercinta.

Selain itu perkataan *berapi* yang digabungkan dengan perkataan *mata* memberi gambaran tentang semangat juang yang tinggi dan berkobar-kobar. Sifat yang ada pada api menunjukkan tanda keberanian dan inilah yang cuba disampaikan oleh penulis sajak. Justeru dalam memperlihatkan kewujudan implikatur, perkataan-perkataan yang relevan dengan konteks yang ingin digambarkan oleh penulis sajak adalah berperanan penting dalam membangkitkan implikatur. Justeru seramai 5 orang pelajar telah berjaya mengesan implikatur yang wujud dalam rangkap keenam sajak ini dan mereka terdiri

daripada P2, P3, P5, P7 dan P9. Di halaman sebelah di senaraikan implikatur yang berjaya dikesan oleh mereka.

Rangkap 6:

P2: Namun kita segera bangkit melawan penjajah, walaupun di tindas tetapi tetap ada lahir pahlawan-pahlawan tanah air membela nasib bangsa dan negara.

P3: Walaupun menjadi suruhan, semangat kemerdekaan tetap membara. Di mana-mana terdapat pemimpin-pemimpin yang bangkit. Awas penjajah.

P5: Mujurlah muncul wira-wira kepahlawanan yang berani menentang penjajah tidak gentar segala ancaman demi menjaga hak masyarakat di bumi sendiri untuk mencapai kemerdekaan, kebebasan yang sekian lama diimpikan.

P7: Walaupun begitu, semangat keberanian dan kepahlawanan masih ada dalam diri setiap rakyat, dengan kebangkitan beberapa pahlawan negara bangun membela negara.

P9: Semua wira-wira negara bangkit memperjuangkan hak masing-masing untuk mendapat kemerdekaan negara.

Bagi kelima-lima pelajar ini, mereka berjaya mengesan implikatur tentang kebangkitan pahlawan-pahlawan Melayu dalam menentang penjajah. Ternyata nama-nama pahlawan melayu menjadi konteks utama bagi kesemua pelajar ini dalam memahami maksud dalam rangkap keenam sajak ini. Selain itu perkataan seperti *kegagahan, kecekalan, kehandalan, keyakinan* dan *berapi* juga berjaya memberi kesan konteks kepada kesemua pelajar ini dalam menggambarkan semangat perjuangan pahlawan-pahlawan Melayu dalam mempertahankan kedaulatan tanah air. Perkataan-perkataan inilah yang memandu dan membimbing pembaca iaitu terdiri daripada lima orang pelajar ini untuk memahami makna tersirat yang terdapat pada setiap ayat dalam rangkap keenam sajak. Jika penulis sajak tidak meletakkan nama-nama pahlawan

Melayu, sudah pasti pembaca mengalami kesukaran untuk memahami maksud yang ingin disampaikan kerana mereka tidak dapat membina konteks pemula. Dari segi interpretasi makna pula, kesemua pelajar ini dapat menginterpretasi makna yang terdapat dalam rangkap keenam sajak dan sekali lagi perbezaan hanya terdapat pada gaya penyampaian iaitu bahasa. Namun makna yang dinyatakan oleh mereka tidak lari dari makna sebenar penulis sajak.

Rangkap seterusnya yang mempunyai implikatur adalah pada rangkap ketujuh sajak yang terdiri daripada:

Kini bagaikan permata
Merdeka di genggaman kita
Tergenggam juga kebijaksanaan
Kitalah penentu kelangsungan

Implikatur sememangnya wujud dalam rangkap ketujuh sajak ini berdasarkan ulasan yang diberi oleh penulis sajak terhadap maksud sebenar yang beliau ingin sampaikan iaitu :

Hari ini negara sudah pun merdeka dan tiada lagi penjajahan pada tanah air dan bangsa. Namun begitu generasi hari ini haruslah mengekalkan kemerdekaan tersebut dan meneruskan perjuangan dalam memastikan negara tidak dijajah lagi.

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob)

Seterusnya ayat-ayat yang bergaris ini akan diterjemahkan ke bentuk-bentuk logik.

Bentuk logik 1 :

Kini bagaikan _____
(batu yang
berharga yang
diikat pada cincin)

Bentuk logik 2 :

Merdeka di _____ kita
(benda yang
digenggam
dalam tangan)

Berdasarkan terjemahan bentuk-bentuk logik di atas, makna yang diperolehi hanyalah makna perkataan demi perkataan sahaja. Sekiranya pembaca sajak hanya merujuk kepada makna dalam bentuk logik ini sahaja, sudah pasti pembaca tidak dapat mengenalpasti maksud tersirat yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Justeru pada bentuk logik 1, makna yang diperolehi adalah hari ini seperti batu permata yang diikat pada cincin. Secara logiknya hari ini tidak berkaitan dengan batu permata dan konteks yang ada pada ayat ini tidak jelas. Begitu juga dengan bentuk logik 2 yang memberi makna tentang merdeka yang merupakan hari yang disambut negara tanda pembebasan daripada penjajah boleh digenggam. Merdeka bukanlah benda yang boleh dipegang kerana perkataan genggaman hanya bersesuaian dengan benda yang boleh dipegang.

Namun berpegang kepada maksud sebenar yang diberi oleh penulis sajak, ayat-ayat pada bentuk logik 1 dan bentuk logik 2 mempunyai implikatur. Ayat Kini bagaikan permata dan ayat Merdeka di genggaman kita adalah ayat yang membawa implikatur tentang keadaan negara hari ini yang sudah bebas dari penjajahan penjajah dan menjadi sebuah negara yang berjaya dan maju. Justeru perkataan yang membantu dalam mewujudkan implikatur pada ayat ini adalah perkataan *permata* yang cuba digambarkan oleh penulis sesuatu yang indah. Kebebasan yang diperolehi dan terkeluar dari kongkongan penjajah adalah saat yang cukup indah bagi seluruh rakyat setelah bertahun-tahun tanah air di bawah pengaruh penjajah. Perkataan *Merdeka* yang digabungkan dengan perkataan *di genggaman* bukanlah ingin menunjukkan merdeka boleh digenggam dan merdeka bukanlah sesuatu benda yang boleh digenggam tetapi ia

menggambarkan kejayaan bebas daripada penjajah dapat di rasai oleh seluruh rakyat. Hal ini terbukti sekiranya kita mengenggam sesuatu benda dan ia boleh dirasa.

Ayat seterusnya yang akan diterjemahkan ke bentuk-bentuk logik adalah seperti berikut :

Bentuk logik 3 :

Tergenggam juga _____
(perihal bijaksana)

Bentuk logik 4 :

Kitalah penentu _____
(perihal berterusan)

Jika dilihat kepada makna yang diperoleh daripada terjemahan ini adalah tentang bijaksana yang boleh digenggam dan tentang kitalah penentu berterusan. Makna-makna yang diperolehi ini tidak menunjukkan ciri-ciri implikatur dan juga kabur. Jika perkataan *kitalah* tidak dirujuk kepada konteks sajak ini maka perkataan ini juga kabur dan tidak dijelaskan ia merujuk kepada siapa. Berdasarkan konteks sajak, ayat-ayat pada bentuk logik 3 dan bentuk logik 4 mempunyai implikatur. Ayat Tergenggam juga kebijaksanaan dan ayat Kitalah penentu kelangsungan sebenarnya membawa kepada implikatur tentang pejuang-pejuang bangsa dan juga rakyat berjaya menentang penjajah dan mencapai kemerdekaan dan generasi pada hari ini harus meneruskan perjuangan dengan mengekalkan keamanan yang dikecapi kini. Perkataan yang membantu dalam mewujudkan implikatur adalah perkataan *tergenggam* dan perkataan *kebijaksanaan*. Seperti yang diketahui kebijaksanaan bukanlah sesuatu yang boleh digenggam kerana kebijaksanaan adalah sifat yang ada pada seseorang manusia yang berjaya. Justeru apa

yang cuba digambarkan oleh penulis adalah kejayaan pejuang bangsa dan rakyat seluruhnya yang sebelum ini direndahkan martabatnya oleh penjajah berjaya memerdekaan tanah air dari penjajahan.

Justeru perkataan *tergenggam* pula menggambarkan kejayaan yang akhirnya berpihak kepada rakyat dalam usaha memerdekaan tanah air dari penjajah. Sementara itu perkataan *kitalah* merujuk kepada generasi pada hari ini yang tidak merasai bagaimana rakyat terdahulu terpaksa berjuang bermati-matian demi tanah air tercinta. Justeru perkataan *penentu kelangsungan* menggambarkan amanat atau pesanan kepada generasi pada hari ini yang harus mengekalkan kemerdekaan yang dikehendaki dan jangan disia-siakan segala perjuangan yang dilakukan oleh pejuang bangsa terdahulu. Perkataan-perkataan inilah yang dipilih oleh penulis sajak dalam mewujudkan implikatur pada ayat-ayat yang dinyatakan. Implikatur yang terdapat pada rangkap ketujuh sajak ini telah berjaya dikesan oleh empat orang pelajar yang terdiri daripada P1, P5, P7 dan P9. Implikatur yang dikesan oleh mereka adalah seperti berikut:

Rangkap 7:

P1: Kemerdekaan tercapai jua akhirnya

P5: Setelah wira negara berjaya berjuang, kemerdekaan tercapai dan muncul kemajuan serta kebahagian. Kitalah anak muda bangsa penentu kemerdekaan dan pemangkin negara.

P7: Akhirnya kemerdekaan di capai!

P9 : Sekarang, kemerdekaan sudah menjadi milik kita. Kitalah yang menentukan nasib negara kita sekarang.

Bagi P1 dan P7, mereka hanya mengesan implikatur tentang kemerdekaan yang akhirnya dicapai iaitu menerusi ayat Merdeka di genggaman kita. Ternyata perkataan merdeka memberikan konteks pemula kepada kedua pelajar ini. Namun perkembangan

konteks seterusnya tidak berjaya dilakukan oleh kedua pelajar ini dan pemprosesan maklumat terhenti pada ayat Merdeka di genggaman kita sahaja. Hal ini terjadi mungkin disebabkan kekurangan konteks bagi P1 dan P7 dalam usaha mereka memproses maklumat.

Sementara itu bagi P5 dan P9 pula, mereka berjaya mengesan implikatur tentang kemerdekaan yang di capai menerusi ayat Merdeka di genggaman kita dan juga implikatur tentang generasi hari ini yang harus mengekalkan kemerdekaan dan meneruskan perjuangan supaya negara tidak dijajah lagi menerusi ayat Tergenggam juga kebijaksanaan dan ayat Kitalah penentu kelangsungan. Perkataan *tergenggam* dan *kebijaksanaan* telah berjaya memberi konteks dan kesan konteks kepada keempat-empat pelajar ini dalam menggambarkan kejayaan dalam memperolehi kemerdekaan. Selain itu perkataan *kitalah* dan *penentu kelangsungan* berjaya memberi konteks kepada P5 dan P9 dalam menggambarkan peranan generasi hari ini yang harus menyambung warisan perjuangan pahlawan terdahulu.

Implikatur seterusnya adalah pada rangkap kelapan sajak ini yang terdiri daripada:

Pengalaman adalah perisai sejati
tegap kita dengan mata waspada
santun kita dengan telinga budi
kita bangunkan tiang yang lima
dalam rangka hidup bersama
kita ukir hala tuju
dengan agama, budaya dan ilmu

Ayat-ayat bergaris di atas merupakan ayat-ayat yang mempunyai implikatur dan kewujudan implikatur itu diakui oleh maksud sebenar yang diperolehi daripada penulis sajak iaitu :

Pengalaman masa lampau menjadi azimat dan pengajaran yang paling berguna untuk mempertahankan negara. Rakyat juga harus berpegang kepada rukun negara sebagai ikrar untuk mempertahankan keamanan dan kesejahteraan negara.

(Ulasan oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob)

Bentuk logik 1 :

Pengalaman adalah _____
(alat untuk _____ (asli)
menangkis
senjata)

Bentuk logik 2 :

_____ kita dengan mata _____
(kukuh dan kuat) (berhati-hati)

Bentuk logik 3 :

_____ kita dengan telinga _____
(budi bahasa) (akal)

Setelah ayat-ayat ini diterjemahkan ke bentuk-bentuk logik, implikatur masih gagal dikesan. Jika dilihat ayat pada bentuk logik 1 menunjukkan pengalaman mempunyai perisai. Pengalaman bukanlah senjata yang digunakan dalam peperangan kerana pengalaman adalah jalan hidup yang ditempuhi oleh setiap manusia manakala ayat pada

bentuk logik 2 memperlihatkan makna kekuatan dan mata yang berhati-hati. Kekuatan adalah sifat kuat yang ada pada manusia dan sememangnya tidak mempunyai kaitan dengan mata manakala berhati-hati merupakan satu bentuk peringatan dan pesanan untuk mengelak dari kemalangan atau bahaya. Sementara itu bagi bentuk logik 3 pula memperlihatkan makna budi pekerti yang tidak mempunyai kaitan dengan perkataan telinga dan akal. Budi pekerti adalah sifat yang harus ada pada manusia manakala telinga adalah anggota pada tubuh manusia serta akal pula adalah anugerah Tuhan kepada manusia dalam membimbing manusia dalam berfikir.

Terjemahan ayat-ayat ini kabur dan tidak memberi apa-apa makna. Namun berbalik kepada konteks sajak, ayat-ayat ini sebenarnya ayat-ayat yang bermakna dan makna itu melangkaui batas-batas makna literal. Justeru pada ayat Pengalaman adalah perisai sejati membawa implikatur tentang perkara yang terjadi pada masa lampau harus dijadikan pengajaran dan pedoman. Perkataan *perisai* yang membantu dalam mewujudkan implikatur kerana dalam perperangan perisai digunakan untuk mempertahankan diri dan juga menangkis dari senjata yang boleh membawa kecederaan. Oleh itu, penggunaan perisai itu yang cuba digambarkan oleh penulis sajak iaitu pengalaman masa lampau dijadikan pertahanan kepada generasi masa kini dalam mempertahankan keamanan negara.

Bagi ayat Tegap kita dengan mata waspada dan ayat Santun kita dengan telinga budi membawa implikatur tentang generasi pada hari ini haruslah berhati-hati dan sentiasa berwaspada dalam apa jua tindakan dan nilai-nilai murni harus ditanam dalam membentuk jati diri sebagai bangsa yang berjaya dan dihormati. Implikatur yang wujud ini adalah daripada perkataan *tegap*. Perkataan *tegap* memperlihatkan ciri-ciri yang kuat dan apa yang cuba digambarkan oleh penulis sajak adalah generasi hari ini perlu berani dan kuat dalam menempuh apa jua cabaran serta berhati-hati dalam setiap tindakan

tanduk. Sikap berhati-hati dalam tindak-tanduk inilah yang digambarkan penulis sajak menerusi perkataan *mata* dan *waspada*. Sementara itu perkataan *santun* pula menggambarkan nilai-nilai murni yang harus ada dalam diri setiap rakyat dalam membentuk jati diri. Perkataan *telinga* dan perkataan *budi* yang diguna oleh pembaca bukanlah menggambarkan telinga yang mempunyai akal tetapi sebagai simbol dalam menggambarkan sikap generasi hari ini yang harus menggunakan akal dalam menerima segala informasi demi kesejahteraan dan keamanan negara.

Bentuk logik 4 :

Kita bangunkan _____ yang lima
(kayu yang di
pasang tegak
untuk menyokong)

Terjemahan bagi bentuk logik 4 juga tidak dapat mengesan kewujudan implikatur kerana hanya makna perkataan demi perkataan sahaja yang diperolehi. Namun ayat-ayat ini mempunyai implikatur dan bersesuaian dengan konteks sajak yang ditulis oleh penulis sajak. Justeru ayat Kita bangunkan tiang yang lima membawa implikatur tentang rakyat harus berpegang kepada ikrar dan taat setia kepada negara dalam memajukan serta mempertahankan negara. Ikrar dan taat setia itu di gambarkan pada perkataan *tiang* dan perkataan *lima*. Dua perkataan ini sebenarnya yang membantu dalam mewujudkan implikatur. Perkataan *tiang* menggambarkan sokongan dalam menguatkan perpaduan serta mempertahankan negara dari sebarang ancaman manakala perkataan *lima* pula merujuk kepada ikrar yang terdiri daripada 5 rukun negara yang menjadi teras dan pegangan seluruh rakyat tanda setia kepada negara. Bagi rangkap kelapan sajak ini kesemua pelajar tidak dapat mengesan implikatur yang wujud.

4.5.6.1 Jenis-Jenis Implikatur

Penulis telah mengenalpasti jenis-jenis implikatur yang wujud dalam sajak tahun 2000 dalam sajak ini. Justeru jenis-jenis implikatur yang wujud terdiri daripada:

i) Implikatur Ayat Figuratif

Bagi pernyataan (i), terdapat beberapa ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini iaitu:

- a) Lalu berapakah harga kelangsungan nafas
- b) Ratusan tahun kita ketiadaan wajah
- c) Ratusan tahun kita kehilangan rupa
- d) Tidak terbenam inti keberanian
- e) Tidak terkikis nadi kepahlawan
- f) berbadai di jiwa membela ibunda
- g) Kini bagaikan permata
- h) Merdeka digenggaman kita
- i) Tergenggam juga kebijaksanaan
- j) Pengalaman adalah perisai sejati
- k) tegap kita dengan mata waspada
- l) santun kita dengan telinga budi
- m) kita bangunkan tiang yang lima

Bagi kesemua ayat yang disenaraikan merupakan ayat-ayat yang tergolong dalam implikatur ayat figuratif. Kesemua ayat-ayat ini merupakan ayat-ayat yang mempunyai

unsur-unsur metafora, hiperbola dan personafikasi. Sebagai contoh ayat berbadai di jiwa membela ibunda dan ayat Ratusan tahun kita kehilangan rupa yang menunjukkan unsur hiperbola di mana mempunyai pernyataan yang berlebih-lebihan. Selain itu ayat Tidak terkikis nadi kepahlawan menunjukkan unsur personafikasi di mana terdapat sifat-sifat manusia di dalam ayat tersebut iaitu pada perkataan *nadi* yang digabungkan dengan perkataan *kepahlawan*.

ii) Implikatur Ayat Interogatif

Bagi pernyataan (ii) pula, terdapat satu ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini iaitu:

a) sedang bangsa menjadi suruhan?

Dalam ayat (a), terdapat ciri-ciri ayat tanya yang bertujuan untuk menanyakan sesuatu hal dan pertanyaan tersebut adalah pertanyaan secara umum.

iii) Implikatur Kata Seruan

Dalam pernyataan (iii) pula, terdapat dua ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini iaitu:

a) Kamu yang lemah adalah suruhan!

b) berapi di mata menuntut merdeka!

Kedua-dua ayat di halaman sebelah merupakan ayat seruan yang melahirkan berbagai-bagi perasaan. Seperti dalam ayat (a) menggambarkan perasaan angkuh manakala ayat (b) pula menggambarkan menggambarkan semangat yang berkobar-kobar untuk berjuang.

iv) Implikatur Kata Pengulangan

Bagi pernyataan (iv) pula, terdapat enam ayat yang tergolong dalam implikatur jenis ini iaitu:

- a) bangkit Tok Janggut dengan kegagahan
- b) bangkit Mat Kilau dengan kecekalan
- c) bangkit Maharaja Lela dengan kehandalan
- d) bangkit Bahaman dengan keyakinan
- e) bangkit segala wira bangkit
- f) bangkit bangsaku memaknakan pertuanan

Dalam ayat di atas, kesemua ayat diulangi dengan perkataan bangkit yang menunjukkan ciri-ciri penegasan oleh penulis sajak.

4.5.6.2 Strategi Penggunaan Implikatur

Seterusnya penulis juga telah mengenalpasti beberapa strategi yang digunakan oleh penulis sajak menerusi dan strategi-strategi tersebut terdiri daripada:

- i) Strategi untuk menyatakan persoalan dan ketidakpuasan hati

- ii) Strategi untuk menyatakan perasaan bosan dan marah
- iii) Strategi untuk menyatakan keangkuhan
- iv) Strategi untuk menyatakan semangat perjuangan
- v) Strategi untuk menyatakan nasihat

Bagi strategi untuk menyatakan persoalan dan ketidakpuasan hati digambarkan penulis sajak dalam rangkap kedua dan rangkap ketiga sajak seperti di bawah:

Rangkap kedua:

Lalu berapakah harga kelangsungan nafas
ketika kita tunduk tewas
terkongkong dan tertindas?

Rangkap ketiga:

Ratusan tahun kita ketiadaan wajah
Apakah tanda kehandalan pahlawan
sedang bangsa menjadi suruhan?
Ratusan tahun kita kehilangan rupa
Di tanah sendiri tuannya siapa?

Dalam kedua-dua rangkap sajak ini, penulis melontarkan persoalan demi persoalan dan melahirkan ketidakpuasan hatinya sebagai seorang rakyat terhadap tanah air yang terus-terusan dijajah tanpa ada sebarang pertolongan. Strategi yang seterusnya ialah menyatakan perasaan bosan dan marah di nyatakan oleh penulis sajak dalam rangkap keempat sajak iaitu:

Rangkap 4:

Betapa bosan dalam kehilangan
tiada seri di mata, segala malap
tiada cahaya di jiwa, segala gelap
lalu mengeluhrintih bangsa bawahan
kerana pendatang berdiri
mempertidak hak dan menuding jari:

Kedaan tanah air yang terus dijajah dan rakyat yang terpaksa menjadi hamba di tanah air sendiri menjadikan penulis sajak merasa bosan dan marah dengan keadaan tersebut. Strategi yang seterusnya adalah strategi untuk menyatakan keangkuhan yang dapat dilihat pada rangkap kelima sajak iaitu:

Rangkap 5:

“Kami sebenarnya tuan,
kamu yang lemah adalah suruhan!”

Dalam rangkap kelima sajak di atas menunjukkan gambaran penjajah yang begitu angkuh apabila menjajah tanah air. Mereka merasakan seolah-olah mereka lah yang berhak ke atas tanah air ketika itu, sedangkan tanah air bukanlah negara asal mereka. Strategi yang berikutnya adalah strategi untuk menyatakan semangat perjuangan yang digambarkan oleh penulis sajak pada rangkap keenam sajak iaitu:

Rangkap 6:

bangkit Tok Janggut dengan kegagahan
bangkit Mat Kilau dengan kecekalan
bangkit Maharaja Lela dengan kehandalan
bangkit Bahaman dengan keyakinan
bangkit segala wira bangkit
bangkit bangsaku memaknakan pertuanan

Perkataan bangkit yang disertakan dengan nama pahlawan-pahlawan melayu menggambarkan semangat perjuangan pahlawan-pahlawan melayu dalam menentang penjajah. Strategi yang terakhir iaitu untuk menyatakan nasihat dapat dilihat pada rangkap ketujuh dan kelapan sajak iaitu:

Rangkap 7:

Kini bagaikan permata
merdeka di genggaman kita

samb....

tergenggam juga kebijaksanaan
kitalah penentu kelangsungan

Rangkap 8:

Pengalaman adalah perisai sejati
tegap kita dengan mata waspada
santun kita dengan telinga budi
kita bangunkan tiang yang lima
dalam rangka hidup bersama
kita ukir hala tuju
dengan agama, budaya dan ilmu

Pada kedua-dua rangkap ini menggambarkan nasihat yang diberikan oleh penulis sajak kepada pembaca sebagai generasi pada hari ini yang perlu meneruskan warisan perjuangan dahulu serta mereka perlu mengekalkan kemerdekaan yang telah dikehapi dengan berpegang kepada agama, budaya dan juga rukun negara yang menjadi teras kepada masyarakat dan generasi pada hari ini.

Setelah melihat implikatur dalam keenam buah sajak, perkataan-perkataan yang diguna oleh penulis sajak dalam menyampaikan setiap maksud berperanan penting dalam membimbing pembaca untuk memahami maksud sebenar yang terkandung dalam sajak. Namun demikian, setiap manusia mempunyai cara pemikiran dan pandangan yang berbeza dalam menghuraikan sesuatu makna. Tidak semua pembaca dapat memikirkan perkara yang sama dengan pembaca yang lain dan proses kognitif ini melibatkan usaha memproses maklumat. Dalam usaha memproses maklumat itu, sudah pasti terdapat faktor-faktor yang akan membantu melicinkan pemprosesan sesuatu maklumat dan juga terdapat faktor-faktor yang menjadikekangan kepada usaha memproses sesuatu maklumat tersebut. Faktor-faktor tersebut akan dibincangkan pada bab yang seterusnya.

4.6 Faktor- Faktor Yang Menyumbang Kepada Kegagalan Mengesan

Implikatur

Dalam analisis yang dijalankan kepada keenam-enam sajak yang dibaca oleh 10 orang pelajar ini, ternyata tidak semua pelajar yang dapat mengesan implikatur dan gagal dalam mentafsir maklumat sebenar yang terkandung dalam sajak. Ada di antara mereka sukar mendapatkan konteks yang sama dengan penulis sajak. Justeru penulis telah mengenalpasti 6 faktor yang menyebabkan mereka gagal mengesan implikatur dalam sajak. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

- a) Latarbelakang pelajar
- b) Penguasaan bahasa yang lemah
- c) Bahasa yang digunakan dalam sajak
- c) Tajuk sajak tidak jelas
- d) Rangkap sajak terlalu panjang
- e) Penceritaan dalam sajak yang bertukar-tukar antara satu zaman dan zaman yang lain.

Faktor-faktor yang telah disebut ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

4.6.1 Latar belakang Pelajar

Faktor pertama yang menyebabkan pelajar gagal mengesan implikatur dalam sajak adalah disebabkan latarbelakang pelajar itu sendiri. Pelajar-pelajar yang membaca sajak ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar dari bidang kejuruteraan. Justeru pengetahuan mereka pada ayat-ayat berkias yang melibatkan unsur-unsur sastera adalah amat

terbatas. Walaupun kesemua mereka pernah mempelajari sajak sebagai salah satu topik yang penting dalam pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah, namun kesemua mereka bukanlah pelajar dari jurusan sastera tetapi kesemua mereka merupakan pelajar jurusan sains. Justeru setiap maklumat yang diproses adalah melibatkan pengalaman yang mereka lalui di dalam hidup. Pengalaman yang dilalui inilah dijadikan sebagai pembina konteks untuk mereka memproses segala maklumat yang tersirat dalam sajak. Namun bagi pelajar yang terbiasa dengan bidang sastera yang melibatkan sajak sudah pasti mereka memahami dengan penggunaan gaya bahasa yang mempunyai makna tersirat seterusnya dapat memproses makna sebenar yang terkandung dalam sajak.

4.6.2 Penguasaan Bahasa Yang Lemah

Penguasaan bahasa yang lemah juga menjadi faktor kedua yang menyumbang kepada kegagalan pelajar dalam mengesan implikatur. Kekurangan pengetahuan dari sudut tatabahasa menyebabkan pelajar-pelajar agak sukar untuk menterjemahkan makna sebenar di dalam sesebuah sajak. Keadaan inilah yang menyebabkan pelajar tidak dapat menggambarkan sesuatu keadaan yang diceritakan di dalam sesebuah sajak kerana penulis sajak biasanya menggunakan sesuatu perkataan untuk melambangkan sesuatu perkara. Apabila pelajar tidak dapat menggambarkan sesuatu keadaan yang diceritakan dalam sesebuah sajak, maka pasti akan terjadinya kekeliruan maklumat di mana pelajar menginterpretasi perkara yang salah. Di sinilah berlakunya salah tanggapan kepada sesuatu maklumat. Terdapat beberapa perkataan dalam beberapa buah sajak yang sukar difahami dan sukar diinterpretasi oleh pelajar.

4.6.3 Bahasa Yang Digunakan Dalam Sajak

Faktor yang seterusnya adalah dari segi bahasa iaitu bahasa yang digunakan oleh penulis sajak ketika beliau menulis sajak tersebut. Bahasa yang terlalu berbunga dan terlalu banyak bahasa yang berbentuk figuratif atau bahasa yang bombastik akan membuatkan pembaca iaitu pelajar memerlukan proses kognitif yang tinggi untuk memahami makna sebenar yang ingin disampaikan. Walaupun sajak dijadikan medium bagi penulis sajak meluahkan pandangan mahupun perasaan secara tersirat, penulis sajak juga bertanggungjawab dalam memandu dan membimbing pembaca dalam membuat andaian-andaian yang relevan terhadap makna yang ingin disampaikan. Andaian-andaian yang relevan akan membantu pelajar membina konteks dan kesan konteks dalam usaha mereka memproses maklumat. Sebagai contoh ayat dalam rangkap keempat sajak *Sumpah Anak Watan* oleh Adi Badiozaman Tuah:

Anak peribumi
kira berdegil batu hatinya
buat kesekian kalinya
kita titis air mata darah
kita hembus nafas panas api
kita bakar mereka
bersama
api yang mereka nyalakan sendiri

4.6.4 Tajuk Sajak Yang Tidak Jelas

Faktor yang keempat adalah berkenaan tajuk sajak yang tidak jelas. Pelajar-pelajar yang gagal mengesan kewujudan implikatur juga berpendapat bahawa tajuk sajak yang kurang jelas menyebabkan mereka tidak dapat mengaitkan apakah maksud

sebenar yang ingin disampaikan dalam sesebuah sajak. Tajuk sajak memainkan peranan penting sebagai satu ‘klu’ atau sebagai konteks pemula kepada pelajar untuk menggambarkan keadaan sesuatu perkara di sebalik sajak yang ditulis. Sebagai contoh tajuk yang kurang jelas yang telah dinyatakan oleh pelajar adalah pada sajak tahun 60an yang bertajuk *Pintaku Padamu*.

4.6.5 Rangkap Sajak Terlalu Panjang

Terdapat sajak yang ditulis dengan rangkap yang terlalu panjang dan ini akan mengganggu kosentrasi pelajar dalam usaha mereka memahami maksud yang ingin disampaikan. Keadaan ini juga menyebabkan pelajar gagal mengesan implikatur yang wujud. Apabila kosentrasi dan tumpuan pelajar terganggu, ini akan menyebabkan pelajar tidak mendapat konteks sebenar ketika mereka berusaha memproses maklumat yang terdapat dalam sajak. Sebagai contoh bagi sajak tahun 80an yang mempunyai dua rangkap tetapi sajak tersebut mempunyai baris yang terlalu panjang. Begitu juga dengan sajak bagi tahun 2000 yang mempunyai 9 rangkap. Bagi kedua-dua sajak ini, pelajar yang gagal mengesan implikatur menyatakan mereka kehilangan fokus ketika membaca kedua sajak ini.

4.6.6 Penceritaan Dalam Sajak Yang Tidak Konsisten

Bagi faktor yang terakhir ini juga menyebabkan pelajar gagal mengesan implikatur dalam sajak. Mereka menyatakan bahawa penceritaan dalam sajak yang tidak konsisten menyebabkan mereka keliru dan gagal memahami sepenuhnya maksud sebenar dalam sesebuah sajak. Keadaan ini dapat dilihat dalam sajak tahun 2000 yang berjudul *Kitalah Tuan*. Permulaan rangkap pertama sehingga rangkap keenam sajak

menceritakan sejarah lampau ketika tanah air dijajah. Manakala rangkap ketujuh hingga rangkap kesembilan menceritakan tentang negara pada hari ini yang telah merdeka. Keadaan ini menyebabkan pelajar hilang fokus dan tidak memahami sajak yang dibaca.

4.7 Kesimpulan

Setelah penulis melakukan analisis dengan terperinci, jelaslah bahawa tiga gagasan utama seperti konteks, kesan konteks dan kos memproses memainkan peranan penting dalam membolehkan pembaca memproses maklumat yang tersirat yakni implikatur. Agak sukar bagi seseorang pembaca untuk mempunyai konteks yang sama dengan penulis sajak kerana corak pemikiran dan cara seseorang itu memahami sesuatu amat berbeza di antara satu sama lain. Namun kekayaan konteks sekurang-kurangnya dapat memberi sebahagian daripada konteks asal yang terkandung dalam pemikiran penulis kepada pembaca. Dengan cara ini pembaca dapat memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis sajak. Ternyata Teori Relevan dapat menghuraikan kewujudan implikatur dalam sajak dan juga keberkesanan teori ini dalam memproses dan menunjukkan kewujudan implikatur dalam sajak berdasarkan huraihan-huraian yang terperinci yang telah dinyatakan oleh penulis dalam bab ini.